67	I use Arabic dictionaries and thesaurus	7 (2.0)		211 (60.3)	100 (28.6)	4 (1.1)
68	I use cause and effect techniques while reading	2 (0.6)		188 (53.7)	154 (44.0)	4 (1.1)
69	I use clues from the Arabic context to figure out Arabic words meaning	2 (0.6)		175 (50.0)	141 (40.3)	4 (1.1)
70	I use compare and contrast techniques while reading			247 (70.6)	99 (28.3)	4 (1.1)
71	I use context to gain meaning from what I read			247 (70.6)	99 (28.3)	4 (1.1)
72	I use individualized active reading plan	3 (0.9)		185 (52.9)	154 (44.0)	4 (1.1)
73	I use information I have gathered to judge explanations and opinions	1 (0.3)	6 (1.7)	205 (58.6)	94 (26.9)	4 (1.1)
74	I use meta-cognitive strategies for monitoring comprehension		4 (1.1)	160 (45.7)	148 (42.3)	4 (1.1)
75	I use my knowledge of Arabic word parts to figure out word's meaning		2 (0.6)	193 (55.1)	118 (33.7)	4 (1.1)
76	I use my knowledge of Arabic word roots to figure out words meaning		5 (1.4)	177 (50.6)	162 (46.3)	4 (1.1)
77	I use my knowledge of Arabic word suffixes to figure out words meaning		6 (1.7)	157 (44.9)	145 (41.4)	4 (1.1)
78	I use my knowledge of word Prefixes to figure out Arabic words meaning		2 (0.6)	233 (66.6)	111 (31.7)	4 (1.1)
79	I use my own reasoning to judge complicated explanations and opinions		8 (2.3)	183 (52.3)	110 (31.4)	4 (1.1)
80	I use new Arabic vocabularies		3 (0.9)	178 (50.9)	163 (46.0)	4 (1.1)

No.	Arabic Reading Skills	VP (%)	P (%)	G (%)	VG (%)	E (%)
81	I use nouns that I learn		5 (1.4)	159 (45.4)	147 (42.0)	4 (1.1)
82	I use parts of speech that I learn	1 (0.3)	8 (2.3)	193 (55.1)	108 (30.9)	4 (1.1)
83	I use verbs that I learn			236 (67.4)	110 (31.4)	4 (1.1)
84	I use words that I have studied		2 (0.6)	186 (53.1)	155 (44.3)	4 (1.1)
85	I view Arabic material from different perspectives		2 (0.6)	193 (55.1)	112 (32.0)	6 (1.7)

Jadual 4.17 menunjukkan perbandingan kekerapan bagi setiap item kepada pelajar bertindak balas terhadap kaedah Kemahiran Menulis Bahasa Arab. Hasilnya menunjukkan 97 item kaedah adalah majoriti ke arah tindak balas positif.

Jadual 4.17: Laporan respon bagi setiap item dalam Kemahiran Menulis Bahasa Arab

No.	Arabic Writing Skills	VP (%)	P (%)	G (%)	VG (%)	E (%)
1	I attend to the mechanics of Arabic writing		10 (2.9)	158 (45.1)	142 (40.6)	4 (1.1)
2	I attend to the punctuation in my Arabic writing		2 (0.6)	217 (62.0)	91 (26.0)	4 (1.1)
3	I categorize information in my Arabic writing		1 (0.3)	230 (65.7)	95 (27.1)	4 (1.1)
4	I choose an appropriate Arabic writing topic		1 (0.3)	229 (65.4)	87 (24.9)	5 (1.4)
5	I conclude ideas in my Arabic writing		2 (0.6)	193 (55.1)	103 (29.4)	20 (5.7)
6	I correctly add necessary letters in a word in my Arabic writing		2 (0.6)	201 (57.4)	104 (29.7)	25 (7.1)

No.	Arabic Writing Skills	VP (%)	P (%)	G (%)	VG (%)	E (%)
7	I correctly change letters' shapes in my Arabic writing	1 (0.3)	4 (1.1)	149 (42.6)	142 (40.6)	4 (1.1)
8	I correctly double letters in my Arabic writing		4 (1.1)	193 (55.1)	85 (24.3)	4 (1.1)
9	I correctly join Arabic letters in my Arabic writing	1 (0.3)	4 (1.1)	191 (54.6)	94 (26.9)	4 (1.1)
10	I correctly separate letters in my Arabic writing	1 (0.3)	2 (0.6)	172 (49.1)	137 (39.1)	4 (1.1)
11	I correctly separate words in my Arabic writing		14 (4.0)	164 (46.9)	134 (38.3)	4 (1.1)
12	I correctly stress letters in my Arabic writing		28 (8.0)	217 (62.0)	55 (15.7)	4 (1.1)
13	I correctly use (Al'im'la') Arabic Spelling	2 (0.6)	42 (12.0)	202 (57.7)	55 (15.7)	4 (1.1)
14	I correctly use Arabic Handwriting rules	2 (0.6)	36 (10.3)	201 (57.4)	52 (14.9)	4 (1.1)
15	I correctly use grammar in my Arabic writing		6 (1.7)	207 (59.1)	86 (24.6)	4 (1.1)
16	I correctly use literary forms in my Arabic writing		1 (0.3)	246 (70.3)	99 (28.3)	4 (1.1)
17	I correctly use morphology in my Arabic writing	1 (0.3)	3 (0.9)	187 (53.4)	106 (30.3)	4 (1.1)
18	I correctly use vocabularies in my Arabic writing		8 (2.3)	195 (55.7)	92 (26.3)	4 (1.1)
19	I correctly write (Almu'tallah) words in my Arabic writing			187 (53.4)	154 (44.0)	4 (1.1)
20	I discuss my Arabic writing with others		7 (2.0)	196 (56.0)	92 (26.3)	4 (1.1)
21	I edit what I have written in Arabic			247 (70.6)	99 (28.3)	4 (1.1)
22	I elaborate written ideas in my Arabic writing		5 (1.4)	185 (52.9)	106 (30.3)	4 (1.1)

No.	Arabic Writing Skills	VP (%)	P (%)	G (%)	VG (%)	E (%)
23	I eliminate fragments in my Arabic writing		8 (2.3)	195 (55.7)	92 (26.3)	4 (1.1)
24	I focus on main point in my Arabic writing			187 (53.4)	154 (44.0)	4 (1.1)
25	I gather information from articles and use it in my Arabic writing		5 (1.4)	198 (56.6)	92 (26.3)	4 (1.1)
26	I gather information from books and use it in my Arabic writing		2 (0.6)	245 (70.0)	99 (28.3)	4 (1.1)
27	I gather variety of information and use it in my Arabic writing		2 (0.6)	189 (54.0)	106 (30.3)	4 (1.1)
28	I Generate an outline when necessary		6 (1.7)	197 (56.3)	92 (26.3)	4 (1.1)
29	I generate ideas in my Arabic writing		1 (0.3)	186 (53.1)	154 (44.0)	4 (1.1)
30	I Generate sufficient ideas in my Arabic writing		5 (1.4)	198 (56.6)	92 (26.3)	4 (1.1)
31	I identify paragraph structure			247 (70.6)	99 (28.3)	4 (1.1)
32	I identify content outline hierarchically in my Arabic writing	2 (0.6)	6 (1.7)	106 (52.6)	38 (30.3)	4 (1.1)
33	I incorporate suggestions for improvement on my Arabic writing		10 (2.9)	194 (55.4)	92 (26.3)	4 (1.1)
34	I maintain subject-verb agreement		3 (0.9)	185 (52.9)	153 (43.7)	4 (1.1)
35	I make thoughtful choices about what to include in my Arabic writing		6 (1.7)	198 (56.6)	92 (26.3)	4 (1.1)
36	I narrow a topic in my Arabic writing		1 (0.3)	246 (70.3)	99 (28.3)	4 (1.1)
37	I organize my Arabic writing		2 (2.5)	190 (54.3)	106 (30.3)	4 (1.1)
38	I organize written content in my Arabic writing		5 (1.4)	198 (56.6)	92 (26.3)	4 (1.1)

No.	Arabic Writing Skills	VP (%)	P (%)	G (%)	VG (%)	E (%)
39	I refine the topic sentence in my Arabic writing			187 (53.4)	151 (43.1)	4 (1.1)
40	I respond helpfully to other Arabic writings	2 (0.6)		245 (70.0)	98 (28.0)	4 (1.1)
41	I review my own Arabic written work for errors	6 (1.7)		197 (56.3)	92 (26.3)	4 (1.1)
42	I take part in Arabic writing conference	1 (0.3)		246 (70.3)	99 (28.3)	4 (1.1)
43	I use a proof-reading checklist in my Arabic writing	3 (0.9)		192 (54.9)	106 (30.3)	4 (1.1)
44	I use Arabic spelling of Al'alif' Almutatar'rifah - Al'maq'suurah	8 (2.3)		199 (56.9)	92 (26.3)	4 (1.1)
45	I use Arabic spelling of Al'alif' Al'mutatar'rifah of Tawiil	1 (0.3)		187 (53.4)	154 (44.0)	4 (1.1)
46	I use Arabic spelling rules of AL' of the Al'qamariyyah category			247 (70.6)	98 (28.0)	4 (1.1)
47	I use Arabic spelling rules of Al'fas'lu separating letters	6 (1.7)		198 (56.6)	92 (26.3)	4 (1.1)
48	I use Arabic spelling rules of Al'ham'zah Al'mutatar'rifah			247 (70.6)	99 (28.3)	4 (1.1)
49	I use Arabic spelling rules of Al'ham'zah Al'mutawas'sitah	3 (0.9)		199 (56.9)	106 (30.3)	4 (1.1)
50	I use Arabic spelling rules of Al'huruufu Az'zaaidah	5 (1.4)		209 (59.7)	92 (26.3)	4 (1.1)
51	I use Arabic spelling rules of Al'Ziyadah rules of adding letters	1 (0.3)		187 (53.4)	154 (44.0)	4 (1.1)
52	I use Arabic spelling rules of At'tanwiin for doubling short vowels	2 (0.6)		199 (56.9)	106 (30.3)	4 (1.1)
53	I use Arabic spelling rules of At'tashdiid for doubling consonants	5 (1.4)		208 (59.4)	92 (26.3)	4 (1.1)
54	I use Arabic spelling rules of four categories of Al'hamazaatu	5 (1.4)		197 (56.3)	106 (30.3)	4 (1.1)

No.	Arabic Writing Skills	VP (%)	P (%)	G (%)	VG (%)	E (%)
55	I use Arabic spelling rules of Ham'zatul'qat'i	1 (0.3)	8 (2.3)	206 (58.9)	91 (26.0)	4 (1.1)
56	I use Arabic spelling rules of Ham'zatul'wasli	1 (0.3)	5 (1.4)	209 (59.7)	92 (26.3)	4 (1.1)
57	I use Arabic spelling rules of hiding letters Al'Hadh'fu			247 (70.6)	99 (28.3)	4 (1.1)
58	I use Arabic spelling rules of joining letters Al'was'lu		3 (0.9)	196 (56.0)	106 (30.3)	4 (1.1)
59	I use Arabic spelling rules of letter Ta for Al' Maft'uuhah category		6 (1.7)	205 (58.6)	92 (26.3)	4 (1.1)
60	I use Arabic spelling rules of letter Ta for Al' Mar'buutah category		3 (0.9)	185 (52.9)	154 (44.0)	4 (1.1)
61	I use Arabic spelling rules of soft Alifs Al'Alif Al'lawayyah			247 (70.6)	99 (28.3)	4 (1.1)
62	I use Arabic spelling rules of stress Al'mad'du		2 (0.3)	199 (56.9)	106 (30.3)	4 (1.1)
63	I use Arabic spelling rules of stressing long vowels	1 (0.3)	5 (1.4)	209 (59.7)	91 (26.0)	4 (1.1)
64	I use Arabic spelling rules of the final Ham'zahs		7 (2.0)	205 (58.6)	92 (26.3)	4 (1.1)
65	I use Arabic spelling rules of the middle Ham'zahs			247 (70.6)	99 (28.3)	4 (1.1)
66	I use brainstorming when writing in Arabic	1 (0.3)	2 (0.6)	190 (54.3)	106 (30.3)	4 (1.1)
67	I use charts for necessary Arabic descriptions		8 (2.3)	197 (56.3)	92 (26.3)	4 (1.1)
68	I use commas appropriately in compound and complex Arabic sentences		4 (1.1)	174 (49.7)	165 (47.1)	4 (1.1)
69	I use complete and simple sentence in my Arabic writing		1 (0.3)	233 (66.6)	111 (31.7)	4 (1.1)
70	I use computer programs for Arabic composing		4 (1.1)	189 (54.0)	106 (30.3)	4 (1.1)

No.	Arabic Writing Skills	VP (%)	P (%)	G (%)	VG (%)	E (%)
71	I use computer programs for Arabic content revising		1 (0.3)	233 (66.6)	112 (32.0)	4 (1.1)
72	I use computer programs for Arabic editing		2 (0.6)	182 (52.0)	118 (33.7)	4 (1.1)
73	I use computer programs for Arabic writing accuracy		4 (1.1)	190 (54.3)	105 (30.0)	4 (1.1)
74	I use computer programs for evaluating Arabic written materials		5 (1.4)	189 (54.0)	106 (30.3)	4 (1.1)
75	I use free Arabic writing techniques			234 (66.9)	112 (32.0)	4 (1.1)
76	I use General writing rules	1 (0.3)	3 (0.9)	180 (51.4)	118 (33.7)	4 (1.1)
77	I use mapping for necessary Arabic descriptions		5 (1.4)	189 (54.0)	106 (30.3)	4 (1.1)
78	I use necessary metaphors forms in my Arabic writing		1 (0.3)	178 (50.9)	164 (46.9)	4 (1.1)
79	I use periods appropriately		1 (0.3)	233 (66.6)	111 (31.7)	4 (1.1)
80	I use standard outline format in my Arabic writing		4 (1.1)	190 (54.3)	106 (30.3)	4 (1.1)
81	I use supporting sentences in my Arabic writing	1 (0.3)	2 (0.6)	231 (66.0)	112 (32.0)	4 (1.1)
82	I use theses statements in my Arabic writing	1 (0.3)	1 (0.3)	182 (52.0)	118 (33.7)	4 (1.1)
83	I use topic sentences construction in my Arabic writing	1 (0.3)	4 (1.1)	198 (56.6)	92 (26.3)	4 (1.1)
84	I use transitions to connect sentences			187 (53.4)	155 (44.3)	4 (1.1)
85	I use words precisely in my Arabic writing		1 (0.3)	246 (70.3)	98 (28.0)	4 (1.1)
86	I vary sentence structure in my Arabic writing		7 (2.0)	176 (50.3)	104 (29.7)	23 (6.6)

No.	Arabic Writing Skills	VP (%)	P (%)	G (%)	VG (%)	E (%)
87	I work with classmates in my Arabic writing	1 (0.3)	2 (0.6)	214 (61.1)	110 (31.4)	23 (6.6)
88	I work with teachers in my Arabic writing		3 (0.9)	181 (51.7)	118 (33.7)	23 (6.6)
89	I write Arabic letters to my friends	1 (0.3)	5 (1.4)	187 (53.4)	111 (31.7)	23 (6.6)
90	I write Arabic reports correctly		4 (1.1)	163 (46.6)	157 (44.9)	23 (6.6)
91	I write Arabic stories correctly		1 (1.1)	216 (61.7)	109 (31.1)	23 (6.6)
92	I write complete sentences in my Arabic writing		7 (2.0)	180 (51.4)	104 (29.7)	23 (6.6)
93	I write different types of compositions in Arabic		1 (0.3)	216 (61.7)	110 (31.4)	23 (6.6)
94	I write for different purposes in Arabic		3 (0.9)	181 (51.7)	120 (34.3)	24 (17.5)
95	I write introduction in my Arabic writing		5 (1.4)	184 (52.6)	102 (29.1)	35 (10.0)
96	I write simple sentences in my Arabic writing		2 (0.6)	165 (47.1)	145 (41.1)	35 (10.0)
97	I write words sentence in my Arabic writing		2 (0.6)	199 (56.9)	105 (30.0)	44 (12.6)

4.2.3 Taburan Skor Min bagi Setiap Item

4.2.3.1 Taburan skor min bagi setiap item dalam kalangan jantina

Jadual 4.18: Skor Min Bagi Setiap Item Dalam Kalangan Jantina

Subscales	Gender	Mean	Std. Deviation
ALM@ “LEXICOLSEM” (learning method)	Female	3.3758	.10283
	Male	3.1843	.20361

Arabic Listening Skills	Female	3.3615	.40478
	Male	3.4703	.36737
Arabic Speaking Skills	Female	3.3200	.33685
	Male	3.3613	.31555
Arabic Reading Skills	Female	3.3758	.34465
	Male	3.4143	.31800
Arabic Writing Skills	Female	3.3159	.38009
	Male	3.3370	.32823

4.2.3.2 Taburan skor min item *Arabic Hyperlinked Relational Latency* (ALM)

“LEXICOLSEM”

Jadual 4.19: Skor min bagi setiap 5 item dalam kalangan Universiti

Subscales University	Arabic Hiperpautan Relational Latency “LEXICOLSEM” (learning method)		Arabic Listening Skills		Arabic Speaking Skills		Arabic Reading Skills		Arabic Writing Skills	
	Mean	Std. Deviation	Mean	Std. Deviation	Mean	Std. Deviation	Mean	Std. Deviation	Mean	Std. Deviation
UM	3.2953	.18155	3.3373	.32960	3.4090	.40004	3.3925	.33694	3.3248	.36129
UPM	3.2953	.18155	3.3373	.32960	3.4090	.40004	3.3925	.33694	3.3248	.36129
UKM	3.2953	.18155	3.3373	.32960	3.4090	.40004	3.3925	.33694	3.3248	.36129
UIAM	3.2953	.18155	3.3373	.32960	3.4090	.40004	3.3925	.33694	3.3248	.36129
UniSZA	3.2981	.18229	3.3378	.34004	3.3963	.37121	3.3889	.33525	3.3246	.36631
USIM	3.2927	.18143	3.3373	.32960	3.4090	.40004	3.3925	.33694	3.3248	.36129
USAS	3.2953	.18155	3.3373	.32960	3.4090	.40004	3.3925	.33694	3.3248	.36129

Jadual 4.20: Rumusan Skor Min Pelajar

	Mean Scores for Hyperlinked Relational Latency "LEXICOLSEM" Complementary Frequency Scales	Mean Scores for Arabic Skills' Competency Scales	
Hyperlinked Relational Latency "LEXICOLSEM" Complementary Frequency	Pearson (<i>r</i>)	Listening Mean Scores -.039	Arabic Listening Skills
"Hyperlinked Relational Latency "LEXICOLSEM" Complementary Frequency	Pearson (<i>r</i>)	Speaking Mean Scores -.107*	Arabic Speaking Skills
"Hyperlinked Relational Latency "LEXICOLSEM" Complementary Frequency	Pearson (<i>r</i>)	Reading Mean Scores -.058	Arabic Reading Skills
"Hyperlinked Relational Latency "LEXICOLSEM" Complementary Frequency	Pearson (<i>r</i>)	Writing Mean Scores -1.54**	Arabic Writing Skills
Overall Mean Scores For Hyperlinked Relational Latency "LEXICOLSEM" Complementary Frequency Scales	Pearson (<i>r</i>)	Overall Mean Scores for Arabic Skills' Competency -1.744	Overall Mean Scores For Arabic Skills' Competency Scales

4.3 Analisis Teks

Dalam kaedah kedua, penulis telah menggunakan kaedah analisis teks atau analisis dokumen bagi ayat-ayat dalam surah al-Hajj secara rawak dan sistematik. Sebanyak 39 sampel kajian telah dipilih iaitu dari ayat 1 hingga ayat 39 dalam surah al-Hajj. Hasil ketiga puluh sembilan sampel tersebut dianalisis oleh tiga kaedah model LEXICOLSEM iaitu Kaedah Model Pertama, Kaedah Model Kedua dan Kaedah Mode Ketiga. Analisis teks atau dokumen ini akan hanya memfokuskan pada


penguasaan sampel kerana analisis teks dijalankan terhadap hasil analisis terhadap sampel-sampel. Hasil analisis sampel akan dinilai oleh dua orang pakar di kalangan pakar bahasa Arab dan pakar al-Quran melalui sesi temu bual oleh penulis.

4.3.1 Analisis Model “LEXICOLSEM” dalam surah al-Hajj (الحج) dari ayat 1 - 10 (Kaedah Model Pertama)

Kajian LEXICOLSEM telah diuji dalam surah al-Hajj dari ayat 1 hingga 10 dengan menggunakan kaedah model pertama (tahap 1) seperti berikut:

1. Al-Quran. Al-Hajj 22:1

Kajian Model LEXICOLSEM dalam surah al-Hajj ini dianalisis berdasarkan kepada langkah-langkah di fasa analisis teks dan diaplikasikan dalam ayat pertama surah al-Hajj seperti berikut:



Rajah 4.1: Analisis LEXICOLSEM dalam QS al-Hajj / 22:1, oleh Asma Abdul Rahman, 2020 – 2023

Dalam rajah 4.1 di atas, penulis mengkategorikan ayat 1 sebagai 1ج yang bermaksud sebagai bilangan ayat yang merangkumi ayat 1 dalam surah al-Hajj. Seterusnya, penulis telah menganalisis ayat 1 ini menggunakan perisian Wordsmith8 dan telah mengeluarkan sembilan (9) pecahan bentuk kata yang disusun dalam petak seperti yang tertera di dalam rajah. Hasil analisis senarai kata (Wordlist) ayat 1 surah al-Hajj boleh dilihat dalam Lampiran 1.

Kemudian, bentuk kata-kata tersebut seterusnya dikategorikan sebagai huruf = حرف, merujuk kata nama = طس, merujuk kata kerja = طف, dan kata nama = س. Penulis menggunakan jadual simbol dan maksud di Jadual 3.1 sebagai rujukan untuk mengekstrak konsep perkataan dalam ayat pertama hingga ayat tiga puluh sembilan surah al-Hajj.

Dalam peringkat kedua, sembilan bentuk kata ini dibahagikan pula kepada kategori-kategori yang boleh kita rujuk dalam jadual simbol dan maksud. Pembahagian kata tersebut dapat dilihat dengan lebih jelas lagi di Jadual 4.21 berikut:

Jadual 4.21: Jadual Kelas bagi QS al-Hajj / 22:1

No.	Bentuk Kata	Kategori	Pecahan (makna)	Kekerapan	Hubungan perkataan
1.	يَا أَيُّهَا	حرف	<i>mubtada'</i> dan <i>munada</i>	2	-
2.	النَّاسِ	طس	kata nama	8	antonim / hiponim/ meronim
3.	اَقْبُوا	طف	kata kerja	1	-
4.	رَبِّكُمْ	طس	kata nama	1	sinonim
5.	إِنَّ	حرف	huruf	11	-
6.	زَلْزَلَةٍ	طس	kata nama	1	sinonim
7.	السَّاعَةِ	طس	kata nama	2	sinonim
8.	شَيْءٍ	س	kata nama	3	-
9.	عَظِيمٍ	س	kata nama	1	sinonim
9		4 kategori			

Berdasarkan kepada Jadual kelas di atas, penulis telah membuat analisis menggunakan perisian Wordsmith8 dan telah mengeluarkan sembilan (9) bentuk kata yang boleh dikategorikan sifatnya kepada 3 kategori iaitu huruf sebagai kategori mubtada' dan munada, kata nama, kata kerja atau perbuatan. Bentuk kata يَا أَيُّهَا di kategorikan sebagai mubdata' kerana ia menjadi pemula ayat. Mubtada' boleh didefinisikan sebagai '*Kata nama yang marfu' yang terletak di awal ayat, tidak ada agen lafaz yang asal dan selepasnya ada perkataan yang menyempurnakan makna utama bagi ayat tersebut...*' Definisi ini dipetik dari ('Abba:s Hasan, 1987). Takrifan lainnya mengenai al-Mubtada' dan al-Khabar adalah '*Dua kata nama yang terbentuk dari keduanya satu ayat yang lengkap seperti (Kebenaran itu suatu kemenangan) dan (Kemerdekaan itu adalah jaminan kebahagiaan ummat)*' (Mustafa Al-Ghala:yi:niyy, 1994).

Adapun *munada* pula adalah isim yang terletak setelah salah satu huruf dari huruf-huruf nida' (untuk memanggil). Huruf-huruf nida' adalah seperti berikut:

يا : untuk semua munada

الهمزة : untuk panggilan jarak dekat

أي، هيا، أي : untuk panggilan jarak jauh

وا : untuk ratapan

Dalam konteks ayat pertama ini, bentuk kata يَا أَيُّهَا dikategorikan sebagai mubtada' حرف

(م) dan munada هـ، +ا+ منادى+أي، maka terjadilah satu bentuk kata يَا أَيُّهَا = يا + أيها. Hasil

carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata يَا أَيُّهَا pula ada disebutkan

sebanyak 2 kali dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata kedua : النَّاسُ , penulis mengkategorikan di bawah طس (فا) yang bermaksud kepada merujuk kata nama dan فاعل iaitu subjek yang membawa maksud ‘Manusia’. Perkataan ‘Manusia’ ini merupakan perkataan antonim dengan perkataan ‘Binatang’ dalam skop surah al-Hajj. Kedua-dua bentuk kata ini terletak dalam ayat yang berbeza tetapi dalam surah al-Hajj yang sama. ‘Manusia’ juga adalah perkataan yang mempunyai hubungan hiponim, iaitu ia merupakan superordinat kepada ‘Makhluk’. Adapun pecahan kepada bentuk kata ini dipecahkan pula kepada س + ال menjadikan Alif dan lam itu sebagai أداة التعريف dan menggunakan simbol ناس + تعر menghasilkan النَّاسُ. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata النَّاسُ kerap disebutkan sebanyak lapan (8) kali dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata ketiga : أَتُّوْا, penulis mengkategorikan kata ini di bawah طرف فعلي dan menggunakan simbol ف + فا = طف yang bermaksud kepada merujuk kata kerja atau perbuatan dan فاعل iaitu subjek yang membawa maksud ‘bertaqwalah’. Adapun pecahan kepada bentuk kata ini dipecahkan pula kepada و + اتق di mana و + ا dikategorikan sebagai (ض) Dhomir, kata ganti nama yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø yang tiada kedudukan. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata أَتُّوْا ada disebutkan sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata keempat dalam ayat pertama surah al-Hajj, iaitu ضف إليه, penulis mengkategorikan kata ini bawah طس (فا) ditambah dengan ضف إليه yang

bermaksud kepada merujuk kata nama, فاعل, dan, مضاف إليه iaitu subjek dan ditambah kepada dhomir كم iaitu kata ganti nama yang disembunyikan yang membawa maksud ‘Tuhan kamu’. Perkataan ‘Tuhan’ ini juga sinonim dengan perkataan lainnya dalam skop surah al-Hajj seperti ‘Allah, Rabb, Al-Hamid, Al-Haq, Tuhan Yang Maha Esa’ dan kesemuanya membawa maksud yang sama iaitu ‘Tuhan’. Adapun كم itu, merujuk kepada kata ganti nama yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø yang tiada kedudukan. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata رَبُّكُمْ ada disebut sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata kelima dalam ayat pertama surah al-Hajj, iaitu إِنَّ, penulis mengkategorikan sebagai mubtada’ حرف (مف) (ح) dan نصب, iaitu sebagai objek, khabar, dan huruf syarat yang membawa maksud ‘Sesungguhnya’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, kekerapan bentuk kata إِنَّ ini ada disebut sebanyak sebelas (11) kali dalam skop kajian surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata keenam dalam ayat pertama surah al-Hajj, iaitu زُلْزَلَةٌ, penulis mengkategorikan kata ini bawah طس (اسم إن) yang merujuk kepada kata nama bentuk nama sebelumnya iaitu إِنَّ dan ditambah dengan ضف yang bermaksud ditambah kepada dhomir kata nama اسم. Bentuk kata زُلْزَلَةٌ yang membawa maksud ‘Gempa’. Perkataan ‘Gempa’ ini juga sinonim dengan perkataan lainnya dalam skop surah al-Hajj seperti ‘Kiamat, As-sa’at, Akhirat, dan Binasa’ dan kesemuanya membawa

maksud yang sama iaitu ‘Hari Kiamat’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata زُلْزَلَةٌ ada disebut sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata ketujuh dalam ayat pertama surah al-Hajj, iaitu السَّاعَةِ, penulis mengkategorikan kata ini di bawah طس (ضف إليه) yang bermaksud kepada merujuk kata nama dan مضاف إليه yang ditambah isim yang kedua dipanggil (Mudhaf Ilaih). Biasanya ia adalah dari jenis Nama Khas atau Isim Ma’arifah dan ada ال dipangkalnya yang bermaksud ada pengecualian. Adapun pecahan kepada bentuk kata ini dipecahkan pula kepada ال + س menjadikan Alif dan lam itu sebagai أداة التعريف dan menggunakan simbol ساعَة + تعر menghasilkan السَّاعَةِ. السَّاعَةِ yang membawa maksud ‘Kiamat’. Perkataan ‘Kiamat’ ini merupakan sinonim dengan perkataan lainnya dalam skop surah al-Hajj seperti ‘Zalzalah, As-sa’at, Akhirat, dan Binasa’ dan kesemuanya membawa maksud yang sama iaitu ‘Hari Kiamat’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata السَّاعَةِ disebutkan sebanyak dua kali dalam surah al-Hajj.


Seterusnya, bagi bentuk kata kelapan : شَيْءٌ, penulis mengkategorikan kata ini di bawah س (خ إن) yang bermaksud isim kata nama dan khabar iaitu kata nama yang terbentuk dari satu ayat yang lengkap yang membawa maksud ‘suatu’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata شَيْءٌ disebutkan sebanyak 3 kali dalam ayat 1, 6, dan 17 surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata kesembilan : عَظِيمٌ, penulis mengkategorikan kata ini di bawah س (صفة مو) yang bermaksud isim kata nama dan sifat iaitu kata nama yang


terbentuk dari satu ayat yang lengkap yang membawa maksud ‘yang amat besar’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata عَظِيمٌ disebutkan sebanyak sekali dalam surah al-Hajj.

2. Al-Quran. Al-Hajj 22:2

يَوْمَ تَرَوْنَهَا تَذْهَلُ كُلُّ مُرْضِعَةٍ عَمَّا أَرْضَعَتْ وَتَضَعُ كُلُّ ذَاتِ حَمْلٍ حَمْلَهَا وَتَرَى النَّاسَ سُكَرَىٰ هُمْ بِسُكْرَىٰ
وَلَكِنَّ عَذَابَ اللَّهِ شَدِيدٌ ﴿٢﴾



Rajah 4.2: Analisis LEXICOLSEM dalam QS al-Hajj / 22:2, oleh Asma Abdul Rahman, 2020 - 2023



Rajah 4.2, bersambung

Seterusnya dalam ayat kedua surah al-Hajj di atas merupakan antara ayat yang panjang dalam surah ini, penulis menganalisis dengan menggunakan kaedah analisis teks bagi mengekstrak perkataan dari ayat kedua ini seperti dalam Rajah 4.2 di atas.

Rajah 4.2 di atas, penulis mengkategorikan ayat kedua sebagai 2ج yang bermaksud sebagai bilangan ayat yang merangkumi ayat 2 dalam surah al-Hajj. Seterusnya, penulis telah menganalisis ayat kedua ini dengan menggunakan perisian Wordsmith8 dan telah mengeluarkan sembilan dua puluh dua (22) pecahan bentuk kata yang disusun dalam petak seperti yang tertera di dalam rajah. Hasil analisis senarai kata (Wordlist) ayat 2 surah al-Hajj boleh dilihat di Lampiran 2.

Kemudian, bentuk kata tersebut seterusnya dikategorikan sebagai huruf = حرف, merujuk kata nama = طس, merujuk kata kerja = طف, dan kata nama = س. Penulis menggunakan jadual simbol dan maksud di Jadual 3.1 sebagai rujukan untuk mengekstrak konsep perkataan dalam ayat kedua surah al-Hajj.

Dalam peringkat kedua, dua puluh dua (22) bentuk kata ini dibahagikan pula kepada kategori-kategori yang boleh kita rujuk dalam jadual simbol dan maksud. Pembahagian kata tersebut dapat dilihat dengan lebih jelas lagi di Jadual berikut:

Jadual 4.22: Jadual Kelas bagi QS al-Hajj / 22:2

No.	Bentuk Kata	Kategori	Pecahan (makna)	Kekerapan	Hubungan perkataan
1.	يَوْمٌ	س	kata nama <i>mubtada'</i>	3	-
2.	تَرَوْهَا	طف	melihat kata kerja	1	-
3.	تَذْهَلُ	طف	melihat kata kerja	1	-
4.	كُلُّ	س	kata nama	2	-
5.	مُرْضِعَةٍ	س	huruf	1	-
6.	عَمَّا	طس (مف)	kata nama	1	-
7.	أَرْضَعْتُ	طف	melihat kata kerja	1	-
8.	وَتَضَعُ	طف (خ)	melihat kata kerja (khabar)	1	-
9.	كُلُّ	س	kata nama	2	-
10.	ذَاتِ	س	kata nama	1	-
11.	حَمَلٍ	ف	kata kerja	1	-
12.	حَمْلَهَا	طس	melihat kata nama	1	-
13.	وَتَرَى	طف	melihat kata kerja	2	-
14.	الْأَنَاسِ	طس (مف)	melihat kata nama	8	sinonim/ antonim/ hipernim / meronim
15.	سَكْرَى	س	kata nama	1	-
16.	وَمَا	طس	melihat kata nama	2	-
17.	هُمْ	طس	<i>dhomir</i>	18	-
18.	بِسَكْرَى	طس (شج)	melihat kata nama (frasa)	1	-
19.	وَلَكِنَّ	طس	melihat kata nama	2	-
20.	عَذَابِ	س	kata nama	6	sinonim
21.	اللَّهُ	س	kata nama	12	sinonim
22.	شَدِيدٍ	س	kata nama	1	sinonim
22		4 kategori			

Berdasarkan kepada Jadual Kelas di atas, penulis telah membuat analisis menggunakan perisian Wordsmith8 dan telah mengeluarkan dua puluh dua (22) bentuk kata yang boleh dikategorikan sifatnya kepada empat kategori iaitu طس, طف, مس (مف), dan ف iaitu kategori mubtada', kata kerja, kata ganti nama subjek dan kata ganti nama objek.

Bentuk kata pertama iaitu يَوْمَ di kategorikan sebagai *isim mubdata*' kerana ia menjadi pemula ayat yang membawa maksud 'Hari'. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam perisian Wordsmith8, bentuk kata يَوْمَ ada disebutkan sebanyak 3 kali dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata kedua dan ketiga belas : تَرَوْنَهَا, dan وترى, penulis mengkategorikan di bawah طف yang bermaksud kepada melihat kata kerja dan dipecahkan kepada 3 kategori iaitu ف + فا + مف dan حرف + ف + ض (فا) iaitu kata kerja, kata ganti subjek dan objek, kata sendi dan kata kerja. Kata sendi awalan huruf (الواو) biasanya diterjemahkan sebagai "dan". Berikutnya, تَرَوْنَهَا dibahagikan pula menjadi ترون + ض di mana (ض); dhomir = ها itu merupakan kata ganti subjek yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø bermaksud tiada kedudukan. Adapun kata dasar تَرَوْنَهَا dan وترى ini yang terdiri daripada tiga huruf ialah *rā hamza yā* (ر أ ي) yang bermaksud 'melihat' dan huruf (الواو) di akhiran ialah kata ganti nama subjek. Kata ganti nama objek (ها) pula ialah المونث tunggal orang ketiga merujuk kepada perempuan. Dalam ayat ini, ها itu merujuk kepada 'peristiwa-peristiwa yang mengerikan'. Manakala dalam kata وترى

pula, ترى+أنت merupakan kata ganti nama bagi أنت itu merupakan kata ganti subjek yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø bermaksud tiada kedudukan. Hasil carian dalam skop kajian dari ayat 1 hingga 39 ini, penulis menganalisis dalam perisian Wordsmith8, dan mendapati bentuk kata تَرَوْهَا dan ترى hanya disebutkan sebanyak satu kali sahaja dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata ketiga : تَذَلُّ, penulis mengkategorikan kata ini sebagai kata kerja yang tidak sempurna (فعل مضارع). Kata kerja ف+ض, ialah orang ketiga tunggal merujuk kepada perempuan dan berada dalam suasana indikatif (مرفوع). Kata kerja yang terdiri daripada tiga huruf asal perkataan *dhāl hā lām* (ذ ه ل) yang membawa maksud 'lupa'. Adapun pecahan kepada bentuk kata ini dipecahkan pula kepada تَذَلُّ+هي di mana هي merupakan (ض) *Dhomir*, kata ganti nama yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø yang tiada kedudukan. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata تَذَلُّ ada disebutkan sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata keempat dalam ayat kedua surah al-Hajj, iaitu كُلُّ, penulis mengkategorikan kata ini س (خ) ialah kata nama (khabar) dan dalam kes nominatif (مرفوع). Kata akar كُلُّ yang terdiri daripada tiga huruf ialah *kāf lām lām* (ك ل ل) yang membawa maksud 'setiap'. Adapun hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata كُلُّ ada disebut sebanyak dua kali (2) dalam ayat 2 surah al-Hajj ini.

Seterusnya, bagi bentuk kata kelima dan ketujuh dalam ayat kedua surah al-Hajj, iaitu مُرْضِعَةٍ dan أَرْضَعَتْ, penulis mengkategorikan sebagai kata nama (اسم المَوْث) dan berada dalam huruf majrur (مجرور) iaitu berbaris bawah (tanda harakat kasrah), dan kata kerja sempurna (فعل ماضٍ). Kata dasar yang terdiri daripada tiga huruf ialah *rā dād ‘ayn* (ر ض ع) yang membawa maksud ‘menyusu’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, kekerapan bentuk kata مُرْضِعَةٍ dan أَرْضَعَتْ ini ada disebut sebanyak sekali sahaja dalam skop kajian surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata keenam dalam ayat kedua surah al-Hajj : عَمَّا, penulis mengkategorikan kata ini kepada dua kategori iaitu kata nama dan huruf jaar (عن + ما). Bentuk kata عَمَّا yang membawa maksud ‘yang’. Perkataan ‘Gempa’ ini juga sinonim dengan perkataan lainnya dalam skop surah al-Hajj seperti ‘Kiamat, *As-sa’at*, Akhirat, dan Binasa’ dan kesemuanya membawa maksud yang sama iaitu ‘Hari Kiamat’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata زُلْزَلَةٍ ada disebut sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata kelapan dalam ayat kedua surah al-Hajj, iaitu وَتَضَعُ, penulis mengkategorikan kata ini kepada dua kategori iaitu kata sendi dan kata kerja. Kata sendi awalan huruf (الواو) biasanya diterjemahkan sebagai "dan". Kata kerja tidak sempurna (فعل مضارع) ialah kata kerja dan berada dalam suasana indikatif (مرفوع). Kata dasar yang terdiri daripada tiga huruf ialah *wāw dād ‘ayn* (و ض ع) yang membawa maksud ‘hantar’. وَ تَضَعُ + هِيَ merupakan kata ganti nama bagi هِيَ itu merupakan kata

ganti subjek yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø bermaksud tiada kedudukan. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata وَتَضَعُ disebutkan sebanyak sekali dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata ke-sepuluh : ذَاتِ, penulis mengkategorikan kata ini di bawah kata nama tunggal (*mu'annas*) dan berada dalam huruf genitif (مَجْرُور) yang membawa maksud 'perempuan yang mengandung'. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata ذَاتِ disebutkan sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata ke-sebelas dan ke-dua belas: حَمَلٍ, dan حَمْلَهَا; penulis mengkategorikan dua kata ini 1) kata nama yang tidak tentu dan berada dalam kes genitif (مَجْرُور); dan 2) kata nama dan kata ganti nama. Kata akar yang terdiri daripada tiga huruf ialah *ḥā mīm lām* (ح م ل) yang membawa maksud 'perempuan yang mengandung'. Kata ganti nama, هَا itu merupakan kata ganti nama yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø bermaksud tiada kedudukan. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata : حَمَلٍ, dan حَمْلَهَا disebutkan sebanyak sekali dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata ke-lima belas dan ke-lapan belas : سَكْرَى, dan يُسْكِرَى; penulis mengkategorikan dua kata ini sebagai 1) kata nama jamak; dan 2) huruf jar dan kata nama. Imbuhan awalan بِ biasanya diterjemahkan sebagai "dengan" atau "oleh". Kata akar yang terdiri daripada tiga huruf ialah *sīn kāf rā* (س ك ر) yang


membawa maksud ‘mabuk’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata : سُكْرَى, dan سُكْرَى disebutkan sebanyak sekali dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata ke-dua puluh dan ke-dua puluh dua dalam ayat kedua surah al-Hajj : عَذَابٌ, dan شَدِيدٌ ; penulis mengkategorikan bentuk kata عَذَابٌ yang berbeza dan dikategorikan kepada 1) kata nama dan berada dalam (منصوب), kata nama yang terdiri daripada tiga huruf ialah ‘ayn dhāl bā (ع ذ ب) yang membawa maksud ‘azab’; dan bentuk kata شَدِيدٌ ; 2) kata sifat tunggal tak tentu dan berada dalam kes nominatif (مرفوع), kata dasar kata adjektif terdiri daripada tiga huruf ialah shīn dāl dāl (ش د د) yang membawa maksud ‘berat, mengerikan’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata عَذَابٌ, ada disebut sebanyak enam kali dalam surah al-Hajj dan شَدِيدٌ ada disebut sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata ke-dua puluh satu dalam ayat kedua surah al-Hajj : اللهُ; penulis membahagikan kepada kategori م (ضف إليه) iaitu kata nama khas dalam huruf genitif (مجرور). Kata akar tiga huruf kata nama khas ialah hamza lām hā (أ ل ه) yang membawa maksud ‘Allah’. Perkataan ‘Allah’ juga dikategorikan sebagai hubungan perkataan yang sinonim dengan ‘Tuhan, Rabb, Al-Hamid, Al-Haq, Tuhan Yang Maha Esa’ dalam surah al-Hajj. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata اللهُ ada disebut sebanyak 12 kali dalam surah al-Hajj.

3. Al-Quran. Al-Hajj 22:3

وَمِنَ النَّاسِ مَن يُجَادِلُ فِي اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَيَتَّبِعُ كُلَّ شَيْطَانٍ مَّرِيدٍ ﴿٣﴾



Rajah 4.3: Analisis LEXICOLSEM dalam QS al-Hajj / 22:3 oleh Asma Abdul Rahman, 2020 - 2023

Seterusnya dalam rajah 4.3 di atas, penulis mengkategorikan ayat tiga sebagai 3ج yang bermaksud sebagai bilangan ayat yang merangkumi ayat tiga dalam surah al-Hajj. Seterusnya, penulis telah menganalisis ayat tiga ini menggunakan perisian Wordsmith8 dan telah mengekstrak dua belas (12) pecahan bentuk kata yang disusun dalam petak seperti yang tertera di dalam rajah. Hasil analisis senarai kata (Wordlist) ayat tiga (3) surah al-Hajj boleh dilihat dalam Lampiran 3.

Kemudian, bentuk kata tersebut seterusnya dikategorikan sebagai huruf = حرف, melihat kata nama = طس, melihat kata kerja = طف, huruf jar = حرف جر, frasa = شج, dan kata nama = س. Penulis menggunakan jadual simbol dan maksud di Jadual 3.1 sebagai rujukan untuk mengekstrak konsep perkataan dalam ayat ketiga surah al-Hajj.

Dalam peringkat kedua, dua belas (12) bentuk kata ini dibahagikan pula kepada kategori-kategori yang boleh kita rujuk dalam jadual simbol dan maksud. Pembahagian kata tersebut dapat dilihat dengan lebih jelas lagi di Jadual 4.23 berikut:

Jadual 4.23: Jadual Kelas bagi QS al-Hajj / 22:3

No.	Bentuk Kata	Kategori	Pecahan (makna)	Kekerapan	Hubungan perkataan
1.	وَمِنْ	طس (م)	melihat kata nama (<i>mubtada'</i>)	3	-
2.	الْكَاسِ	طس (شج) (فا)	melihat kata nama	8	sinonim/ antonim/ hipernim / meronim
3.	مَنْ	س	kata nama	8	-
4.	يُجَادِلُ	طف	melihat kata kerja	2	-
5.	فِي	حرف جر	huruf jar	14	-
6.	اللَّهُ	س	kata nama	12	sinonim
7.	يَغْيَرُ	شج	frasa	2	huruf jar
8.	عِلْمٍ	س	kata nama	3	-
9.	وَيَنْبِغُ	طف	melihat kata kerja	1	-
10.	حُلٍّ	س (مف)	kata nama	2	-
11.	شَيْطَانٍ	س	kata nama	1	hipernim/ hiponim
12.	مَرْيَدٍ	س (نعت)	kata sifat	1	-
12		6 kategori			

Berdasarkan kepada Jadual Kelas di atas, penulis telah membuat analisis menggunakan perisian Wordsmith8 dan telah mengeluarkan dua belas (12) bentuk kata yang boleh dikategorikan sifatnya kepada enam kategori iaitu س, شج, طس, طف, و, س (س, شج, طس, طف, و, س) dan حرف جر iaitu kategori kata nama, melihat kata kerja, melihat kata nama, frasa, kata sifat, dan huruf jar.

Bentuk kata pertama iaitu وَمِنْ di kategorikan sebagai *isim mubdata'* kerana ia menjadi pemula ayat, kata hubung, dan kata depan. Kata sendi awalan وَ biasanya

diterjemahkan sebagai "dan" dan *مِنْ* yang membawa maksud ‘antara’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam perisian Wordsmith8, bentuk kata *وَمِنْ* ada disebutkan sebanyak tiga (3) kali dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata ketiga, kelapan dan ke-sebelas : *مَنْ*, *عَلِمَ*, dan *شَيْطَانٍ*, penulis mengkategorikan kata *مَنْ* 1) kata nama tunggal dan berada dalam kata ganti nama relatif yang membawa maksud ‘siapa’, 2) kata *عَلِمَ* ialah kata nama dan kata akar yang terdiri daripada tiga huruf ialah ‘*ayn lām mīm* (ع ل م) yang membawa maksud ‘ilmu’, dan 3) kata *شَيْطَانٍ* pula juga merupakan kata nama, kata akar yang terdiri daripada tiga huruf ialah ‘*shīn tā nūn* (ش ط ن) yang membawa maksud ‘syaitan’. Adapun bentuk kata *شَيْطَانٍ* ini adalah hiponim kepada ‘Makhluk’ yang ada disebut dalam Surah Al-Hajj, kata ‘Makhluk’ ini sebaliknya sebagai hipernim kepada ‘Syaitan, Manusia, Tumbuhan, Binatang’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata *شَيْطَانٍ* disebutkan sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata keempat *يُجَادِلُ*, penulis mengkategorikan sebagai kata kerja tidak sempurna (فعل مضارع). Kemudian, dibahagikan pula menjadi *ض* + *يُجَادِلُ* di mana (ض); dhomir = *هو* itu merupakan kata ganti subjek yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø yang bermaksud tiada kedudukan. Kata dasar yang terdiri daripada tiga huruf ialah ‘*jīm dāl lām* (ج د ل) yang membawa maksud ‘bantah’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, kekerapan bentuk kata *يُجَادِلُ* ini ada disebut sebanyak dua (2) kali dalam skop kajian surah al-Hajj.


Seterusnya, bagi bentuk kata ke-lima dan ketujuh: *بِ*, dan *بِعَيْرٍ*, penulis mengkategorikan sebagai 1) حرف جر (مفعول) = huruf jar (objek) (khabar). Imbuhan kata depan *بِ* biasanya diterjemahkan sebagai "berhubung dengan"; 2) ب = حرف جر + س = شج (غير) ; frasa iaitu kata depan dan kata nama. Imbuhan awalan *bi* biasanya diterjemahkan sebagai "dengan" atau "oleh". Kata akar tiga huruf bagi kata nama ialah *ghayn yā rā* (غ ي ر). Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata *بِ*, disebut sebanyak 14, dan *بِعَيْرٍ* disebutkan sebanyak dua kali dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata kesembilan dalam ayat ketiga surah al-Hajj, iaitu *وَيَتَّبِعُ*, penulis mengkategorikan kata ini kepada dua kategori iaitu kata sendi dan kata kerja. Kata sendi awalan huruf (الواو) biasanya diterjemahkan sebagai "dan". Kata kerja tidak sempurna (فعل مضارع) ialah kata kerja dan berada dalam suasana indikatif (مرفوع). Kata dasar yang terdiri daripada tiga huruf ialah *tā bā ayn* (ت ب ع) yang membawa maksud 'ikut'. *هو* + *يتبع* merupakan kata ganti nama bagi *هو* itu merupakan kata ganti subjek yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø bermaksud tiada kedudukan. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata *وَيَتَّبِعُ* disebutkan sebanyak sekali dalam surah al-Hajj.

Bentuk kata yang akhir dari ayat 3 ini iaitu *مَرْدٍ* di kategorikan sebagai نعت = kata sifat tunggal yang tidak tentu dan berada dalam kes genitif (مجرور). Kata dasar kata adjektif yang terdiri daripada tiga huruf ialah *mīm rā dāl* (م ر د) yang memberi maksud

‘kejahatan’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam perisian Wordsmith8, bentuk kata مَرِيٍّ ada disebutkan sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

4. Al-Quran. Al-Hajj 22:4



Rajah 4.4: Analisis LEXICOLSEM dalam QS al-Hajj / 22:4, oleh Asma Abdul Rahman, 2020 - 2023

Seterusnya dalam rajah 4.4 di atas, penulis mengkategorikan ayat empat (Al-Quran. Al-Hajj 22:4) ini sebagai 4ج yang bermaksud sebagai bilangan ayat yang merangkumi ayat empat dalam surah al-Hajj. Seterusnya, penulis telah menganalisis ayat tiga ini menggunakan perisian Wordsmith8 dan telah mengekstrak sebelas (11) pecahan bentuk kata yang disusun dalam petak seperti yang tertera di dalam rajah. Hasil analisis senarai kata (Wordlist) ayat empat (4) surah al-Hajj boleh dilihat dalam Lampiran 4.

Kemudian, bentuk kata tersebut seterusnya dikategorikan sebagai huruf = حرف, melihat kata nama = طس, melihat kata kerja = طف, huruf jar = حرف جر, frasa = شح, dan

kata nama = س. Penulis menggunakan jadual simbol dan maksud di Jadual 3.1 sebagai rujukan untuk mengekstrak konsep perkataan dalam ayat keempat surah al-Hajj.

Dalam peringkat kedua, sebelas (11) bentuk kata ini dibahagikan pula kepada kategori-kategori yang boleh kita rujuk dalam jadual simbol dan maksud. Pembahagian kata tersebut dapat dilihat dengan lebih jelas lagi di Jadual 4.24 berikut:

Jadual 4.24: Jadual Kelas bagi QS Al-Hajj / 22: 4

No.	Bentuk Kata	Kategori	Pecahan (makna)	Kekerapan	Hubungan perkataan
1.	كُتِبَ	طف	melihat kata kerja	1	-
2.	عَلَيْهِ	طس (مف)	melihat kata nama	2	-
3.	أَنَّهُ	طس (م)	melihat kata nama (mubtada')	1	-
4.	مَنْ	س	kata nama	8	-
5.	تَوَلَّاهُ	طف	melihat kata kerja	1	-
6.	فَأَنَّهُ	طس (خ)	melihat kata nama (khabar)	1	-
7.	يُضِلُّهُ	طف	melihat kata kerja	1	-
8.	وَيَهْدِيهِ	طف	melihat kata kerja	1	-
9.	إِلَى	حرف جر	huruf jar	2	huruf jar
10.	عَذَابٍ	س (ضف)	kata nama (ditambah)	2	sinonim
11.	السَّعِيرِ	طس (ضف إليه)	kata nama (ditambah kepada)	1	sinonim
11		9 kategori			

Berdasarkan kepada Jadual Kelas di atas, penulis telah membuat analisis menggunakan perisian Wordsmith8 dan telah mengeluarkan sebelas (11) bentuk kata yang boleh dikategorikan sifatnya kepada sembilan kategori iaitu طس (مف), طس, طف, س, طس (ضف), طس (م), حرف جر, طس (ضف إليه), dan طس (ضف) iaitu kategori kata nama, melihat kata kerja, melihat kata nama, frasa, kata sifat, dan huruf jar.

Bentuk kata pertama iaitu كُتِبَ di kategorikan sebagai kata kerja pasif (فعل ماض). Kemudian, dibahagikan pula menjadi كُتب + هو di mana (ض); dhomir = هو itu merupakan kata ganti subjek yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø yang bermaksud tiada kedudukan. Kata dasar yang terdiri daripada tiga huruf ialah kāf tā bā (ك ت ب) yang membawa maksud ‘yang telah ditetapkan’. Namun berdasarkan tafsir Al-Munir Jilid 9 (az-Zuhaili, 2003); perkataan ‘كُتِبَ عَلَيْهِ’ ini telah dirafsirkan mengikut *Mufradaat Lughawiyah* sebagai ‘yang telah dibuat ketetapan atas syaitan itu’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam perisian Wordsmith8, bentuk kata كُتِبَ ada disebutkan sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata kedua : عَلَيْهِ, penulis mengkategorikan kata ini sebagai kata ganti nama dan kata ganti nama objek. Kata ganti nama objek yang dilampirkan ialah عَلَى+هو membentuk frasa jār wa majrūr (جار ومجرور) di mana (ض); dhomir = هو itu merupakan kata ganti subjek yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø yang bermaksud tiada kedudukan. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata عَلَيْهِ disebutkan sebanyak dua kali dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata ketiga dan keenam iaitu أَنَّهُ, dan فَاتَّه, penulis mengkategorikan sebagai 1) طَس (م) = melihat kepada kata nama (mubtada’) dan imbuhan dan kata ganti nama objek. Pecahan dibuat kepada أَنَّهُ/نَسَخَ+ض; pengimbuhan tergolong dalam kumpulan perkataan khas yang dikenali sebagai *inna* dan adik-beradiknya (ان واخواتها). Kemudian dibahagi pula kepada أَنَّ + هو di mana (ض); dhomir = هو itu; merupakan kata ganti subjek yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø yang

bermaksud tiada kedudukan, dan 2) seterusnya kata **فَأَنَّهُ** dibahagikan kepada **طس (خ)** = melihat kepada kata nama (khabar) dan imbuhan dan kata ganti nama objek. Pecahan lain dibuat kepada **ف+س+ض(فا)**; **طس (م)** => **نسخ+هو**; imbuhan awalan **ن** biasanya diterjemahkan sebagai ‘kemudian’ atau ‘jadi’ dan digunakan untuk menunjukkan urutan kejadian atau peristiwa. Pengimbuhan tergolong dalam kumpulan perkataan khas yang dikenali sebagai *inna* dan adik-beradiknya (**ان واخوانها**). Kemudian dibahagi pula kepada **أَنَّ + هو** di mana **ض(ض)**; dhomir = **هو** itu merupakan kata ganti subjek yang disembunyikan dan ditanda sebagai $\emptyset$ yang bermaksud tiada kedudukan. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata : **أَنَّهُ**, dan **فَأَنَّهُ**, kedua-duanya hanya disebut sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata keempat **مَنْ**, penulis mengkategorikan sebagai kata nama tunggal dan berada dalam kata ganti nama relatif yang membawa maksud ‘siapa’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata **مَنْ** disebutkan sebanyak lapan (8) kali sahaja dalam surah al-Hajj.

Bagi bentuk kata yang kelima iaitu **تَوَلَّى** di kategorikan sebagai kata kerja pasif (**فعل ماض**). Kemudian, dibahagikan pula menjadi **تولى+هو** di mana **ض(ض)**; dhomir = **هو** itu merupakan kata ganti subjek yang disembunyikan dan ditanda sebagai $\emptyset$ yang bermaksud tiada kedudukan. Kata dasar yang terdiri daripada tiga huruf ialah *wāw lām yā* (**و ل ي**) yang membawa maksud ‘berkawan dengannya’. Namun berdasarkan tafsir Al-Munir Jilid 9 (az-Zuhaili, 2003); perkataan ‘**أَنَّهُ مَنْ تَوَلَّى**’ ini telah ditafsirkan mengikut *Mufradaat Lughawiyyah* sebagai ‘bahawa barangsiapa yang mengikutinya’.

Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam perisian Wordsmith8, bentuk kata تَوَلَّاهُ ada disebutkan sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata yang ketujuh iaitu يُضِلُّهٗ di kategorikan sebagai kata kerja (فعل مضارع) dan kata ganti nama objek. Kemudian, dibahagikan pula menjadi يضل+هو di mana (ض); dhomir = هو itu merupakan kata ganti nama objek yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø yang bermaksud tiada kedudukan. Kata dasar yang terdiri daripada tiga huruf ialah *ḍād lām lām* (ض ل ل) yang membawa maksud ‘akan menyesatkannya’. Namun begitu, berdasarkan tafsir Al-Munir Jilid 9 (az-Zuhaili, 2003); perkataan ‘فَأَنَّهُ يُضِلُّهُ’ ini telah ditafsirkan mengikut *Mufradaat Lughawiyyah* sebagai ‘telah dibuat ketetapan atas syaitan itu, bahawa dia menyesatkan orang yang mengikutinya kerana itu telah menjadi sifat lalai syaitan’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam perisian Wordsmith8, bentuk kata يُضِلُّهٗ ada disebutkan sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata kelapan dalam ayat 4 surah al-Hajj, iaitu وَيَهْدِيهِ, penulis mengkategorikan kata ini kepada tiga kategori حرف+ف+ض iaitu kata sendi, kata kerja (فعل مضارع) yang berada dalam suasana indikatif (مرفوع), dan kata ganti nama objek. Kata sendi awalan huruf (الواو) biasanya diterjemahkan sebagai "dan". Kata dasar yang terdiri daripada tiga huruf ialah *hā dāl yā* (ه د ي) dan يَهْدِيهِ yang membawa maksud ‘memimpinnya’. Namun berdasarkan tafsir Al-Munir Jilid 9 (az-Zuhaili, 2003); perkataan ‘وَيَهْدِيهِ إِلَىٰ عَذَابِ السَّعِيرِ’ ini telah ditafsirkan mengikut *Mufradaat Lughawiyyah* sebagai ‘dan memimpin serta mengajak mereka menuju ke neraka, dan

mendorongnya melakukan sesuatu yang boleh membawanya ke neraka'. Pecahan kata seterusnya dibahagikan kepada هو; ويهدي+هو itu merupakan kata ganti nama objek yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø bermaksud tiada kedudukan. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata وَيُهْدِيهِ disebutkan sebanyak sekali dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata kesembilan, sepuluh dan sebelah: إِلَى, عَذَابٍ, dan , إِلَى, penulis mengkategorikan sebagai 1) حرف جر = huruf jar. Imbuhan kata depan إِلَى biasanya diterjemahkan sebagai 'kepada'; 2) عَذَابٍ; kata nama berada dalam kes genitif (مجرور), kata nama yang terdiri daripada tiga huruf ialah 'ayn dhāl bā (ع ذ ب) yang membawa maksud 'azab'; dan 3) السَّعِيرِ kata nama dan dalam kes genitif (مجرور). Kata akar yang terdiri daripada tiga huruf ialah sīn 'ayn rā (س ع ر) yang membawa maksud 'neraka'. Adapun, kalimah السَّعِيرِ yang bermaksud 'neraka' ini juga sinonim kepada perkataan lainnya seperti 'azab, neraka (an-naar), seksa, dan ngeri' yang kesemuanya merujuk kepada takrifan 'neraka'. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata : إِلَى, disebut sebanyak dua kali, عَذَابٍ, sebanyak dua kali, dan السَّعِيرِ disebutkan sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

Dalam ayat 4 surah al-Hajj ini boleh diringkaskan tafsirannya mengenai ketetapan yang telah dibuat ke atas orang yang mengikuti syaitan dan menjadikannya (syaitan) sebagai contoh bahawa syaitan akan menjerumuskan manusia ke dalam kesesatan, dan tidak memberi manfaat apa pun. Bahkan ia akan menyesatkan manusia

dari jalan ke Syurga, membimbing manusia dan membawanya ke neraka Jahanam (az-Zuhaili, 2003).


5. Al-Quran. Al-Hajj 22:5

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّنَ الْبَعْثِ فَإِنَّا خَلَقْنَاهُ مِن تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُّطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ مِنْ مُّضْغَةٍ مُّخَلَّقَةٍ وَغَيْرِ مُّخَلَّقَةٍ لِّنُبَيِّنَ لَكُمْ وَنُقَرُّ فِي الْأَرْحَامِ مَا نَشَاءُ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى ثُمَّ نُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوا أَشُدَّكُمْ وَمِنْكُمْ مَّنْ يُؤْوَفُ وَمِنْكُمْ مَّنْ يُرَدُّ إِلَىٰ أَوَّلِ الْعُمُرِ لِكَيْلَا يَعْلَمَ مِنْ بَعْدِ عِلْمٍ شَيْئًا وَتَرَى الْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَا أَنزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ اهْتَزَّتْ وَرَبَتْ وَأَنْبَتَتْ مِنْ كُلِّ نَوْعٍ بَهِيجٍ




Firman Allah SWT dalam ayat 5 dalam surah al-Hajj di atas yang bermaksud:

‘Wahai umat manusia, sekiranya kamu menaruh syak (ragu-ragu) tentang kebangkitan makhluk (hidup semula pada hari kiamat), maka (perhatikanlah kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging yang disempurnakan kejadiannya dan yang tidak disempurnakan; (Kami jadikan secara yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu (kekuasaan Kami); dan Kami pula menetapkan dalam kandungan rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang Kami rancangkan hingga ke suatu masa yang ditentukan lahirnya; kemudian Kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian (kamu dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan (semasa kecil atau semasa dewasa) dan ada pula yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua nyanyuk sehingga ia tidak mengetahui lagi akan sesuatu yang telah diketahuinya dahulu. Dan (ingatlah satu




bukti lagi); Engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menyimpannya, bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan yang merecup tumbuh), dan gembur membusutlah ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah permai.’




Rajah 4.5: Analisis LEXICOLSEM dalam QS al-Hajj / 22:5, oleh Asma Abdul Rahman, 2020 - 2023



Rajah 4.5, bersambung



Rajah 4.5, bersambung



Rajah 4.5, bersambung

Seterusnya dalam rajah 4.5 dan Rajah 4.5, bersambung di atas, penulis mengkategorikan ayat lima (Al-Quran. Al-Hajj 22:5) ini sebagai ج 5 yang bermaksud sebagai bilangan ayat yang merangkumi ayat lima dalam surah al-Hajj. Seterusnya, penulis telah menganalisis ayat lima ini menggunakan perisian Wordsmith8 dan telah mengekstrak sebanyak lima puluh sembilan (59) pecahan bentuk kata yang setakat ini antara ayat terpanjang dalam surah al-Hajj dan kemudiannya disusun dalam petak seperti yang tertera di dalam rajah. Hasil analisis senarai kata (Wordlist) ayat lima (5) surah al-Hajj boleh dilihat dalam Lampiran 5.

Kemudian, bentuk kata tersebut seterusnya dikategorikan sebagai huruf *mubtada'* dan *munada* = حرف منادى (م), melihat kata nama = طس, melihat kata kerja = حرف جار = حرف جر, dan kata nama = س. Penulis menggunakan jadual simbol dan

maksud di Jadual 3.1 sebagai rujukan untuk mengekstrak konsep perkataan dalam ayat kelima surah al-Hajj.

Dalam peringkat kedua, lima puluh sembilan (59) bentuk kata ini dibahagikan pula kepada kategori-kategori yang boleh kita rujuk dalam jadual simbol dan maksud. Pembahagian kata tersebut dapat dilihat dengan lebih jelas lagi di Jadual 4.25 berikut:

Jadual 4.25: Jadual Kelas bagi QS al-Hajj / 22: 5

No.	Bentuk Kata	Kategori	Pecahan (makna)	Kekerapan	Hubungan perkataan
1	نَمَّ	س	kata nama	5	kata penghubung
2	مِنْ	حرف جر (مف)	huruf jaar	3	huruf jaar
3	وَمِنْكُمْ	طس / طس (م)	melihat kata nama	2	penghubung dan majrur
4	مَنْ	طس (س استفهام) / س	kata nama	2	kata nama bersambung
5	فِي	حرف جر	huruf jaar	2	huruf jaar
6	إِلَى	حرف جر	huruf jaar	2	huruf jaar
7	يَعْلَمُ	طف (مف)	melihat kepada kata kerja	1	-
8	يُرَدُّ	طف	melihat kepada kata kerja	1	-
9	يُنَوِّقُ	طف	melihat kepada kata kerja	1	-
10	يَا أَيُّهَا	حرف منادى (م)	huruf <i>mubtada'</i> dan <i>munada</i>	1	-
11	وَنُفِّرُ	طف	melihat kepada kata kerja	1	-
12	وَنُغَيِّرُ	طس	melihat kata nama	1	-
13	وَرَزَقْتُ	طف	melihat kepada kata kerja	1	-
14	وَنَزَيُّ	طف	melihat kepada kata kerja	1	-
15	وَأَنْبِئْتُ	طف	melihat kepada kata kerja	1	-
16	هَامِدٌ	س (مف)	kata nama	1	-
17	نُطْفَعُ	س (شج)	kata nama	1	holonim/meronim
18	نُشَاءُ	س (مف)	kata nama	1	-

No.	Bentuk Kata	Kategori	Pecahan (makna)	Kekerapan	Hubungan perkataan
19	تُخْرِجُكُمْ	طف	melihat kepada kata kerja	1	-
20	مِنْ	حرف جر (مف)	huruf jaar	1	-
21	مِنْ	حرف جر	huruf jaar	1	-
22	مِنْ	حرف جر	huruf jaar	1	-
23	مِنْ	حرف جر (مف)	huruf jaar	1	-
24	مُضْعَةٌ	س (شج)	kata nama	1	holonim/meronim
25	مُسَمَّى	س	kata nama	1	-
26	مُخَلَّعٌ	س	kata nama	1	-
27	مُخَلَّعٌ	س	kata nama	1	-
28	مَا	س	kata nama	1	-
29	لَتُبَيِّنَنَّ	طف (شج)	melihat kepada kata kerja	1	-
30	لِكَيْلَا	طس (خ)	melihat kata nama	1	-
31	لَكُمْ	طس (مف)	melihat kata nama	1	-
32	لَتَبْلُغُوا	طف (شج)	melihat kepada kata kerja	1	-
33	كُنْتُمْ	طف	melihat kepada kata kerja	1	-
34	كُلِّ	س (شج)	kata nama	1	-
35	فَإِنَّا	طف (خير) (مف)	melihat kepada kata kerja	1	-
36	فَإِذَا	س (م)	kata nama	1	-
37	عَلَيْهَا	طس (مف)	melihat kata nama	1	-
38	عَلَيْهَا	س (شج)	kata nama	1	-
39	عَلَّقَهُ	س (شج)	kata nama	1	holonim/meronim
40	طِفْلًا	طس (مف)	melihat kata nama	1	-
41	شَيْئًا	طس	melihat kata nama	1	-
42	رَوْحٌ	س	kata nama	1	-
43	رَبِّ	س (شج)	kata nama	1	-
44	خَلَقْتُمْ	طف	melihat kepada kata kerja	1	-
45	تُرَابٍ	س (شج)	kata nama	1	holonim/meronim
46	يَحْيِيهِ	س	kata nama	1	-
47	بَعْدَ	ظ		1	-

No.	Bentuk Kata	Kategori	Pecahan (makna)	Kekerapan	Hubungan perkataan
48	أَنْزَلْنَا	طف	melihat kepada kata kerja	1	-
49	إِنْ	س	kata nama	1	-
50	أَشَدُّكُمْ	طس (مف)	melihat kata nama	1	-
51	أَزْدَلْ	س (ضف)	kata nama	1	-
52	أَجَلْ	س (شج)	kata nama	1	-
53	أَهْتَرَّتْ	طف (خ)	melihat kepada kata kerja	1	-
54	النَّاسُ	طس (فا)	melihat kata nama	1	antonim / hiponim/ meronim/ holonim
55	الْمَاءُ	طس	melihat kata nama	1	holonim
56	الْعُمْرُ	طس (ضف إليه)	melihat kata nama	1	-
57	أَبْعَثْ	طس (شج)	melihat kata nama	1	-
58	الْأَرْضَ	طس	melihat kata nama	1	holonim/ meronim
59	الْأَرْحَامَ	طس (شج)	melihat kata nama	1	-
59	5 kategori				

Berdasarkan kepada Jadual 4.25 di atas, penulis telah membuat analisis menggunakan perisian Wordsmith8 dan telah mengeluarkan lima puluh sembilan (59) bentuk kata yang boleh dikategorikan sifatnya kepada lima kategori utama iaitu *حرف منادى* (م), *طس*, *طف* و *س*, dan *حرف جر* iaitu kategori kata nama, melihat kata kerja, melihat kata nama, huruf *mubtada* dan *munada*, dan huruf jar.

Bentuk kata pertama iaitu *يَا أَيُّهَا* telah diulas sebelum ini dalam ayat pertama surah al-Hajj dan ia dikategorikan sebagai *mubtada* ' *حرف* (م) dan *munada* *يَا* + *أَيُّهَا*, maka terjadilah satu bentuk kata *يَا أَيُّهَا* = *أَيُّهَا* + *يَا*. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata *يَا أَيُّهَا* ada disebutkan sebanyak dua (2) kali dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata kedua : النَّاسُ juga telah dikupas dalam ayat pertama di atas dan dikategorikan di bawah طس (فا) yang bermaksud kepada merujuk kata nama dan فاعل iaitu subjek yang membawa maksud ‘Manusia’. Perkataan ‘Manusia’ ini merupakan perkataan antonim dengan perkataan ‘Binatang’ dalam skop surah al-Hajj. Kedua-dua bentuk kata ini terletak dalam ayat yang berbeza tetapi dalam surah al-Hajj yang sama. ‘Manusia’ juga adalah perkataan yang mempunyai hubungan hiponim, iaitu ia merupakan superordinat kepada ‘Makhluk’. Adapun pecahan kepada bentuk kata ini dipecahkan pula kepada ال + س menjadikan *alif* dan *lam* itu sebagai أداة التعريف dan menggunakan simbol ناس تعر + menghasilkan النَّاسُ. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata النَّاسُ kerap disebutkan sebanyak 10 kali dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata seperti مَنْ, مَسْمًى, مَا, وَمَنْ, وَإِنْ, penulis mengkategorikan sebagai kata nama tunggal dan berada dalam kata ganti nama relatif. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata مَنْ, مَسْمًى, مَا, وَمَنْ, وَإِنْ, dan رَوْجٌ, hanya disebutkan sebanyak sekali sahaja manakala bentuk kata تُمْ disebut lima (5) kali dalam surah al-Hajj.

Adapun bagi bentuk kata seperti مُخَلَّقَةً ; penulis mengkategorikan sebagai kata nama tunggal dan berada dalam kata sifat (نعت) dan kata akar tiga huruf bagi kata ini ialah *khā lām qāf* (خ ل ق) yang bermaksud ‘terbentuk’; bentuk kata يَمِيحٌ dikategorikan sebagai kata nama tunggal dan berada dalam kata sifat dan kata dasar yang terdiri daripada tiga huruf ialah *bā hā jīm* (ب ه ج) yang membawa maksud ‘indah/ cantik’;

seterusnya bagi bentuk kata هَامِدَةً pula dikategorikan sebagai kata nama tunggal (objek) dan kata sifat dan kata akar tiga huruf bagi kata ini ialah *hā mīm dāl* (ه م د) yang membawa maksud sebagai ‘kering’; seterusnya bentuk kata فَآءٌ pula dikategorikan sebagai kata nama dan zarah penyambungan semula dan kata keterangan mengenai masa. Zarah penghubung *fa* biasanya diterjemahkan sebagai "kemudian" atau "jadi" dan digunakan untuk menunjukkan urutan peristiwa atau masa. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, kesemua bentuk kata di atas, hanya disebutkan sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata رَيْبٌ, تُرَابٌ, نُطْفَةٌ, عُقَّةٌ, مُضْغَةٌ, أَجَلٌ, عِلْمٌ, dan كَلٌّ, penulis mengkategorikan sebagai kata nama (frasa) berada dalam kes genitif (مَجْرُور); 1) kata akar bagi kata رَيْبٌ yang terdiri daripada tiga huruf ialah *rā yā bā* (ر ي ب) yang memberi maksud ‘ragu’; 2) kata akar bagi kata تُرَابٌ yang terdiri daripada tiga huruf ialah *tā rā bā* (ت ر ب) yang memberi maksud ‘tanah’; 3) kata akar bagi kata نُطْفَةٌ yang terdiri daripada tiga huruf ialah *nūn tā fā* (ن ط ف) yang memberi maksud ‘setitik air benih’; 4) kata akar bagi kata عُقَّةٌ, yang terdiri daripada tiga huruf ialah *‘ayn lām qāf* (ع ل ق) yang memberi maksud ‘sebuku darah beku’; 5) kata akar bagi kata مُضْغَةٌ yang terdiri daripada tiga huruf ialah *mīm dād ghayn* (م ض غ) yang memberi maksud ‘seketul daging’; 6) kata akar bagi kata أَجَلٌ yang terdiri daripada tiga huruf ialah *hamza jīm lām* (أ ج ل) yang memberi maksud ‘suatu masa’; 7) kata akar bagi kata عِلْمٌ yang terdiri daripada tiga huruf ialah *‘ayn lām mīm* (ع ل م) yang memberi maksud ‘diketahui’; dan

8) kata akar bagi kata كَلَّ yang terdiri daripada tiga huruf ialah *kāf lām lām* (ك ل ل) yang memberi maksud ‘setiap’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, kesemua bentuk kata di atas, hanya disebutkan sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi kategori di bawah طس iaitu melihat kata nama ada terdapat dalam bentuk kata طس (شج) 2; الأَمْءَ, الأَرْضَ, شَيْئًا, وَغَيْرِ , وَمِنْكُمْ dalam bentuk kata طس (مف) 3; الأَرْحَامِ, dan الْبُعْثِ; عَلَيْهَا, أَشَدُّكُمْ, طِفْلًا, لَكُمْ, dan طس (س) 5; الْغُمْرِ (ضف إليه) طس 4) kategori طس (خ) 6) kategori طس (استفهام) ada dalam bentuk kata طس (مَنْ); dan 6) kategori طس (خ) yang ada dalam bentuk kata طس (لِكَيْلًا). Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, hanya bentuk kata طس (مَنْ) sahaja yang disebut sebanyak dua kali dan selebihnya hanya sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

Bagi kategori seterusnya, penulis telah meneliti bentuk perkataan dalam ayat lima ini, di mana kategori طف ada sebelas (11) bentuk kata seperti berikut:

- 1) Bentuk kata طَفُّكُمْ, dipecahkan kepada ف+ض = كَت+أَنْتُمْ yang bermaksud melihat kata kerja dan dhomir, ض kata ganti nama yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø yang tiada kedudukan. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata ini ada disebutkan sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj.
- 2) Bentuk kata طَفَّكُمْ; dipecahkan kepada ف+ض (فا) = كَم yang bermaksud kepada melihat kata kerja atau perbuatan dan فاعل iaitu subjek. Adapun pecahan

kepada bentuk kata ini dipecahkan pula kepada كم dikategorikan sebagai (ض) dhomir, kata ganti nama yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø yang tiada kedudukan. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata ini ada disebutkan sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

- 3) Bentuk kata وَنُقَرُّ, penulis mengkategorikan kata ini kepada dua kategori iaitu kata sendi dan kata kerja. Kata sendi awalan huruf (الواو) biasanya diterjemahkan sebagai "dan". Kata kerja tidak sempurna (فعل مضارع) iaitu kata kerja dan berada dalam suasana indikatif (مرفوع). Kata dasar yang terdiri daripada tiga huruf ialah *qāf rā rā* (ق ر ر) yang membawa maksud 'kekal'. وَنُقَرُّ merupakan kata ganti nama bagi نحن itu merupakan kata ganti subjek yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø bermaksud tiada kedudukan. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata ini disebutkan sebanyak sekali dalam surah al-Hajj.
- 4) Bentuk kata نُنَاقِشُ merupakan kata kerja yang tidak sempurna (فعل مضارع) iaitu kata kerja yang berada dalam suasana indikatif (مرفوع). Kata dasar yang terdiri daripada tiga huruf ialah *shīn yā hamza* (ش ي ا) yang membawa maksud 'kami rancangan'. نُنَاقِشُ merupakan kata ganti nama bagi نحن itu merupakan kata ganti subjek yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø bermaksud tiada kedudukan. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata ini disebutkan sebanyak sekali dalam surah al-Hajj.

- 5) Bentuk kata نُخْرِجُكُمْ, dipecahkan kepada ف+ض (فا) = ف+نخرج+كم yang bermaksud kepada melihat kata kerja atau perbuatan dan فاعل iaitu subjek. Adapun pecahan kepada bentuk kata ini dipecahkan pula kepada كم dikategorikan sebagai (ض) dhomir, kata ganti nama yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø yang tiada kedudukan. Kata dasar yang terdiri daripada tiga huruf ialah *khā rā jīm* (خ ر ج) yang membawa maksud ‘keluar’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata ini ada disebutkan sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj.
- 6) Bentuk kata يُتَوَقَّى, merupakan kata kerja (فعل مضارع) dan kata ganti nama objek. Kemudian, dibahagikan pula menjadi يتوقى+هو di mana (ض); dhomir = هو itu merupakan kata ganti nama objek yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø yang bermaksud tiada kedudukan. Kata dasar yang terdiri daripada tiga huruf ialah *wāw fā yā* (و ف ي) yang membawa maksud ‘mati’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata ini ada disebutkan sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj.
- 7) Bentuk kata يُرَدُّ juga merupakan kata kerja (فعل مضارع) dan kata ganti nama subjek ف+ض (فا). Kemudian, dibahagikan pula menjadi يرد+هو di mana (ض); dhomir = هو itu merupakan kata ganti nama subjek yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø yang bermaksud tiada kedudukan. Kata dasar yang terdiri daripada tiga huruf ialah *rā dāl dāl* (ر د د) yang membawa maksud ‘kembali’.

Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata ini ada disebutkan sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

- 8) Bentuk kata وترى, penulis mengkategorikan kata ini kepada dua kategori iaitu kata sendi dan kata kerja. Kata sendi awalan huruf (الواو) biasanya diterjemahkan sebagai "dan". Kemudian, dikategorikan pula ترى+أنت merupakan kata ganti nama bagi أنت itu merupakan kata ganti subjek yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø bermaksud tiada kedudukan. Kata dasar yang terdiri daripada tiga huruf ialah *rā hamza yā* (ر أ ي) yang membawa maksud 'lihat'. Hasil carian dalam skop kajian dari ayat 1 hingga 39 ini, penulis menganalisis dalam perisian Wordsmith8, dan mendapati bentuk kata وترى hanya disebutkan sebanyak satu kali sahaja dalam surah al-Hajj.
- 9) Bentuk kata seterusnya ialah أنزلنا di mana penulis mengkategorikan sebagai kata kerja yang lengkap (فعل ماض) dan kata ganti nama subjek (فأ). Kemudian, dibahagikan pula menjadi أنزل+نا di mana (ض); dhomir = نا itu merupakan kata ganti nama subjek yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø yang bermaksud tiada kedudukan. Kata dasar yang terdiri daripada tiga huruf ialah *nūn zāy lām* (ن ز ل) yang membawa maksud 'turun'. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata ini ada disebutkan sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj.
- 10) Bentuk kata ورنث ini dibahagiakan kepada dua bentuk iaitu kata sendi dan kata kerja. Kata sendi awalan *wa* biasanya diterjemahkan sebagai "dan".

Kata kerja sempurna (فعل ماضٍ) ialah kata ganti nama bagi هي merupakan kata ganti nama subjek yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø yang bermaksud tiada kedudukan. Kata akar yang terdiri daripada tiga huruf ialah *rā bā wāw* (ر ب و) yang membawa maksud sebagai ‘gembur’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata ini ada disebutkan sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

- 11) Bentuk kata وَالتَّيْتُ dikategorikan kepada dua bentuk iaitu kata sendi dan kata kerja. Kata sendi awalan *wa* biasanya diterjemahkan sebagai "dan". Kata kerja sempurna (فعل ماضٍ) ialah kata ganti nama tunggal bagi هي merupakan kata ganti nama subjek yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø yang bermaksud tiada kedudukan. Kata dasar yang terdiri daripada tiga huruf ialah *nūn bā tā* (ن ب ت) yang membawa maksud sebagai ‘tumbuh’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata ini ada disebutkan sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

Bagi kategori seterusnya, penulis telah meneliti bentuk perkataan dalam ayat lima ini, di mana kategori طف (مف) (خير) ada dua (2) bentuk kata seperti berikut:

- 1) Bentuk kata فَيَأْتِي dalam kategori (مف) (خير) dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu zarah atau partikel penyambungan semula, zarah akusatif dan kata ganti nama objek. Zarah penghubung *fa* biasanya diterjemahkan sebagai "kemudian" atau "jadi" dan digunakan untuk menunjukkan urutan peristiwa. Partikel akusatif tergolong dalam kumpulan perkataan khas yang dikenali sebagai *inna* dan adik-beradiknya (ان واخواتها). Kata ganti nama objek yang

dilampirkan ialah jamak تا yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø yang bermaksud tiada kedudukan. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata ini ada disebutkan sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

- 2) Bentuk kata يَعْلَمُ , merupakan kata kerja (فعل مضارع) dan kata ganti nama objek.

Kemudian, dibahagikan pula menjadi يعلم+هو di mana (هو); dhomir = هو itu merupakan kata ganti nama objek yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø yang bermaksud tiada kedudukan. Kata kerja yang terdiri daripada tiga huruf ialah 'ayn lām mīm (ع ل م) yang membawa maksud 'mengetahui'. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata ini ada disebutkan sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

- 3) Bentuk kata اهْتَزَّتْ pula merupakan طَف (خ) kata kerja sempurna ialah kata kerja sempurna (فعل ماض) yang tunggal. Kata kerja yang terdiri daripada tiga huruf ialah hā zāy zāy (ه ز ز) yang membawa maksud 'bergerak'. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata ini ada disebutkan sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

Bagi kategori seterusnya, penulis telah meneliti bentuk perkataan dalam ayat lima ini, di mana kategori طَف (شج) ada dua (2) bentuk kata iaitu: لَتَبْلُغُوا, dan لَتَكَيِّنَ. 1)

Bentuk kata ini melibatkan dua pengkategorian iaitu partikel tujuan dan kata kerja.

Lam zarah awalan digunakan untuk menunjukkan tujuan sesuatu tindakan dan menjadikan kata kerja berikut subjungtif. Kata kerja tidak sempurna (فعل مضارع) ialah

jamak kata ganti nama dan berada dalam suasana subjungtif (منصوب). Kata dasar yang

terdiri daripada tiga huruf ialah *bā yā nūn* (ب ي ن) yang membawa maksud ‘menerangkan’. 2) Manakala bentuk kata *لَتَبْلُغُوا* dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu partikel tujuan, kata kerja dan kata ganti nama subjek. *Lam* di awalan digunakan untuk menunjukkan tujuan sesuatu tindakan dan menjadikan kata kerja subjungtif. Kata kerja tidak sempurna (فعل مضارع) ialah jamak kata ganti nama bagi *ل+تبلغ+وا* dan berada dalam suasana subjungtif (منصوب). Kata dasar yang terdiri daripada tiga huruf ialah *bā lām ghayn* (ب ل غ) yang membawa maksud sebagai ‘sampai’. Akhiran *وا* (الواو) ialah kata ganti nama subjek yang dilampirkan.

Seterusnya ayat lima ini diekstrak dan dibahagikan kepada kategori حرف جر atau huruf jaar. Dalam ayat lima ini, penulis meneliti dan mendapati terdapat tiga (3) jenis bentuk kata bagi kategori huruf jaar iaitu *إلى*, *في* dan *من* dimana kekerapan yang disebut dalam ayat lima bagi ketiga-tiga bentuk kata ini ialah *في* sebanyak dua (2) kali, *إلى* juga dua kali dan *من* sebanyak tujuh (7) kali.

Ayat lima dari surah al-Hajj di atas ini boleh dirumuskan dengan mengambil makna dalam tafsir (az-Zuhaili, 2003), ayat lima ini memberi gambaran bahawa Allah SWT memaparkan dalil-dalil tentang kekuasaan-Nya untuk menghidupkan kembali yang telah mati. Petikan ayat { يَتَأَيُّهَا النَّاسُ إِن كُنتُمْ فِي رَيْبٍ مِّنَ الْبَعْثِ } ini menerangkan bahawa ciptaan makhluk pada pertama kali. Petikan ini ditafsirkan ‘wahai orang-orang musyrik yang mengingkari, menyangkal, dan tidak mempercayai adanya kebangkitan (ba’ts), jika kamu masih meragui tentang kemungkinan dan kedatangan ‘ba’ts’ pada hari Kiamat, justeru itu lihatlah dan perhatikan permulaan penciptaan manusia. Allah

SWT menciptakan pada kali pertama dengan tujuh peringkat yang dilalui oleh manusia dalam kehidupannya.

Pertama, { فَإِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ تُرَابٍ } ditafsirkan dengan ‘Kami’ yakni ‘Allah SWT’ menciptakan moyang kalian iaitu Adam A.S dari tanah dan Kami menciptakan makanan dan nutrisi dari tumbuh-tumbuhan yang lahir dari air dan tanah, maka dengan itulah terbentuknya sperma (az-Zuhaili, 2003).

Kedua, { ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ } yang membawa maksud; Kemudian proses pembentukan berjalan melalui perantaraan sperma yang terbentuk dari makanan dan nutrisi yang tumbuh dari tanah. (az-Zuhaili, 2003).

Ketiga, { ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ } memberi maksud bahawa; Kemudian dengan izin Allah SWT jua, setelah empat puluh hari sperma itu berubah pula menjadi segumpal darah yang padat.


Keempat, { ثُمَّ مِنْ مُضْغَةٍ مُخَلَّقَةٍ وَغَيْرِ مُخَلَّقَةٍ } memberi maksud bahawa; Kemudian segumpal darah tersebut berubah menjadi segumpal daging yang selanjutnya mengalami proses pembentukan hingga wujudnya janin yang sempurna dan utuh bentuk fizikalnya. Adapun janin yang tidak sampai kepada proses pembentukan hingga sempurna sehingga menyebabkan perempuan mengalami keguguran, sama ada yang masih berbentuk gumpalan daging mahu pun sudah ada tanda-tanda pembentukan. Ada pula yang tetap mengalami proses pembentukan sehingga lahir sebagai seorang bayi, tetapi bentuk kejadiannya tidak sempurna sehingga terlahir dalam keadaan cacat atau tidak sempurna sifat.

Kelima, { ثُمَّ نَخْرِجُكُمْ طِفْلًا } memberi maksud bahawa; Kemudian Kami yakni Allah SWT mengeluarkan kalian dari rahim ibu kalian dalam keadaan sebagai bayi yang merah yang lemah fizikal, akal, dan anggotanya. Kemudian setiap bayi itu mulai membesar dan diberi kekuatan dan potensi sedikit demi sedikit oleh Allah SWT.

Keenam, { ثُمَّ لَتَبَلَّغُوا أَشَدَّكُمْ } memberi maksud bahawa; Kemudian kekuatan dan potensi fizikal dan akal kalian pun tumbuh berkembang semakin sempurna hingga kalian mencapai batas kesempurnaan kuat dan gagah sebagai manusia dewasa (az-Zuhaili, 2003).

Akhir ketujuh, { وَمِنْكُمْ مَنْ يُنَوِّتُ وَمِنْكُمْ مَنْ يُرَدُّ إِلَى أَرْدَلِ الْعُمُرِ لِكَيْلَا يَعْلَمَ مِنْ بَعْدِ عِلْمٍ شَيْئًا } yang bermaksud bahawa di antara kalian ada yang mati sebelum mencapai dewasa atau ketika masih muda dan kuat. Ada pula yang masih hidup hingga mencapai usia yang lanjut, kelemahan fizikal, akan dan pemahaman serta capai tahap amnesia atau nyanyuk sehingga ia kembali semula kepada keadaan ketika masih kanak-kanak iaitu lemah, tidak berdaya, kurang berakal dan pemahaman yang minima, lupa terhadap apa yang pernah diketahui sebelumnya sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Yaasin, ayat ke-68 “Dan barangsiapa Kami panjangkan umurnya nescaya Kami kembalikan dia kepada awal kejadian(nya).” (az-Zuhaili, 2003).


Jadual graf di bawah menunjukkan analisis perkataan dalam ayat lima surah al-Hajj dan kekerapan setiap bentuk kata dan antara ayat yang terpanjang yang mempunyai 59 bentuk kata. Setiap bentuk kata ini telah diuraikan di para atas.



Rajah 4.6: Graf Kekerapan Bentuk Kata Dalam QS al-Hajj / 22:5

6. Al-Quran. Al-Hajj 22:6

ذَٰلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ هُوَ الْحَقُّ وَأَنَّهُ يُخَيِّ الْمَوْتَىٰ وَأَنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٦﴾



Rajah 4.7: Analisis LEXICOLSEM dalam QS al-Hajj / 22:6, oleh Asma Abdul Rahman, 2020 - 2023

Seterusnya dalam rajah 4.7 di atas, penulis mengkategorikan ayat keenam (QS / 22:6) ini sebagai 6ج yang bermaksud sebagai bilangan ayat yang merangkumi ayat enam dalam surah al-Hajj. Seterusnya, penulis telah menganalisis ayat enam ini dengan menggunakan perisian Wordsmith8 dan telah mengekstrak tiga belas (13) pecahan bentuk kata yang disusun dalam petak seperti yang tertera di dalam rajah. Hasil analisis senarai kata (Wordlist) ayat enam (6) surah al-Hajj boleh dilihat dalam Lampiran 6.

Kemudian, bentuk kata tersebut seterusnya dikategorikan sebagai huruf = حرف, melihat kata nama = طس, melihat kata kerja = طف, huruf jar = حرف جر, frasa = شج, dan

kata nama = س. Penulis menggunakan jadual simbol dan maksud di Jadual 3.1 sebagai rujukan untuk mengekstrak konsep perkataan dalam ayat keenam surah al-Hajj.

Dalam peringkat kedua, tiga belas (13) bentuk kata ini dibahagikan pula kepada kategori-kategori yang boleh kita rujuk dalam jadual simbol dan maksud. Pembahagian kata tersebut dapat dilihat dengan lebih jelas lagi di Jadual 4.26 berikut:

Jadual 4.26: Jadual Kelas bagi QS al-Hajj / 22: 6

No.	Bentuk Kata	Kategori	Pecahan (makna)	Kekerapan	Hubungan perkataan
1.	وَأَنذَرُ	طس (م)	melihat kata nama (mubtada')	2	-
2.	يُحْيِي	طف	melihat kata kerja	1	antonim
3.	هُوَ	طس (خ)	melihat kata nama (khabar)	1	-
4.	كُلِّ	س (شج)	kata nama (frasa)	1	-
5.	قَدِيرٌ	س	kata nama	1	-
6.	عَلَى	حرف جر (خ)	huruf jaar (khabar)	1	-
7.	شَيْءٌ	س	kata nama	1	-
8.	ذَلِكَ	طس (م)	melihat kata nama (mubtada')	1	-
9.	بِأَنَّ	طس (شج)	melihat kata nama (frasa)	1	-
10.	الْمَوْتَى	طس (مف) (خ)	melihat kata nama (objek/khabar)	1	antonim
11.	اللَّهُ	س	kata nama	1	sinonim
12.	الْحَقُّ	طس	melihat kata nama	1	sinonim
13		7 kategori			

Berdasarkan kepada Jadual Kelas di atas, penulis telah membuat analisis menggunakan perisian Wordsmith8 dan telah mengeluarkan tiga (13) bentuk kata yang boleh dikategorikan sifatnya kepada tujuh (7) kategori iaitu (س, طس (خ), طف, طس (م)) yang boleh dikategorikan sifatnya kepada tujuh (7) kategori iaitu (س, طس (خ), طف, طس (م)) iaitu kategori melihat kata nama (*mubtada*), melihat kata kerja, melihat kata nama (khabar), kata nama (frasa), kata nama, melihat kata nama (khabar), dan melihat kata nama (objek/khabar).

Bentuk kata pertama iaitu ذَٰلِكَ dilihat sebagai kata nama (*mumtada*) (طس (م)). Kemudian, dibahagikan pula di bawah kategori اسم الإشارة yakni kata ganti nama tunjuk yang merujuk maksud sebagai 'itu'.

Kedua, bentuk kata بِأَنَّ, melihat kepada kata nama frasa dan dibahagikan kepada 2 kategori iaitu preposisi dan zarah akusatif. Imbuhan awalan *bi* itu biasanya diterjemahkan sebagai "dengan" atau "oleh" yang tergolong dalam kumpulan perkataan khas yang dikenali sebagai *inna* dan adik-beradikunya (ان واخواتها).

Seterusnya, bagi bentuk kata ketiga dalam ayat keenam surah al-Hajj : اَللّٰهُ; penulis membahagikan kepada kategori س iaitu kata nama khas. Kata akar tiga huruf kata nama khas ialah hamza lām hā (أل هـ) yang membawa maksud 'Allah'. Perkataan 'Allah' juga dikategorikan sebagai hubungan perkataan yang sinonim dengan 'Tuhan, Rabb, Al-Hamid, Al-Haq, Tuhan Yang Maha Esa' dalam surah al-Hajj. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata اَللّٰهُ ada disebut sebanyak 12 kali dalam surah al-Hajj.

Seterusnya bagi bentuk kata هُوَ dibahagikan kepada طس (خ) = melihat kepada kata nama (khabar) dan imbuhan dan kata ganti nama objek biasanya diterjemahkan sebagai 'dia (lelaki)'. Kemudian dibahagi pula kepada هُوَ di mana (ض); dhomir = هو itu merupakan kata ganti subjek yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø yang bermaksud tiada kedudukan. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata هُوَ hanya disebut sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

Seterusnya bagi bentuk kata yang kelima dalam ayat keenam surah al-Hajj iaitu الحَقُّ ; dikategorikan sebagai kata nama طس dan pecahan kepada bentuk kata ini dipecahkan pula kepada س + ال menjadikan *Alif* dan *lam* itu sebagai أداة التعريف dan menggunakan simbol حق + تعر menghasilkan الحَقُّ yang (مرفوع). Kata nama yang terdiri daripada tiga huruf ialah *hā qāf qāf* (ح ق ق) yang membawa maksud 'benar'. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata الحَقُّ hanya disebut sekali dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata keenam dan kesembilan iaitu وَأَنَّهُ, penulis mengkategorikan kepada 3; طس (م) = melihat kepada kata nama (mubtada') dan kata hubung dan kata ganti nama objek ((حرف + س + ض) (فا)). Pecahan seterusnya dibuat kepada (هو) ; Kata sendi awalan وا + أنسخ + ه (هو) akusatif tergolong dalam kumpulan perkataan khas yang dikenali sebagai *inna* dan adik-beradiknya (ان واخواتها). Kemudian (ض); dhomir = هو itu merupakan kata ganti nama objek yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø yang bermaksud tiada kedudukan.

Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata **وَآلَهُ** ada disebut dua kali dalam surah al-Hajj.

Bentuk kata ketujuh iaitu **يُحْيِي**, merupakan kata kerja tidak sempurna (فعل مضارع) dan kata ganti nama objek. Kemudian, dibahagikan pula menjadi **يحي+هو = ف+ض** di mana (ض); dhomir = هو itu merupakan kata ganti nama objek yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø yang bermaksud tiada kedudukan. Kata dasar yang terdiri daripada tiga huruf ialah *hā yā yā* (ح ي ي) yang membawa maksud ‘hidup’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata ini ada disebutkan sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

Bentuk kata kelapan pula iaitu **الْمُوتَى**; boleh dikategorikan sebagai طس(مف)(خ) yang menjelaskan bahawa kata nama jamak dan berada dalam kes akusatif (منصوب). Adapun dipecahkan kepada **ال+س** yang menjadikan *Alif* dan *lam* itu sebagai أداة التعريف dan menggunakan simbol **تعر+موتى** menghasilkan **الْمُوتَى** yang (منصوب). Kata akar yang terdiri daripada tiga huruf ialah *mīm wāw tā* (م و ت) yang membawa maksud ‘mati’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam perisian Wordsmith8, bentuk kata **الْمُوتَى** ada disebutkan sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj.


Bagi bentuk kata yang kesepuluh iaitu **عَلَى** penulis kategorikan sebagai حرف جر(خ) yang merupakan kata depan, yang membawa maksud ‘atas’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam perisian Wordsmith8, bentuk kata **عَلَى** ada disebutkan sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bentuk kata yang kesebelas dalam ayat enam surah al-Hajj ini iaitu كَلِّ merupakan sebagai kata nama (frasa) berada dalam kes genitif (مجرور) yang terdiri daripada tiga huruf ialah *kāf lām lām* (ك ل ل) yang membawa maksud ‘tiap-tiap’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam perisian Wordsmith8, bentuk kata كَلِّ ada disebutkan sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

Seterusnya bentuk kata kedua belas dan ketiga belas iaitu شَيْءٌ dan قَدِيرٌ telah dikategorikan sebagai س yang bermaksud kata nama. Kata akar bagi شَيْءٌ yang terdiri daripada tiga huruf ialah *shīn yā hamza* (ش ي ء) yang membawa maksud ‘sesuatu’ dan bagi bentuk kata قَدِيرٌ, kata akarnya yang terdiri daripada tiga huruf iaitu *qāf dāl rā* (ق د ر) yang membawa maksud ‘Yang Maha Kuasa’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam perisian Wordsmith8, bentuk kata bagi kedua-dua di atas masing-masing ada disebutkan sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

7. Al-Quran. Al-Hajj 22:7

وَأَنَّ السَّاعَةَ آتِيَةٌ لَا رَيْبَ فِيهَا وَأَنَّ اللَّهَ يَبْعَثُ مَنْ فِي الْقُبُورِ ﴿٧﴾



Rajah 4.8: Analisis LEXICOLSEM dalam QS al-Hajj / 22:7, oleh Asma Abdul Rahman, 2020 - 2023

Seterusnya dalam rajah 4.8 di atas, penulis mengkategorikan ayat ketujuh (QS / 22:7) ini sebagai 7ج yang bermaksud sebagai bilangan ayat yang merangkumi ayat tujuh dalam surah al-Hajj. Seterusnya, penulis telah menganalisis ayat tujuh ini dengan menggunakan perisian Wordsmith8 dan telah mengekstrak dua belas (12) pecahan bentuk kata yang disusun dalam petak seperti yang tertera di dalam rajah. Hasil analisis senarai kata (Wordlist) ayat tujuh (7) surah al-Hajj boleh dilihat dalam Lampiran 7.

Kemudian, bentuk kata tersebut seterusnya dikategorikan kepada 10 kategori iaitu sebagai; حرف النافية, حرف جر, طف, (مف) / (اسم أن) / (م) / طس, (خ أن) / (فا) / اس, and. Penulis menggunakan jadual simbol dan maksud di Jadual 3.1 sebagai rujukan untuk mengekstrak konsep perkataan dalam ayat ketujuh surah al-Hajj.

No.	Bentuk Kata	Kategori	Pecahan (makna)	Kekerapan	Hubungan perkataan
1.	وَأَنَّ	طس (م) / طس	melihat kata nama (<i>mubtada'</i>)/ kata nama	2	-
2.	يَبْعَثُ	طف	melihat kata kerja	1	-
3.	مَنْ	طس (مف)	melihat kata nama (<i>objek</i>) (<i>kata nama tanya</i>)	1	-
4.	لَا	حرف النافية	kata nafi	1	-
5.	فِيهَا	طس	melihat kata nama	1	-
6.	فِي	حرف جر	huruf jaar	1	-
7.	رَبِّ	س	kata nama	1	-
8.	اللَّهُ	س (فا)	kata nama (<i>subjek</i>)	1	sinonim
9.	الْقُبُورِ	طس	melihat kata nama	1	-
10.	السَّاعَةِ	طس (اسم أن)	melihat kata nama (<i>huruf inn</i>)	1	sinonim
11.	ءَاتِيَةً	س (خ أن)	kata nama (<i>khabar inn</i>)	1	-
12		10 kategori			

Jadual 4.27: Jadual Kelas bagi QS al-Hajj / 22: 7

No.	Bentuk Kata	Kategori	Pecahan (makna)	Kekerapan	Hubungan perkataan
1.	وَأَنَّ	طس (م) / طس	melihat kata nama (<i>mubtada</i>)/ kata nama	2	-
2.	يَبْعَثُ	طف	melihat kata kerja	1	-
3.	مَنْ	طس (مف)	melihat kata nama (<i>objek</i>) (<i>kata nama tanya</i>)	1	-
4.	لَا	حرف النافية	kata nafi	1	-
5.	فِيهَا	طس	melihat kata nama	1	-
6.	فِي	حرف جر	huruf jaar	1	-
7.	رَبِّ	س	kata nama	1	-
8.	اللَّهُ	س (فا)	kata nama (<i>subjek</i>)	1	sinonim
9.	الْقُبُورِ	طس	melihat kata nama	1	-
10.	اَلْسَاعَةِ	طس (اسم أن)	melihat kata nama (<i>huruf inn</i>)	1	sinonim
11.	ءَاتِيَةً	س (خ أن)	kata nama (<i>khobar inn</i>)	1	-
12		10 kategori			

Berdasarkan kepada Jadual Kelas di atas, penulis telah membuat analisis menggunakan perisian Wordsmith8 dan telah mengeluarkan dua belas (12) bentuk kata yang boleh dikategorikan sifatnya kepada sepuluh (10) kategori iaitu طس (م)/ طس, iaitu kategori طس (م), طس, طس (اسم أن, (س (خ أن, س طف, طس مف), حرف النافية, طس, حرف جر melihat kata nama (mubtada')/ kata nama, melihat kata kerja, melihat kata nama (objek) (kata nama tanya), kata nafi, melihat kata nama, huruf jaar, kata nama, melihat

kata nama (mubtada'), melihat kata nama, melihat kata nama (huruf inn), kata nama (khabar inn). Adapun *ان* اسم; huruf *inn* ialah salah satu huruf mansuh yang masuk dalam ayat nominal yang terdiri daripada predikat dan predikat, dan huruf-huruf yang melakukan tindakan in dipanggil adik beradik *inn*, seperti berikut ; (أَنَّ، كَأَنَّ، لَكِنَّ، لَعَلَّ، لَيْتَ).

Bentuk kata pertama dan ketujuh dalam ayat tujuh surah al-Hajj ini disebut dua kali iaitu *وَأَنَّ* dilihat sebagai kata nama (*mumtada'*) ((طس م)) boleh juga dikategorikan sebagai kata hubung dan zarah akusatif. Kesatuan awalan *wa* biasanya diterjemahkan sebagai "dan". Partikel akusatif tergolong dalam kumpulan perkataan khas yang dikenali sebagai *inna* dan adik-beradiknya. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam perisian Wordsmith8, bentuk kata *وَأَنَّ* ada disebutkan sebanyak empat kali disebut dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata kedua dalam ayat tujuh surah al-Hajj, iaitu *السَّاعَةِ*, penulis mengkategorikan kata ini di bawah *اسم (أن طس)* yang bermaksud kepada merujuk kata nama dan melihat kata nama (huruf *inn*) yang ditambah *isim* yang kedua. Biasanya ia adalah dari jenis Nama Khas atau Isim Ma'arifah dan ada *ال* dipangkalnya yang bermaksud ada pengecualian. Adapun pecahan kepada bentuk kata ini dipecahkan pula kepada *ال + س* menjadikan Alif dan lam itu sebagai *أداة التعريف* dan menggunakan simbol *ساعة + عر* menghasilkan *السَّاعَةِ*. Kata akar yang terdiri daripada tiga huruf ialah *sīn wāw 'ayn* (س و ع) yang membawa maksud 'masa'. Perkataan 'As-sa'at' ini merupakan sinonim dengan perkataan lainnya dalam skop surah al-Hajj seperti 'Qiyamah, As-sa'at, Akhirat, dan Binasa' dan kesemuanya membawa maksud yang sama iaitu 'Hari Kiamat'. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8,

bentuk kata السَّاعَةَ disebutkan sebanyak dua kali dalam surah al-Hajj. Selain itu, dalam ayat ini, terdapat dua lagi bentuk kata di bawah kategori طس iaitu القُبُور di mana ال+س menjadikan *alif* dan *lam* itu sebagai أداة التعريف dan menggunakan simbol قبور + تعر menghasilkan القُبُور. Kata akar yang terdiri daripada tiga huruf ialah qāf bā rā (ق ب ر) yang membawa maksud ‘kubur’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata القُبُور disebutkan sebanyak sekali dalam surah al-Hajj. Seterusnya, bentuk kata kesepuluh iaitu مَنْ dikategorikan sebagai طس (مف) yang dipecahkan kepada اسم الاستفهام iaitu kata nama tanya dan kata ganti relatif yang membawa maksud ‘siapa’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata مَنْ ini ada disebutkan sebanyak lapan (8) kali dalam surah al-Hajj.

Bagi kategori seterusnya di bawah kategori kata nama س, penulis mengekstrak tiga bentuk kata di bawah ayat tujuh ini iaitu; 1) bentuk kata kelima iaitu رَبِّ di bawah kata nama dan kata akar yang terdiri daripada tiga huruf ialah rā yā bā (ر ي ب) yang membawa maksud ‘syak’ dan bentuk kata ini ada disebut sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj dari ayat 1 hingga 39; 2) bentuk kata ketiga iaitu آتِيَةً di bawah pecahan kategori ((خ أن س)) iaitu kata bahagian aktif *muannas* yang tidak tentu dan berada dalam kes nominatif (مرفوع). Kata akar bagi bentuk kata ini ada tiga huruf ialah hamza tā yā (أ ت ي) yang membawa maksud ‘datang’ menunjukkan bahawa ayat ini jelas kepada bentuk kata sebelum nya السَّاعَةَ yang memberi maksud gambaran bahawa hari kiamat itu pasti akan datang. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam

Wordsmith8, bentuk kata **ءَاتِيَّةٌ** ada disebut sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj, dan 3) bentuk kata kelapan iaitu **الله** di bawah pecahan kategori **س (فا)** iaitu kata nama khas dalam huruf akusatif (**منصوب**). Kata akar tiga huruf kata nama khas ialah *hamza lām hā* (**أ ل هـ**) yang membawa maksud ‘Allah’. Perkataan ‘Allah’ juga dikategorikan sebagai hubungan perkataan yang sinonim dengan ‘*Tuhan, Rabb, Al-Hamid, Al-Haq, Tuhan Yang Maha Esa*’ dalam surah al-Hajj. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata **الله** ada disebut sebanyak 17 kali dalam surah al-Hajj.


Seterusnya, penulis mengekstrak tiga kategori di bawah **حرف** (huruf) iaitu 1) bentuk kata keempat **لَا** yang dipecah sebagai **حرف النافية** yang bermaksud kata nafi atau zarah negatif yang membawa maksud ‘tidak ada’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata **لَا** ada disebut sebanyak dua kali dalam surah al-Hajj; 2) bentuk kata keenam **فِيهَا** pula dikategorikan sebagai **حرف+ض** iaitu kata sendi nama atau kata depan (preposition) dan kata ganti nama objek. Kata ganti nama objek yang dilampirkan ialah *muannats* yakni isim menunjukkan erti perempuan ‘**هَا**’ itu merupakan kata ganti objek yang disembunyikan dan ditanda sebagai **Ø** yang bermaksud tiada kedudukan. Bersama-sama membentuk frasa preposisi yang dikenali sebagai *jār wa majrūr* (**جار ومجرور**) yang membawa maksud ‘padanya’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, kekerapan bentuk kata **فِيهَا** ini ada disebut sebanyak enam kali dalam skop kajian surah al-Hajj; dan 3) bentuk kata kesebelas iaitu **فِي** pula dikategorikan sebagai huruf jaar iaitu kata depan (preposition). Imbuhan kata depan **فِي** biasanya diterjemahkan sebagai "di dalam". Hasil carian dari ayat 1

hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata : ي, disebut sebanyak 14 dalam surah al-Hajj.

Seterusnya bentuk kata yang kesembilan iaitu يَبْعُ dikategorikan dalam di bawah simbol طف yang bermakna melihat kepada kata kerja (فعل مضارع). Seterusnya kata ini kategori ini dibahagikan kepada ف+ض dan menjadi sebagai يبعث+هو dengan maksud bahawa bentuk kata ini merupakan kata ganti nama bagi هو itu merupakan kata ganti nama yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø bermaksud tiada kedudukan. Kata dasar yang terdiri daripada tiga huruf ialah bā 'ayn thā (ب ع ث) itu memberi maksud sebagai 'bangkit'. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata يَبْعُ disebutkan sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

Dalam ayat tujuh surah al-Hajj ini kandungan yang penting adalah dijelaskan bahawa pembuktian hari kebangkitan atau *ba'ats* itu wujud. Allah SWT membuktikan bahawa adanya kebangkitan, hari Kiamat di mana semua makhluk yang telah mati dihidupkan kembali dengan bukti Allah SWT menghidupkan semula manusia, binatang dan tumbuh-tumbuhan yang sebelumnya mati dan tiada kerana Zat yang menciptakan asal usul manusia itu adalah dari tanah, kemudian dari sperma yang terbentuknya dari makanan dan nutrisi yang tumbuh dari tanah, dan akhirnya membentuk dan menjadikannya makhluk dalam bentuk sebaik-baiknya (az-Zuhaili, 2003).

8. Al-Quran. Al-Hajj 22:8



Rajah 4.9: Analisis LEXICOLSEM dalam QS Al-Hajj / 22:8, oleh Asma Abdul Rahman, 2020 - 2023

Seterusnya dalam rajah 4.9 di atas, penulis mengkategorikan ayat empat (QS / 22:8) ini sebagai 8ج yang bermaksud sebagai bilangan ayat yang merangkumi ayat lapan dalam surah al-Hajj. Seterusnya, penulis telah menganalisis ayat lapan ini dengan menggunakan perisian Wordsmith8 dan telah mengekstrak tiga belas (13) pecahan bentuk kata yang disusun dalam petak seperti yang tertera di dalam rajah. Hasil analisis senarai kata (Wordlist) ayat lapan (8) surah al-Hajj boleh dilihat dalam Lampiran 8.

Kemudian, bentuk kata tersebut seterusnya dikategorikan sebagai huruf = حرف, melihat kata nama = طس, melihat kata kerja = طف, huruf jar = حرف جر, frasa = شج, dan kata nama = س. Penulis menggunakan jadual simbol dan maksud di Jadual 3.1 sebagai rujukan untuk mengekstrak konsep perkataan dalam ayat kedua surah al-Hajj.

Dalam peringkat kedua, tiga belas (13) bentuk kata ini dibahagikan pula kepada kategori-kategori yang boleh kita rujuk dalam jadual simbol dan maksud. Pembahagian kata tersebut dapat dilihat dengan lebih jelas lagi di Jadual 4.28 berikut:

Jadual 4.28: Jadual Kelas dalam QS Al-Hajj / 22: 8

No.	Bentuk Kata	Kategori	Pecahan (makna)	Kekerapan	Hubungan perkataan
1.	وَلَا	حرف عطف + حرف نافي	kata sendi + kata nafi	2	-
2.	يُجَادِلُ	طف	melihat kata kerja	1	-
3.	وَمِنْ	حرف (م)	huruf (mubtada')	1	-
4.	هَؤُلَاءِ	س	kata nama	1	-
5.	مُنِيرٌ	س	kata nama	1	-
6.	مَنْ	طس	melihat kata nama	1	-
7.	كِتَابٌ	س	kata nama	1	-
8.	فِي	حرف جر (مف)	huruf jaar	1	-
9.	عِلْمٌ	س	kata nama	1	-
10.	يَغَيِّرُ	طس (شج) (خ) حرف + س	melihat kata nama (frasa/khabar)	1	-
11.	النَّاسِ	طس (فا)	melihat kata nama	1	antonim/hipernim / holonim/meronim
12.	اللَّهِ	س	kata nama	1	sinonim
13		9 kategori			

Berdasarkan kepada Jadual pecahan di atas, penulis telah membuat analisis menggunakan perisian Wordsmith8 dan telah mengeluarkan tiga (13) bentuk kata yang boleh dikategorikan sifatnya kepada sembilan (9) kategori iaitu حرف عطف + حرف نافي, حرف عطف, حرف (م), س, طس, حرف جر (مف), طس (شج) (خ), حرف + س, طس (فا) kata nafi, melihata kata kerja, huruf (mubtada'), kata nama, melihat kata nama, huruf

jaar, melihat kata nama (frasa) (khabar), huruf dan kata nama, dan melihata kata nama (subjek).

Bentuk kata pertama iaitu *وَمِنْ* dilihat sebagai kata hubung dan kata depan (*mubtada'*) ((حرف م)). Kemudian, dibahagikan pula di bawah kategori حرف جر + حرف عطف. yakni kata sendi dan huruf jaar *و + مِنْ*. Kata sendi awalan *wa* biasanya diterjemahkan sebagai "dan". Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata *وَمِنْ* kerap disebutkan sebanyak tiga (3) kali dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata kedua : *النَّاسِ*, penulis mengkategorikan di bawah *طس* (ف) yang bermaksud kepada merujuk kata nama dan *فاعل* iaitu subjek yang membawa maksud 'Manusia'. Perkataan 'Manusia' ini merupakan perkataan antonim dengan perkataan 'Binatang' dalam skop surah al-Hajj. Kedua-dua bentuk kata ini terletak dalam ayat yang berbeza tetapi dalam surah al-Hajj yang sama. 'Manusia' juga adalah perkataan yang mempunyai hubungan hiponim, iaitu ia merupakan superordinat kepada 'Makhluk'. Adapun pecahan kepada bentuk kata ini dipecahkan pula kepada *تعر + ناس* menjadikan *Alif* dan *lam* itu sebagai *أداة التعريف* dan menggunakan simbol *ال + س* menghasilkan *النَّاسِ*. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata *النَّاسِ* kerap disebutkan sebanyak lima (5) kali dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata ketiga *مَنْ*, penulis mengkategorikan kata *مَنْ* sebagai melihata kepada kata nama yang tunggal dan berada dalam kata ganti nama relatif yang membawa maksud 'siapa'. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata *مَنْ* kerap disebutkan sebanyak lapan (8) kali dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata keempat يُجَادِلُ, penulis mengkategorikan sebagai kata kerja tidak sempurna (فعل مضارع). Kemudian, dibahagikan pula menjadi مجادل + ض di mana (ض); dhomir = هو itu merupakan kata ganti subjek yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø yang bermaksud tiada kedudukan. Kata dasar yang terdiri daripada tiga huruf ialah *jīm dāl lām* (ج د ل) yang membawa maksud ‘bantah’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, kekerapan bentuk kata يُجَادِلُ ini ada disebut sebanyak dua (2) kali dalam skop kajian surah al-Hajj.

Seterusnya bagi kategori di bawah huruf (حرف), terdapat tiga bentuk kata yang boleh diekstrak dari ayat 8 ini iaitu 1) بِ, 2) وَلَا dan 3) بَعِيرٍ.

- 1) Bentuk kata بِ kelima ini adalah di bawah huruf objek dan kata depan biasanya diterjemahkan sebagai ‘dalam’ atau ‘di’, namun dalam konteks ayat lapan ini bentuk kata *fi* ini diterjemahkan sebagai ‘berhubung dengan’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata بِ kerap disebutkan sebanyak tiga belas (13) kali dalam surah al-Hajj;
- 2) Bentuk kata وَلَا ada disebut dua kali dalam ayat lapan iaitu kata kesembilan dan kesebelas. Mereka dibahagikan kepada 2 segmen sebagai kata hubung dan kata nafi atau negatif. Kata sendi awalan *wa* biasanya diterjemahkan sebagai "dan" dan *lā* pula diterjemahkan sebagai ‘tidak’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata وَلَا kerap disebutkan sebanyak tiga (3) kali dalam surah al-Hajj; dan

3) Adapun bentuk kata بِعَيْرٍ ini boleh dikategorikan di bawah (خ) (شج) طس iaitu melihat kepada kata nama (frasa dan khabar). Pembahagian kategori di bawah kata depan dan kata nama. Imbuhan awalan *bi* biasanya diterjemahkan sebagai "dengan" atau "oleh". Kata nama adalah *muzakkar* dan berada dalam kes genitif (مجرور). Kata akarnya ada tiga huruf kata nama iaitu *ghayn yā rā* (غ ي ر) yang membawa maksud ‘tidak’. Bersama-sama segmen membentuk frasa preposisi yang dikenali sebagai *jār wa majrūr* (جار ومجرور). Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata بِعَيْرٍ kerap disebutkan sebanyak dua (2) kali dalam surah al-Hajj.

Seterusnya bagi kategori di bawah segmen kata nama (س), terdapat lima (5) bentuk kata yang boleh diekstrak dari ayat 8 ini iaitu 1) اللهُ, 2) عَلِيمٌ, 3) هُدًى, 4) كِتَابٍ dan 5) مُنِيرٌ. Kelima-lima bentuk kata ini dicerakinkan seperti berikut:

- 1) bentuk kata keenam iaitu اللهُ di bawah pecahan kategori س iaitu kata nama khas dalam huruf genitif (مجرور). Kata akar tiga huruf kata nama khas ialah *hamza lām hā* (أ ل ه) yang membawa maksud ‘Allah’. Perkataan ‘Allah’ juga dikategorikan sebagai hubungan perkataan yang sinonim dengan ‘Tuhan, Rabb, Al-Hamid, Al-Haq, Tuhan Yang Maha Esa’ dalam surah al-Hajj. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata اللهُ ada disebut sebanyak dua belas (12) kali dalam surah al-Hajj;
- 2) Bentuk kata kelapan iaitu عَلِيمٌ di bawah pecahan kategori kata nama *muzakkar* yang tidak tentu dan berada dalam genitif (مجرور). Kata akar yang terdiri


daripada tiga huruf iaitu ‘ayn lām mīm (ع ل م) yang membawa maksud ‘ilmu’, dalam konteks ayat lapan, bentuk kata عِلْمٌ ini diterjemahkan sebagai ‘sebarang pengetahuan’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata عِلْمٌ ada disebut sebanyak tiga (3) kali dalam surah al-Hajj;

- 3) Bentuk kata kelapan iaitu هُدًى di bawah pecahan kategori kata nama *muzakkar* yang tidak tentu dan berada dalam genitif (مجرور). Kata akar yang terdiri daripada tiga huruf iaitu hā dāl yā (ه د ي) yang membawa maksud ‘petunjuk’, dalam konteks ayat lapan, bentuk kata هُدًى ini diterjemahkan sebagai ‘sebarang keterangan’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata هُدًى ada disebut sekali sahaja dalam surah al-Hajj;
- 4) Bentuk kata kelapan iaitu كِتَابٍ di bawah pecahan kategori kata nama *muzakkar* yang tidak tentu dan berada dalam genitif (مجرور). Kata akar yang terdiri daripada tiga huruf iaitu kāf tā bā (ك ت ب) yang membawa maksud ‘Kitab’ atau ‘buku’, dalam konteks ayat lapan, bentuk kata كِتَابٍ ini diterjemahkan sebagai ‘Kitab Allah’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata كِتَابٍ ada disebut sekali sahaja dalam surah al-Hajj; dan
- 5) Bentuk kata yang akhir dari ayat lapan (8) ini iaitu مُنِيرٌ di kategorikan sebagai نعت iaitu kata sifat tunggal yang tidak tentu dan berada dalam kes genitif

(مجرور). Kata dasar kata adjektif yang terdiri daripada tiga huruf ialah *nūn wāw* (ن و) yang memberi maksud ‘cahaya’, dalam konteks ayat lapan, bentuk kata مُنِيرٌ ini diterjemahkan sebagai ‘menerangi kebenaran’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam perisian Wordsmith8, bentuk kata مُنِيرٌ ada disebutkan sebanyak sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

9. Al-Quran. Al-Hajj 22:9

ثَانِي عَطْفِهِ لِيُضِلَّ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ لَهُ فِي الدُّنْيَا خِزْيٌ وَنَذِيقُهُ يَوْمَ الْقِيَمَةِ عَذَابَ الْحَرِيقِ ۝٩



Rajah 4.10: Analisis LEXICOLSEM dalam QS Al-Hajj / 22:9, oleh Asma Abdul Rahman, 2020 - 2023

Seterusnya dalam rajah 4.10 di atas, penulis mengkategorikan ayat sembilan sebagai 9ج yang bermaksud sebagai bilangan ayat yang merangkumi ayat sembilan dalam surah al-Hajj. Seterusnya, penulis telah menganalisis ayat sembilan ini menggunakan perisian Wordsmith8 dan telah mengekstrak lima belas (15) pecahan

bentuk kata yang disusun dalam petak seperti di dalam rajah di atas. Hasil analisis senarai kata (Wordlist) ayat sembilan surah al-Hajj ini boleh dilihat dalam Lampiran 9.

Penulis menggunakan jadual simbol dan maksud di Jadual 3.1 sebagai rujukan untuk mengekstrak konsep perkataan dalam ayat kesembilan surah al-Hajj.

Dalam peringkat kedua, lima belas (15) bentuk kata ini dibahagikan pula kepada kategori-kategori yang boleh kita rujuk dalam jadual simbol dan maksud. Pembahagian kata tersebut dapat dilihat dengan lebih jelas lagi di Jadual 4.29 berikut:

Jadual 4.29: Jadual Kelas dalam QS Al-Hajj / 22: 9

No.	Bentuk Kata	Kategori	Pecahan (makna)	Jumlah kata disebut	Hubungan perkataan
1.	يَوْمَ	س (مف)	kata nama (objek)	1	-
2.	وَنُذِيقُهُ	طف (م)	melihat kata kerja (mubtada')	1	-
3.	لِيُضِلَّ	طف (خ) (شج)	melihat kata kerja (khabar) (frasa)	1	-
4.	لَهُ	طس (م)	melihat kata nama (mubtada')	1	-
5.	فِي	حرف جر (خ)	huruf jar (khabar)	1	huruf jar
6.	عَنْ	حرف جر	kata nama	1	huruf jar
7.	عِطْفِيَّهٖ	طس	Melihat kata nama	1	-
8.	عَذَابٍ	س (خ) (ضف)	kata nama (khabar) (ditambah)	1	sinonim
9.	سَبِيلٍ	س (ضف)	kata kerja (ditambah)	1	-
10.	خِزْيٍ	س	kata nama	1	-
11.	ثَانِي	ف (م)	kata kerja (mubtada')	1	-
12.	اللَّهِ	س (ضف إليه)	kata nama (ditambah kepada)	1	antonim
13.	الْقِيَمَةِ	طس	melihat kata nama	1	sinonim
14.	الدُّنْيَا	طس (شج)	melihat	1	antonim

kepada huruf, kata kerja dan *dhaamir* (حرف+ف+ض) di mana ل atau *lam* ialah zarrah awalan yang digunakan untuk menunjukkan tujuan sesuatu tindakan dan menjadikan kata kerja مضارع = فعل مضارع sebagai subjungtif atau منصوب. Kemudian هو pula ditakrifkan sebagai kata ganti nama orang ketiga tunggal *muzakkar* dan berada dalam suasana subjungtif (منصوب) yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø yang bermaksud tiada kedudukan. Kata dasar yang terdiri daripada tiga huruf ialah *dād lām lām* (ض ل ل) yang memberi maksud sebagai ‘mengelirukan’. Adapun {عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ} ditakrifkan sebagai dari agama Allah SWT, sedangkan kata لِيُضِلَّ ditakrifkan sebagai *'illai* atau alasan *al-Jidaal* (perbantahan) yakni, ia melakukan perbantahan itu untuk menyesatkan dan memalingkan dari agama Allah SWT (az-Zuhaili, 2003). Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam perisian Wordsmith8, bentuk kata لِيُضِلَّ ada disebutkan sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, 2) bentuk kata kesebelas وَتُذِيقُهُ pula dibahagikan kepada tiga (3) kategori morfologi iaitu kata sendi (حرف), kata kerja dan kata ganti nama subjek. Kata sendi awalan wa (و) biasanya diterjemahkan sebagai "dan". Kata kerja (فعل مضارع) ialah jamak dan berada dalam suasana indikatif (مرفوع). Kata dasar yang terdiri daripada tiga huruf iaitu *dhāl wāw qāf* (ذ و ق) dan kata ini membawa maksud ‘kami akan merasakannya’. Kata ganti nama هو merupakan kata ganti nama subjek yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø yang bermaksud tiada kedudukan. Hasil carian

dari ayat 1 hingga 39 dalam perisian Wordsmith8, bentuk kata **وُذِّقَتْهُ** ada disebutkan sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, penulis telah mengekstrak perkataan dalam ayat sembilan surah al-Hajj dengan kategori di bawah kata nama (س). Berikut merupakan bentuk kata nama yang telah dikenalpasti dan diekstrak mengikut kategori:

- 1) Kategori **س (ضف)** dari bentuk kata kelima iaitu **سَبِيلٌ** merupakan kata nama *muzakkar* (yang ditambah) dan dalam genitif (**مَجْرُور**). Kata akar yang terdiri daripada tiga huruf ialah *sīn bā lām* (س ب ل) yang membawa maksud 'jalan'. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam perisian Wordsmith8, bentuk kata **سَبِيلٌ** ada disebutkan sebanyak dua (2) kali dalam surah al-Hajj.
- 2) Kategori **س (ضف إليه)** dari bentuk kata keenam iaitu **الله** merupakan kata nama khas dalam huruf genitif (**مَجْرُور**). Kata akar tiga huruf kata nama khas ialah *hamza lām hā* (أ ل ه) yang membawa maksud 'Allah'. Perkataan 'Allah' juga dikategorikan sebagai hubungan perkataan yang sinonim dengan 'Tuhan, Rabb, *Al-Hamid*, *Al-Haq*, Tuhan Yang Maha Esa' dalam surah al-Hajj. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata **الله** ada disebut sebanyak dua belas (12) kali dalam surah al-Hajj.
- 3) Kategori **س** diambil dari bentuk kata kesepuluh iaitu **خَزِيٍّ**, merupakan kata nama *muzakkar* yang tidak tentu dan berada dalam kes nominatif (**مَرْفُوع**). Kata akar yang terdiri daripada tiga huruf ialah *khā zāy yā* (خ ز ي) yang membawa

maksud 'hina'. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata **اللَّهُ** ada disebut sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

- 4) Kategori **س (مف)** dari bentuk kata kedua belas iaitu **يَوْمَ**, Bentuk kata pertama iaitu **يَوْمَ** di kategorikan sebagai *isim* objek *muzakkar* dan berada dalam kes akusatif (**منصوب**). Kata akar yang terdiri daripada tiga huruf iaitu *yā wāw mim* (**ي و م**) yang membawa maksud 'Hari'. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam perisian Wordsmith8, bentuk kata **يَوْمَ** ada disebutkan sebanyak tiga (3) kali dalam surah al-Hajj.
- 5) Kategori **س (خ)(ضف)** dari bentuk kata keempat belas iaitu **عَذَابَ** dikategorikan kepada 1) kata nama *muzakkar* dan berada dalam (**منصوب**), kata nama yang terdiri daripada tiga huruf ialah '*ayn dhal bā* (**ع ذ ب**) yang membawa maksud 'azab'. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata **عَذَابَ**, ada disebut sebanyak tiga (3) kali dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, penulis telah mengekstrak perkataan dalam ayat sembilan surah al-Hajj dengan kategori di bawah kata nama (**طس**). Berikut merupakan bentuk melihat kepada kata nama yang telah dikenalpasti dan diekstrak mengikut kategori:

- 1) Bentuk kata kedua: **عَظْفِهِ** yang membawa maksud kepada melihat kata nama dan kata ganti posesif. Kata nama *muzakkar* dan berada dalam kes genitif (**مجرور**). Kata akar yang terdiri daripada tiga huruf iaitu '*ayn tā fā* (**ع ط ف**). Kemudian dibahagi pula kepada **عطف**+(هو) di mana (**ض**); dhaamir = هو itu

merupakan kata ganti subjek yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø yang bermaksud tiada kedudukan. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata : عَطْفِهِ, hanya disebut sekali sahaja dalam surah al-Hajj; dan bentuk kata ketiga belas: الْقِيَمَةِ yang di bawah kategori طس yang bermaksud kepada melihat kata nama. Biasanya ia adalah dari jenis Nama Khas atau Isim Ma'arifah dan ada ال dipangkalnya yang bermaksud ada pengecualian. Adapun pecahan kepada bentuk kata ini dipecahkan pula kepada ال + س menjadikan Alif dan lam itu sebagai أداة التعريف dan menggunakan simbol تعر + قِيَمَة menghasilkan الْقِيَمَةِ yang membawa maksud 'Hari Kiamat'. Perkataan 'Kiamat' ini merupakan sinonim dengan perkataan lainnya dalam skop surah al-Hajj seperti 'Zalزالah, As-sa'at, Akhirat, dan Binasa' dan kesemuanya membawa maksud yang sama iaitu 'Hari Kiamat'. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata الْقِيَمَةِ disebutkan sebanyak dua (2) kali dalam surah al-Hajj.

- 2) Kategori طس (م) iaitu bentuk kata ketujuh iaitu لَهُ, dibahagikan kepada 2 segmen morfologi iaitu kata depan (preposotion) dan kata ganti nama diri. Imbuhan awalan lām biasanya diterjemahkan sebagai "untuk". ل + هو; kata ganti nama diri bersama-sama segmen membentuk frasa kata depan yang dikenali sebagai *jār wa majrūr* (جار ومجرور). Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata ini disebutkan sebanyak tiga (3) kali dalam surah al-Hajj.

3) Kategori طس (شج) iaitu dalam bentuk kata kesembilan : الدُّنْيَا merupakan kata nama tunggal *muannath* dan ada ال dipangkalnya yang bermaksud ada pengecualian. Adapun pecahan kepada bentuk kata ini dipecahkan pula kepada ال + س menjadikan *Alif* dan *lam* itu sebagai أداة التعريف dan menggunakan simbol تعر+دنيا menghasilkan الدُّنْيَا yang kata akarnya terdiri daripada tiga huruf ialah *dāl nūn wāw* (د ن و) yang membawa maksud ‘dunia’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata الدُّنْيَا disebutkan sebanyak tiga (3) kali dalam surah al-Hajj.


4) Kategori طس (ضف إليه) iaitu bentuk kata kelima belas : الحَرِيقُ, penulis mengkategorikan kata ini di bawah طس (ضف إليه) yang bermaksud kepada merujuk kata nama dan مضاف إليه yang ditambah *isim* yang kedua dipanggil (Mudhaf Ilaih). Biasanya ia adalah dari jenis Nama Khas atau Isim Ma’arifah dan ada ال dipangkalnya yang bermaksud ada pengecualian. Adapun pecahan kepada bentuk kata ini dipecahkan pula kepada ال + س menjadikan *Alif* dan *lam* itu sebagai أداة التعريف dan menggunakan simbol تعر+حريق menghasilkan الحَرِيقُ yang membawa maksud ‘membakar’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata الحَرِيقُ disebutkan sebanyak dua kali dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi kategori حرف, dikenalpasti ada di bentuk kata keempat dan

kelapan: حرف جر (1) iaitu imbuhan kata, dan حرف فاعل, penulis mengkategorikan sebagai

depan yang membawa maksud kepada ‘dari’; dan 2) حرف جر (خ); imbuhan kata depan بِّ biasanya diterjemahkan sebagai "di". Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata : بِّ, disebut sebanyak tiga belas (13) kali, dan عَنْ, disebutkan sebanyak dua (2) kali dalam surah al-Hajj.

10. Al-Quran. Al-Hajj 22:10



Rajah 4.11: Analisis LEXICOLSEM dalam QS Al-Hajj / 22:10, oleh Asma Abdul Rahman, 2020 - 2023

Seterusnya dalam rajah 4.11 di atas, penulis mengkategorikan ayat sepuluh sebagai 10ج yang bermaksud sebagai bilangan ayat yang merangkumi ayat sepuluh dalam surah al-Hajj. Seterusnya, penulis telah menganalisis ayat sepuluh ini menggunakan perisian Wordsmith8 dan telah mengekstrak sembilan (9) pecahan

bentuk kata yang disusun dalam petak seperti di dalam rajah di atas. Hasil analisis senarai kata (Wordlist) ayat sepuluh (10) surah al-Hajj boleh dilihat dalam Lampiran 10.

Dalam peringkat kedua, sembilan (9) bentuk kata ini dibahagikan pula kepada kategori-kategori yang boleh kita rujuk dalam jadual simbol dan maksud. Pembahagian kata tersebut dapat dilihat dengan lebih jelas lagi di Jadual 4.30 berikut:

Jadual 4.30: Jadual Kelas dalam QS Al-Hajj / 22: 10

No.	Bentuk Kata	Kategori	Pecahan (makna)	Jumlah kata disebut	Hubungan perkataan
1.	يَذَاك	طس (مف)	melihat kata nama (objek)	1	-
2.	وَأَنَّ	طس (م)	melihat kata nama (mubtada')	4	huruf
3.	لَيْسَ	طف (ح)	melihat kata kerja (khabar)	1	huruf nafi
4.	لِلْعَبِيدِ	طس	melihat kata nama	1	huruf
5.	قَدَّمْتُ	طف	melihat kata kerja	1	-
6.	ذُلَّكَ	طس (م)	melihat kata nama (mubtada')	6	isim isyarat
7.	بِمَا	طس (خ)	melihat kata nama (khabar)	1	huruf
8.	يُظَلِّمُ	طف (شج)	melihat kata kerja (frasa)	1	-
9.	أَلَلَّه	س (فا)	kata nama (subjek)	17	sinonim
12		7 kategori			

Berdasarkan kepada Jadual Kelas di atas, penulis telah membuat analisis menggunakan perisian Wordsmith8 dan telah mengeluarkan sembilan (9) bentuk kata yang boleh dikategorikan sifatnya kepada tujuh (7) kategori iaitu melihat kata nama = طس, melihat kata kerja = طف, huruf = حرف, frasa = شج, dan penulis

menggunakan jadual simbol dan maksud di Jadual 1.1 sebagai rujukan untuk mengekstrak konsep perkataan dalam ayat sepuluh surah al-Hajj.

Bentuk kata pertama iaitu ذَلِكْ di kategorikan sebagai *tharaf isim mubdata* kerana ia menjadi pemula ayat, dan *isim isyarat* (اسم الإشارة). Isim isyarat ذَلِكْ biasanya diterjemahkan sebagai "itu". Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam perisian Wordsmith8, bentuk kata ذَلِكْ ada disebutkan sebanyak enam (6) kali dalam surah al-Hajj.

Seterusnya, bagi bentuk kata kedua, بِهَا, penulis mengkategorikan kepada dua segmen morfologi. Kata depan dan kata ganti nama relatif. Imbuhan awalan *bi* biasanya diterjemahkan sebagai "dengan" atau "oleh". Bersama-sama segmen membentuk frasa kata depan yang dikenali sebagai حرف+س di bawah kategori *jār wa majrūr* (جار ومجرور).

Seterusnya, bagi bentuk kata ketiga تَدْعُ, merupakan kategori kata kerja yang sempurna (فعل ماض) dan kata kerja dhaamir ialah orang ketiga *muannath* tunggal (قدم+ت) (هي) di mana (ض); *dhaamir* = هي itu merupakan kata ganti subjek yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø yang bermaksud tiada kedudukan. Kata dasar yang terdiri daripada tiga huruf *qāf dāl mīm* (ق د م) yang membawa maksud 'telah hantar/ utus'. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata ini disebutkan sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

Seterusnya bagi bentuk kata keempat يَذْكُ ini dikategorikan kepada dua segmen iaitu sebagai طس (مف); kata nama dan kata ganti nama diri (objek). Kata nama ini yang

berada dalam kes nominatif (مرفوع). Kata akar tiga huruf kata nama iaitu *yā dāl yā* (ي د) memberi tafkrifan sebagai ‘tanganmu’. Kata ganti nama diri yang dilampirkan ialah (هي) di mana (ض); *dhaamir* = هي itu merupakan kata ganti objek yang disembunyikan dan ditanda sebagai Ø yang bermaksud tiada kedudukan. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata ini disebutkan sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

Seterusnya bagi bentuk kata yang kelima iaitu وَأَنَّ di bawah kategori طس (م) melihat kepada kata nama frasa dan dibahagikan kepada 2 segmen iaitu kata depan dan zarah akusatif. Kata sendi awalan *wa* itu biasanya diterjemahkan sebagai "dan". Partikel akusatif tergolong dalam kumpulan perkataan khas yang dikenali sebagai *inna* dan adik-beradiknya (ان واخواتها) yang biasanya diterjemahkan sebagai ‘sesungguhnya’.

Bagi bentuk kata seterusnya yang keenam ialah الله yang merupakan kata nama khas (subjek) dalam huruf akusatif (منصوب). Kata akar tiga huruf kata nama khas ialah *hamza lām hā* (ا ل ه) yang membawa maksud ‘Allah’. Perkataan ‘Allah’ juga dikategorikan sebagai hubungan perkataan yang sinonim dengan ‘Tuhan, Rabb, Al-Hamid, Al-Haq, Tuhan Yang Maha Esa’ dalam surah al-Hajj. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata الله ada disebut sebanyak tujuh belas (17) kali dalam surah al-Hajj.

Seterusnya bagi bentuk kata ketujuh iaitu كَيْسَ yang dikategorikan di bawah segmen طف (خ) iaitu kata kerja (khabar). Bentuk kata ini juga dipecahkan di bawah huruf kata nafi yang mana kata dasarnya yang terdiri daripada tiga huruf iaitu *lām yā*

sīn (ل ي س) yang memberi maksud ‘tidak sekali-kali’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata ini ada disebut sekali sahaja dalam surah al-Hajj.

Seterusnya bentuk kata yang kelapan iaitu *ẓālam*, yang dibahagikan kepada dua segmen iaitu kata depan dan kata nama. Bersama-samanya *ḥarf+f* membentuk frasa kata depan yang dikenali sebagai *jār wa majrūr* (جار ومجرور). Imbuhan awalan *bi+ẓālam*; *bi* biasanya diterjemahkan sebagai "dengan" atau "oleh". Kata nama tidak tentu ialah kata nama tunggal dan berada dalam kes genitif (مجرور). Kata akar yang terdiri daripada tiga huruf iaitu *ẓā lām mīm* (ظ ل م) membawa maksud ‘zalim’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata ini ada disebut sekali sahaja dalam surah al-Hajj.


Pengakhiran bentuk kata dalam ayat sepuluh iaitu *lāʿībīn* telah dibahagikan kepada dua kategori iaitu kata depan dan kata nama. Bersama-samanya *ḥarf+al+s* membentuk frasa kata depan yang dikenali sebagai *jār wa majrūr* (جار ومجرور). Imbuhan awalan *lām* biasanya diterjemahkan sebagai "untuk". Kata nama adalah jamak dan dalam kes genitif (مجرور). Adapun pecahan kepada bentuk kata ini dipecahkan pula kepada *al + s* menjadikan Alif dan lam itu sebagai أداة التعريف dan menggunakan simbol *ʿabīd + ʿar* menghasilkan *ʿabīd* yang kata akarnya terdiri daripada tiga huruf iaitu *ʿayn bā dāl* (ع ب د) membawa maksud ‘hamba-hambaNya’. Hasil carian dari ayat 1 hingga 39 dalam Wordsmith8, bentuk kata *lāʿībīn* disebutkan hanya sekali dalam surah al-Hajj.

Kesemua rajah 4.1 hingga 4.11 di atas menerangkan bagaimana model LEXICOLSEM tahap pertama diaplikasikan dalam surah al-Hajj dari ayat 1 hingga ayat 10.

4.3.2 Analisis Model “LEXICOLSEM” Surah Al-Hajj dari ayat 11 – 19 (Kaedah Model Kedua)


Adapun bagi kaedah model kedua ini juga boleh dipanggil sebagai Morfologi Sintaksis. Dalam rajah di bawah, penulis telah menggunakan kaedah model kedua ini dalam ayat 11 hingga ayat 19.

Merujuk kepada Rajah 4.12 dalam ayat 11 di bawah, huruf و dan بن dalam rajah menunjukkan kata hubung dan simbol Ø bermaksud tiada kedudukan. Perkataan النَّاسِ yang bermaksud “manusia, orang” dikeluarkan kepada 3 huruf asal perkataan ن و س itu sebagai مشتقات الكلمات. Terdapat 8 bentuk kata dengan makna yang berbeza seperti yang ditunjukkan dalam rajah. Seterusnya pecahan huruf setiap perkataan dianalisis mengikut bilangan huruf asal kerana jika nombor ini tidak diletakkan maka kita tidak tahu perkataan asalnya (originality). Seterusnya, perkataan يَعْبُدُ yang bermaksud “menyembah, beribadah” dikeluarkan kepada 3 huruf asal perkataannya ع ب د dan sebanyak 7 bentuk kata dengan makna yang berbeza seperti yang ditunjukkan dalam rajah.




Rajah 4.12: Analisis LEXICOLSEM kaedah model kedua ayat QS Al-Hajj / 22:11, oleh Asma Abdul Rahman, 2020 - 2023

Seterusnya, dalam rajah 4.12, bersambung di atas yang masih dalam ayat 11 dari surah al-Hajj, perkataan **حَرْفٍ** yang bermaksud “pendirian yang tidak tetap” diekstrak kepada 3 huruf asal kata yang mana kata asalnya **ح ر ف** dan penulis telah mengumpulkan 7 bentuk kata dengan makna yang berbeza bagi kata **حرف** manakala bagi perkataan **أصابه** pula, kata dasarnya ialah **ص و ب** dan 8 bentuk kata dengan makna yang berbeza bagi kata **أصابه** dikumpulkan.



Rajah 4.12, bersambung : Ayat 11 surah al-Hajj

Rajah 4.12, bersambung di atas masih menunjukkan sambungan dari ayat 11 dalam surah al-Hajj, yang mana dalam ayat di atas, perkataan خير diekstrak kepada huruf asalnya iaitu ر ي خ dan 8 bentuk kata dengan makna yang berbeza telah dikumpulkan seperti dalam rajah dan bagi perkataan اطمأن pula, diekstrak kepada kata akarnya iaitu ن ط م dan 7 bentuk kata dengan makna yang berbeza juga telah disenaraikan.



Rajah 4.12, bersambung : Ayat 11 surah al-Hajj,

Rajah 4.12, bersambung di atas masih menunjukkan sambungan dari ayat 11 dalam surah al-Hajj, yang mana dalam ayat di atas, perkataan **فَتَنَّا** diekstrak kepada kata akarnya iaitu **ف ت ن** dan dikumpulkan 8 bentuk kata dengan makna yang berbeza.

وَجْهَهُ		عَلَى		انْقَلَبَ	
هـ (هو)	↓	عَلَى	↓		↓
4	← أوجه ← أ+و+ج+هـ			5	← ينقلب ← ي+ن+ق+ل+ب
X 5+1Xن	← أجوه ← أ+ج+ء+و+هـ			6+1Xن	← انقلاب ← ا+ن+ق+ل+ب
5	← الوجه ← ا+ل+و+ج+هـ			5	← منقلب ← م+ن+ق+ل+ب
↓ 5+1XنX2	← توجيه ← ت+و+ج+ي+هـ	X		6+1Xن	← مقلوبة ← م+ق+ل+و+ب+ة
Ø 5+1XنX2	← موجوه ← م+و+ج+و+هـ	↓		3	← قلب ← ق+ل+ب
5+1+نX2	← موجه ← م+و+ج+ج+هـ	Ø		4+1X2	← قلب ← ق+ل+ل+ب
4	← واجه ← و+ا+ج+هـ			7+1Xن	← ينقلبون ← ي+ن+ق+ل+ب+و+ن
4+1Xن	← يوجه ← ي+و+ج+هـ			6	← انقلبت ← ا+ن+ق+ل+ب+ت

Rajah 4.12, bersambung : Ayat 11 surah al-Hajj


Berbeza dalam Rajah 4.12, bersambung di atas yang masih dalam sambungan ayat 11, kata **عَلَى** dan **هـ (هو)** menunjukkan kata hubung dan kata ganti nama dan simbol Ø bermaksud tiada kedudukan dan dibuang dengan bertanda X. Bagi perkataan **انْقَلَبَ** diekstrak kepada kata akarnya iaitu **ب ل ق** dan telah dikumpulkan 8 bentuk kata dengan makna yang berbeza. Perkataan **وَجْهَهُ** juga dikeluarkan kata akarnya kepada huruf **و ج هـ**.

Disenaraikan sebanyak 8 bentuk kata dengan makna yang berbeza dari kata **و ج هـ**.

الدُّنْيَا		خَسِرَ	
	↓		↓
	ال		
3+1Xن	← دنى ← د+ن+ى	4	← يخسر ← ي+خ+س+ر
4+1Xن	← أدنى ← أ+د+ن+ى	5+1Xن	← تحسیر ← ت+خ+س+ي+ر
5+1Xن	← أدنيت ← أ+د+ن+ي+ت	5+1Xن	← خسارة ← خ+س+ا+ر+ة
3	← أدن ← أ+د+ن	4+1Xن	← خسار ← خ+س+ا+ر
6+1+نX2	← دنيا ← د+ن+ي+ا+ت	4	← خسرت ← خ+س+ر+ت
5+1XنX 2+1Xن	← دنيوي ← د+ن+ي+و+ي	4	← أخسر ← أ+خ+س+ر
4+1XنX 2+1Xن	← داني ← د+ا+ن+ى	5+1Xن	← خسران ← خ+س+ر+ا+ن
		4	← محسر ← م+خ+س+ر

Rajah 4.12, bersambung : Ayat 11 surah al-Hajj


Bagi Rajah 4.12, bersambung di atas yang masih dalam sambungan ayat 11, kata ال dan simbol Θ bermaksud tiada kedudukan dan dibuang dengan bertanda X. Bagi perkataan خسر diekstrak kepada kata akarnya yang terdiri daripada tiga huruf ialah خ س ر dan telah dikumpulkan 8 bentuk kata dengan makna yang berbeza. Juga perkataan الدُّنْيَا dikeluarkan kepada kata akarnya yang terdiri daripada tiga huruf ialah و ن د dan dapat dikumpulkan 7 bentuk kata dengan juga makna yang berbeza.



Rajah 4.12, bersambung : Ayat 11 surah al-Hajj

Bagi 4.12, bersambung rajah di atas yang masih dalam sambungan ayat 11, kata ال dan هو merupakan huruf jar dan kata ganti nama diri, manakala kata ذَلِكَ ialah kata isyarat dan dikategorikan dengan simbol Θ bermaksud tiada kedudukan dan dibuang dengan bertanda X. Bagi perkataan الآخِرَةُ diekstrak kepada kata akarnya yang terdiri daripada tiga huruf ialah أ خ ر dan telah dikumpulkan 6 bentuk kata dengan makna yang berbeza. Juga perkataan الحُسْرَانُ dikeluarkan kepada kata akarnya yang terdiri

daripada tiga huruf ialah ر س خ dan dapat dikumpulkan 8 bentuk kata dengan juga makna yang berbeza.



Rajah 4.12, bersambung: Ayat 11 surah al-Hajj

Bagi perkataan akhir dalam ayat 11 ini dikeluarkan kata ال yang dikatakan sebagai tanda al-Ismu. Dalam bahasa Arab dinamakan "ال التعريف" - alif lam al-ta'riif - maknanya ialah alif dan lam yang berfungsi sebagai penentuan. Bagi perkataan المُبين diekstrak kepada kata akarnya yang terdiri daripada tiga huruf ialah ن ب ي yang bermaksud “jelas” dan telah dikumpulkan sebanyak 4 bentuk kata dengan makna yang berbeza.

Seterusnya, dalam ayat 12 surah al-Hajj seperti berikut:

يَدْعُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَضُرُّهُمْ وَمَا لَا يَنْفَعُهُمْ ذَلِكَ هُوَ الضَّلَالُ الْبَعِيدُ ﴿١٢﴾

penulis telah menganalisis menggunakan kaedah analisis LEXICOLSEM model tahap kedua seperti dalam Rajah 4.13 Analisis “LEXICOLSEM” surah al-Hajj dari ayat QS al-Hajj / 22:12 dianalisis seperti dalam jadual 4.31 di bawah:

لَا	مَا	اللَّهُ	دُونَ	مِنْ	يَدْعُو
↓	↓	↓	↓	↓	↓
حرف النافي	س	س	دُونَ ← د+و+و+ن	مِنْ ← من	دَعَا ← د+ع+ا
			تَدْوِين ← ت+د+د+و+ي+ن		دَعَا ← د+ع+و+ة
			الدَّيْوَان ← ا+ل+د+د+ي+و+ا+ن		أَدْعُو ← أ+د+د+ع+و
			دَان ← د+ا+ن	X	دَعَاء ← د+ع+ا+ء
			أَدِين ← أ+د+د+ي+ن	↓	دَعَا ← د+ع+و+ت
			مَدُون ← م+د+د+و+ن	∅	أَدْع ← أ+د+د+ع
			دَوْنَت ← د+و+ن+ت		تَدْعُو ← ت+د+د+ع+و
			دَيَانَة ← د+ي+ا+ن+ة		دَعَا ← د+ع+و+ى
					3+1Xن
					4+1Xن
					4+1Xن
					4+1Xن
					4+1Xن
					3
					4+1Xن
					4+1XنX 2+1Xن

الْبَعِيدُ	الضَّلَالُ	ذَلِكَ	هُوَ
↓	↓	↓	↓
ال ← بعد	ال ← ضال	اسم الإشارة	هو
3 ← بعداء ← ب+ع+د	3+1Xن ← ضال ← ض+ا+ل		
5+1Xن ← بعداء ← ب+ع+د+ا+ء	5+1Xن ← ضلالة ← ض+ل+ا+ل+ة		
5+1Xن ← بعدان ← ب+ع+د+ا+ن	3 ← مضل ← م+ض+ل	X	
4+1Xن ← بعد ← ب+ع+د	4+1X2 ← مضلل ← م+ض+ل+ل		
4 ← مبعده ← م+ب+ع+د	4 ← مضلة ← م+ض+ل+ة		
6+1Xن ← متباعد ← م+ت+ب+ا+ع+د	4+1X2 ← ضال ← ض+ل+ل	∅	
5 ← مبعده ← م+ب+ع+د+ة	4+1Xن ← ضليل ← ض+ل+ي+ل		
5+1Xن ← تباعد ← ت+ب+ا+ع+د	5+1XنX2 ← ضال ← ض+ل+ل+ل		

يَنْفَعُهُ	لَا	وَمَا	يَضُرُّهُ
↓	↓	↓	↓
حرف النافي	س	و	أضر
4 ← أنفع ← أ+ن+ف+ع			3 ← ضر ← ض+ر+ر
3 ← نفع ← ن+ف+ع			3 ← أضرار ← أ+ض+ر+ر+ا
4 ← نفعت ← ن+ف+ع+ت			5+1Xن ← مضر ← م+ض+ر
5+1Xن ← تنفع ← ت+ن+ف+ع+ي+ع			3 ← ضرر ← ض+ر+ر
4+1X2 ← نفع ← ن+ف+ع			3 ← ضرر ← ض+ر+ر
4+1Xن ← نفاع ← ن+ف+ع+ا			4+1XنX2 ← ضرر ← ض+ر+ر+ا
5+1Xن ← نفعية ← ن+ف+ع+ي+ة			
4 ← انفع ← ا+ن+ف+ع			

Rajah 4.13: Analisis LEXICOLSEM kaedah model kedua ayat QS al-Hajj / 22:12, oleh Asma Abdul Rahman, 2020 - 2023

Jadual 4.31: Analisis “LEXICOLSEM” surah al-Hajj dari ayat QS al-Hajj / 22:12

Ayat	Perkataan	Akar perkataan	Bentuk kata	Makna
QS Al-Hajj / 22:12	يَدْعُو	د ع و	دعا	berdakwah, mengajak, meminta
			دعوة	doa, jemput, seruan, dakwah
			أدعو	saya jemput
			دعاء	doa permintaan
			دعوت	telah jemput
	دُونِ	د و ن	دعوت	seru
			ادع	menyeru
			تدعو	dakwaan, jemputan, panggilan
			دعوى	
			دُونِ	mengumpul, menyusun
	يَضُرُّهُ	ض ر ر	تدوين	terkumpul, tersusun
			الديوان	buku yang tertulis nama tertera
			دان	keji, jahat, hina, lemah, tunduk
			ادين	keji, hina, tunduk
			مدون	karya, doktrin
	يَنْفَعُهُ	ن ف ع	دونت	saya menulis
			ديانة	keagamaan
			اضر	mendesak, menghampiri,
			ضر	memudar, memaksa.
			اضرار	melindungi seseorang.
	الضَّلَالُ	ض ل ل	اضرار	paling mudarat.
			مضر	kemudarat.
			ضرر	kesempitan, cedera.
			ضررا	Kerosakan.
			انفع	berniaga dengan barangan yang
	الْبُعِيدُ	ب ع د	نفع	berfaedah.
			نفع	manfaat
			نفعت	sangat bermanfaat
			تنفع	memperolehi manfaat.
			نفع	faedah, manfaat
			نفع	faedah, manfaat
			نفاع	kesesuaian
			نفعية	lebih bermanfaat
			انفع	
			ضال	tersembunyi, hilang, rosak, batal,
			ضلالة	binasa.
			مضل	kesesatan, ikut jalan sesat.
			مضلل	fatamorgana, kelip-kelip
			مضلة	mengelirukan
			ضالّ	yang menyesatkan
			ضليل	yang menyeleweng dari jalan Allah,
			ضلال	yang sesat.
				yang sesat, yang lapar, perwira
				kehilangan, kebinasaan,
			بعد	binasa jauh

Ayat	Perkataan	Akar perkataan	Bentuk kata	Makna
			بعاء	permusuhan
			بعان	selepas
			بعاد	jauh
			مبعاد	dibuang negeri
			متباعد	jarak jauh
			تباعد	terasing
			تباعد	berjauhan, pura-pura menjauhi

Merujuk kepada jadual dalam ayat 12 di atas, 6 bentuk perkataan telah diekstrak dan dibahagikan kepada bentuk kata dan makna yang berbeza bagi setiap perkataan. Sebagai contoh, perkataan يَدْعُو yang bermaksud “menjemput” dikeluarkan kepada 3 huruf asal perkataan د ع و itu sebagai مشتقات الكلمات. Terdapat 8 pecahan bentuk kata dengan makna yang berbeza bagi perkataan يَدْعُو seperti yang ditunjukkan dalam jadual di atas. Seterusnya pecahan huruf setiap perkataan dianalisis mengikut bilangan huruf asal kerana jika nombor ini tidak diletakkan maka kita tidak tahu perkataan asalnya (originality). Bagi bentuk kata seperti kata من ال, dan هو merupakan huruf jar dan kata ganti nama diri, manakala kata ذَلِكَ ialah kata isyarat dan dikategorikan dengan simbol Ø bermaksud tiada kedudukan dan dibuang dengan bertanda X.


Seterusnya dalam ayat 13 surah al-Hajj seperti berikut:

يَدْعُوا لِمَنْ ضَرُّهُ أَقْرَبُ مِنْ نَفْعِهِ لَيْسَ الْمَوْلَىٰ وَلَيْسَ الْعَشِيرُ ﴿١٣﴾

penulis telah menganalisis menggunakan kaedah analisis LEXICOLSEM model tahap kedua seperti dalam Rajah 4.14 Analisis “LEXICOLSEM” surah al-Hajj dari ayat QS al-Hajj / 22:13 dianalisis seperti dalam jadual di bawah:

		ضَرُّهُ		لَمَنْ		يَدْعُوا	
		هـ (هو)		ل			
X	3	←	أضر ← أضر + ر	X	3+1Xن	←	دعا ← د + ع + ا
	3	←	ضر ← ض + ر + ر		4+1Xن	←	دعوة ← د + ع + و + ة
	5+1Xن	←	أضرار ← أضر + ا + ر + ر		4+1Xن	←	أدعو ← أ + د + ع + و
	3	←	مضر ← م + ض + ر		4+1Xن	←	دعاء ← د + ع + ا + ء
	3	←	ضرر ← ض + ر + ر		4+1Xن	←	دعوت ← د + ع + و + ت
Ø	4+1Xن	←	ضرًا ← ض + ر + ر + ا	Ø	3	←	ادع ← ا + د + ع
					4+1Xن	←	تدعو ← ت + د + ع + و
					4+1XنX2+1Xن	←	دعوى ← د + ع + و + ى
		نَفْعِهِ		مِنْ		أَقْرَبُ	
		هـ (هو)		مِنْ			
X	5+1Xن	←	تنفع ← ت + ن + ف + ي + ع	X	4	←	يقرب ← ي + ق + ر + ب
	5+1Xن	←	منفوع ← م + ن + ف + و + ع		5+1Xن	←	إقرب ← إ + ق + ر + ب
	4	←	منفع ← م + ن + ف + ع		4+1Xن	←	قارب ← ق + ر + ب
	4+1Xن	←	نافع ← ن + ا + ف + ع		3	←	قرب ← ق + ر + ب
	4	←	أنفع ← أ + ن + ف + ع		4	←	قربت ← ق + ر + ب + ت
Ø	4	←	نفعت ← ن + ف + ع + ت	Ø	5+1Xن	←	قراية ← ق + ر + ا + ب + ة
	5+1Xن	←	نافعة ← ن + ا + ف + ع + ة		4+1Xن	←	قربا ← ق + ر + ب + ا
	6+1XنX2+1Xن	←	نفعية ← ن + ف + ع + ي + ي + ة		5	←	أقربت ← أ + ق + ر + ب + ت

Rajah 4.14: Analisis LEXICOLSEM kaedah model kedua ayat QS al-Hajj / 22:13, oleh Asma Abdul Rahman, 2020 - 2023



Rajah 4.14, bersambung

Merujuk kepada Rajah 4.14 dalam ayat 13 di atas, 8 bentuk perkataan telah diekstrak dan dibahagikan kepada bentuk kata dan makna yang berbeza bagi setiap perkataan. Sebagai contoh, perkataan أَقْرَبُ yang bermaksud “lebih dekat” dikeluarkan kepada 3 huruf asal perkataan ق ر ب itu sebagai مشتقات الكلمات. Terdapat 6 pecahan bentuk kata dengan makna yang berbeza bagi perkataan أَقْرَبُ seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah. Seterusnya pecahan huruf setiap perkataan dianalisis mengikut bilangan huruf asal kerana jika nombor ini tidak diletakkan maka kita tidak tahu perkataan asalnya (originality).

Bagi bentuk kata seperti kata لَ مِنْ و , dan هُوَ merupakan huruf jar dan kata ganti nama diri, manakala kata ال dikeluarkan sebagai tanda al-Ismu. Dalam bahasa Arab

dinamakan "ال التعريف" - alif lam al-ta'riif - maknanya ialah alif dan lam yang berfungsi sebagai penentuan. Maka kesemua ini dikategorikan dengan simbol Θ bermaksud tiada kedudukan dan dibuang dengan bertanda X.

Jadual 4.32: Analisis “LEXICOLSEM” surah al-Hajj dari ayat QS al-Hajj / 22:13

Ayat	Perkataan	Akar perkataan	Bentuk kata	Makna
QS al-Hajj / 22:13	يَدْعُو	د ع و	دعا	berdakwah, mengajak,
			دعوة	meminta
			أدعو	doa, jemput, seruan, dakwah
			دعاء	saya jemput
	ضَرَّ	ض ر ر	دعوت	doa permintaan
			ادع	telah jemput
			تدعو	seru
			دعوى	menyeru
	أَضْرَ	ض ر ر	أضر	dakwaan, jemputan,
			أضرار	panggilan
			مضر	mendesak, menghampiri,
			ضرر	memudar, memaksa.
	أَقْرَبُ	ق ر ب	إقرب	melindungi seseorang.
			قارب	paling mudarat.
			قرب	kemudaratan.
			قرية	kesempitan, cedera.
	تَنْفَعُ	ن ف ع	قرابة	Kerosakan.
			قربا	dekat
			أقرب	dekat-dekat
			أقرب	perahu
	لَيْسَ	ب أ س	بائس	berhampiran
			بأس	saya dah dekat
				pertalian persaudaraan
				dekat
	لَيْسَ	ب أ س	بائس	Saya semakin dekat
			بأس	dekat
				Saya semakin dekat
				dekat
	لَيْسَ	ب أ س	بائس	dekat
			بأس	Saya semakin dekat
				dekat
				Saya semakin dekat

Ayat	Perkataan	Akar perkataan	Bentuk kata	Makna
			يَأْس	dia takut
			بِئْسَت	celaka/ miskin/ sial/ sangat
			بِئْسَ	berhajat
			بِئْسَا	teruk
QS al-Hajj / 22:13	الْمَوْلَى	و ل ي	موال	teruk sangat
			ولي	Setia
			ولاء	Penjaga
			موالي	kesetiaan setia
	لَيْئَسَ	ب أ س	بائس	susah
			بأس	ketakutan/ halangan/
			يأس	kesempitan
			بِئْسَت	dia takut
			بِئْسَ	celaka/ miskin/ sial/ sangat
			بِئْسَا	berhajat
			بِئْسَا	teruk
			بِئْسَا	teruk sangat
	الْعَشِيرُ	ع ش ر	عشر	satu persepuluh
			معشر	satu kumpulan yang dasar
			معشار	mereka adalah satu/ masyarakat
			عاشور	sebahagian daripada sepuluh
			عشراء	10 muharram
			عشيرة	sejenis zakat tanah
			عشيرة	kaum keluarga/ kaum kerabat
			عشيرة	kerabat

Secara semantik maknannya, ayat 13:

يَدْعُوا لِمَنْ ضَرُّهُ أَقْرَبُ مِنْ نَفْعِهِ لَيْئَسَ الْمَوْلَى وَلَيْئَسَ الْعَشِيرُ

ini Allah SWT memberi penegasan dalam ayat ini bahawa kemurtadan dan penyembahan kepada berhala-berhala iaitu kesesatan yang sangat nyata dan dalam, yang sangat melencong jauh dari jalan kebenaran. Tafsiran pada ayat ini ‘Ia menyeru dan menyembah makhluk yang - dengan perbuatan demikian - mudaratnya lebih dekat dari manfaat yang diharapkannya; demi sesungguhnya seburuk-buruk penolong dan seburuk-buruk sahabat karib ialah makhluk yang diseru dan disembahnya itu’.

(az-Zuhaili, 2003) menafsirkan bahawa di akhirat, kemudaratanya sudah pasti.

Sungguh, seburuk-buruk penolong adalah sesuatu yang disembahnya. Orang-orang

kafir bimbang apabila menyaksikan kemudaran yang nyata yang mengatasi apa yang menyebabkan ia bermula neraka, dia berkata, "Sungguh, betapa buruknya penolong dan kawan". Seterusnya ayat ke 14 merupakan kesinambungan cerita dari ayat 13, yang mana golongan yang ketiga, mereka adalah orang yang sangat setia yang bertuah dan gembira, itulah orang yang beriman dengan hati, membuktikan dan menzhahirkan iman mereka dengan perbuatan mereka.


Seterusnya dalam ayat 14 surah al-Hajj seperti berikut:

إِنَّ اللَّهَ يُدْخِلُ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ إِنَّ اللَّهَ يَفْعَلُ مَا يُرِيدُ ﴿١٤﴾

penulis telah menganalisis menggunakan kaedah analisis LEXICOLSEM model tahap kedua seperti dalam Rajah 4.15 Analisis "LEXICOLSEM" surah al-Hajj dari ayat QS al-Hajj / 22:14 dianalisis seperti dalam jadual di bawah:

وَعَمِلُوا		الَّذِينَ آمَنُوا		يُدْخِلُ		إِنَّ	اللَّهُ	س	د/نسخ
و	ع	أ	م	أ	م	د	خ	ل	
4 ← يعمل	ي	4 ← آمن	ت	3 ← دخل	د				
5+1Xن ← أعمال	أ	4 ← مؤمن	أ	4 ← يدخل	ي				
5+1Xن ← تعميل	ت	3 ← آمن	أ	4 ← أدخل	أ				
4+1Xن ← عامل	ع	5+1Xن ← إيمان	إ	4+1Xن ← دخول	د				
4 ← عملت	ع	4 ← أمانة	أ	5+1Xن ← إدخال	إ				
4 ← أعمل	أ	5+1Xن ← أمانة	أ	5+1Xن ← تدهيل	ت				
4 ← اعمل	ا	4 ← يأمن	ي	4 ← مدخل	م				
5+1Xن ← معمول	م	4 ← مؤمن	م	4 ← دخلت	د				

Rajah 4.15: Analisis LEXICOLSEM kaedah model kedua ayat QS al-Hajj / 22:14, oleh Asma Abdul Rahman, 2020 - 2023



Rajah 4.15, bersambung

Merujuk kepada Rajah 4.15 dalam ayat 14 di atas, 9 bentuk perkataan telah diekstrak dan dibahagikan kepada bentuk kata dan makna yang berbeza bagi setiap perkataan. Sebagai contoh, perkataan يُدْخِلُ yang bermaksud “masuk” dikeluarkan kepada 3 huruf asal perkataan د خ ل itu sebagai مشتقات الكلمات. Bentuk kata ini dipecahkan kepada 8 lagi bentuk kata dengan makna yang berbeza seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah. Seterusnya pecahan huruf setiap perkataan dianalisis mengikut bilangan huruf asal kerana jika nombor ini tidak diletakkan maka kita tidak ketahui perkataan asalnya (originality).

Bagi bentuk kata seperti kata تحت , و , من dan هي merupakan huruf jar dan kata ganti nama diri, manakala kata ال dikeluarkan sebagai tanda al-Ismu. Dalam bahasa Arab dinamakan "ال التعريف" - alif lam al-ta'rif - maknanya ialah alif dan lam yang berfungsi sebagai penentuan. Bagi kata الَّذِينَ merupakan kata nama yang bersambung. Justeru, kesemua bentuk kata bagi kategori ini dikategorikan dengan simbol Ø bermaksud tiada kedudukan dan dibuang dengan bertanda X.

Jadual 4.33: Analisis “LEXICOLSEM” surah al-Hajj dari ayat QS al-Hajj / 22:14


Ayat	Perkataan	Akar perkataan	Bentuk kata
QS al-Hajj / 22:14	يُدْخِلُ	د خ ل	دخل
			يدخل
			أدخل
			دخول
			إدخال
			تدخيل
			مدخل
			دخلت
			آمنت
			أو من
	آمنوا	أ م ن	

Ayat	Perkataan	Akar perkataan	Bentuk kata
			آمن
			إيمان
			آمنة
			أمانة
			يؤمن
			مؤمن
	عَمِلُوا	ع م ل	يعمل
			أعمال
			تعميل
			عامل
			عملت
			أعمل
			اعمل
			معمول
	الصَّالِحَاتِ	ص ل ح	صالح
			صالح
			مصلح
			صالحة
			صالحا
			صلاح
			صالحون
	جَنَاتٍ	ج ن ن	جنة
			جنان
			جنون
			جنن
			أجنان
			مجانة
QS al-Hajj / 22:14	يَجْرِي	ج ر ي	جری
			يجري
			جراء
			مجرى
			جوار
			مجار
			مجرية
	الْأَنْهَارِ	ن ه ر	نهر
			نهار
			أنهر
			ناهر
	يَفْعَلُ	ف ع ل	فعل
			فعل

Ayat	Perkataan	Akar perkataan	Bentuk kata
			فعلت
			أفعل
			تفعل
			افعل
			فَعَال
			فَعَلَا
	يُرِيدُ	ر و د	أَرَادَ
			إِرَادَة
			مَرِيد
			رَائِد
			رَوْد
			أَرَائِد
			رَاد

Secara semantik maknanya, dalam jadual di atas, teks dari ayat 14 dalam surah al-Hajj ini menegaskan إِنَّ اللَّهَ يَدْخُلُ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ جَنَّاتٍ تَجْرَى مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ dari sudut kosa kata linguistiknya bahawa sesungguhnya Allah SWT memberi ganjaran kepada orang-orang beriman yang baik, jujur, ikhlas, dan bersungguh-sungguh dalam iman, amal yang soleh iaitu ketaatan dan usaha yang dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya. Allah SWT memberi mereka ganjaran pahala dengan memasukkan mereka ini ke dalam taman-taman syurga yang di bawahnya pepohon yang mengalir sungai-sungai.

Adapun teks seterusnya dalam ayat 14 ini, إِنَّ اللَّهَ يَفْعَلُ مَا يُرِيدُ yang bermaksud sesungguhnya Allah SWT melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya dengan mengaungkan dan memberi pahala kepada hamba-hamba-Nya yang taat, malu dari melakukan maksiat dan boleh juga menghalang mereka daripada mendapat kurniaan-Nya. Allah SWT melakukan apa yang dikehendaki-Nya secara bebas dan mutlak. Oleh itu, tidak ada sesiapa yang boleh menolak ketetapan-Nya dan tidak ada juga yang



Rajah 4.16, bersambung

يُذْهِبُ			هَلْ			فَلْيَنْظُرْ		
3	←	ذهب ← ذ+ه+ب	اسم			3	←	نظر ← ن+ظ+ر
4	←	أذهب ← أ+ذ+ه+ب	الاستفهام			4	←	أنظر ← أ+ن+ظ+ر
4	←	إذهب ← إ+ذ+ه+ب				4	←	انظر ← ا+ن+ظ+ر
4	←	ذهبت ← ذ+ه+ب+ت				5	←	أنظرت ← أ+ن+ظ+ر+ت
4+1Xن	←	ذهوب ← ذ+ه+و+ب				4+1Xن	←	نظير ← ن+ظ+ي+ر
4	←	مذهب ← م+ذ+ه+ب				5	←	منظرة ← م+ن+ظ+ر+ة
4+1Xن	←	ذهاب ← ذ+ه+ا+ب				4+1Xن	←	نظرا ← ن+ظ+ر+ا
5+1Xن	←	إذهاب ← إ+ذ+ه+ا+ب				4	←	منظر ← م+ن+ظ+ر
						5+1Xن	←	تنظير ← ت+ن+ظ+ي+ر
يَغِيْظُ			مَا			كَيْدُهُ		
3+1Xن	←	غاظ ← غ+ا+ظ	س			3+1Xن	←	كاد ← ك+ا+د
3+1Xن	←	غيظ ← غ+ي+ظ				4+1Xن	←	يكيد ← ي+ك+ي+د
6+1XنX2+1Xن	←	تغييظا ← ت+غ+ي+ي+ظ+ا				5+1Xن	←	مكيدة ← م+ك+ي+د+ة
4+1Xن	←	غيظا ← غ+ي+ظ+ا				4+1XنX2+1Xن	←	كيدا ← ك+ي+د+ا
						4+1Xن	←	أكاد ← أ+ك+ا+د
						4+1Xن	←	مكاد ← م+ك+ا+د
						4+1Xن	←	كياد ← ك+ي+ا+د
						4+1Xن	←	كيود ← ك+ي+و+د

Rajah 4.16, bersambung

Merujuk kepada rajah dalam ayat 15 di atas, 12 bentuk perkataan telah diekstrak dan dibahagikan kepada bentuk kata dan makna yang berbeza bagi setiap perkataan. Sebagai contoh, perkataan يَطْنُ yang bermaksud “dia fikir” dikeluarkan kepada 3 huruf asal perkataan ن ظ ن itu sebagai مشتقات الكلمات. Bentuk kata ini seterusnya dipecahkan pula kepada 7 lagi bentuk kata dengan makna yang berbeza seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah. Seterusnya pecahan huruf setiap perkataan dianalisis mengikut bilangan huruf asal kerana jika nombor ini tidak diletakkan maka kita tidak ketahui perkataan asalnya (originality).

Bagi bentuk kata seperti kata ل , و , إلى dan هو merupakan huruf jar dan kata ganti nama diri, manakala kata ال dikeluarkan sebagai tanda al-Ismu. Dalam bahasa Arab dinamakan "ال التعريف" - alif lam al-ta'riif - maknanya ialah alif dan lam yang berfungsi sebagai penentuan. Bagi kata هل dan من merupakan kata nama interrogatif yang bermaksud kata nama pertanyaan. Justeru, kesemua bentuk kata bagi kategori ini dikategorikan dengan simbol Ø bermaksud tiada kedudukan dan dibuang dengan bertanda X.

Jadual 4.34: Analisis “LEXICOLSEM” surah al-Hajj dari ayat QS al-Hajj / 22:15

Ayat	Perkataan	Akar perkataan	Bentuk kata
QS al-Hajj / 22:15	يَظُنُّ	ظ ن ظ	أَظُنَّ
			ظَنُّ
			ظنون
			ظننت
			مظنة
			ظنانة
			مظانّ
	يَنْصُرُهُ	ن ص ر	نصر
			ناصر
			أنصار
			نصرت
			انصر
			نصرة
			نصرا
	دُنِّيَا	د ن و	دنى
			أدنى
			أدنيّت
			أدن
			دنييات
			دنيوي
			داني
	آخِرَة	أ خ ر	أواخر
			أخيرا
			مؤخر

Ayat	Perkataan	Akar perkataan	Bentuk kata
			متأخر
			تأخير
			تأخر
	مَدَد	م د د	مَدَد
			أَمَدَد
			مَمْدَدَة
			مَدَدَت
			تَمْدِيد
	سَبَب + سَبَبٍ	س ب ب	يسبب
			أسباب
			تسبب
			سبب
			سبباً
			أسباب
			سببت
			مسبب
	سَمَاء + سَمَاء	س م و	أَسْمِيَة
			سما
			سماوات
			سماوة
			يسمو
			سموا
	قَطَعَ + قَطَعَ	ق ط ع	قَطَعَ
			أَقْطَعَ
			إِقْطَاع
			مَقْطُوع
			قَطَعَت
			قَطِيعَة
			اقطع
			قَطُوع
	نَظَرَ + نَظَرَ	ن ظ ر	نظر
			أَنظَرَ
			انظر
			أَنظَرْت
			نظير
			منظرة
			نظراً
			منظر
			تنظير
	ذَهَبَ + ذَهَبَ	ذ ه ب	ذهب

Ayat	Perkataan	Akar perkataan	Bentuk kata
QS al-Hajj / 22:15			أَذْهَبَ
			إِذْهَبَ
			ذَهَبَتْ
			ذَهَابٌ
			مَذْهَبٌ
			ذَهَابٌ
			إِذْهَابٌ
			كَادَ
			يَكِيدُ
			مَكِيدَةٌ
			كَيْدًا
			أَكَادَ
			مَكَادَ
			كَيْادَ
			كَيْوُدَ
			غَاظَ
			غَيْظٌ
			تَغْيِيطًا
			غَيْظًا

Adapun semantik makna bagi ayat 15 di atas, diterangkan mengenai keadaan orang yg bersikap pesimistik terhadap kemenangan Rasulullah SAW, Allah SWT berfirman dalam ayat 15 yang bermaksud :

“Barangsiapa menyangka bahawa Allah tidak akan menolongnya (Muhammad) di dunia dan di akhirat, maka hendaklah dia merentangkan tali ke langit-langit, lalu menggantung (diri), kemudian fikirkanlah apakah tipu dayanya itu dapat melenyapkan apa yang menyakitkan hatinya”. (Al-Quran. Al-Hajj 22:15)

Dalam kosa kata linguistik (az-Zuhaili, 2003), *أَنْ لَّنْ يَنْصُرَهُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ*, teks dari ayat 15 surah al-Hajj ini dianalisis bahawa sesungguhnya Allah SWT adalah penolong Rasul-Nya di dunia dan akhirat. Teks ini juga diberi maksud bahawa barangsiapa yang tidak mengendahkan demikian, yang menyangka bahawa Allah SWT tidak akan menolong Rasul-Nya di dunia dan akhirat serta mengharapkan sedemikian kerana


kebenciannya terhadap Rasulullah SAW. Maka, teks فَلْيَمْدُدْ بِسَبَبٍ إِلَى السَّمَاءِ ثُمَّ لِيَقْطَعْ, (az-Zuhaili, 2003), ditafsirkan bahawa maka, golongan ini cuba meregang dan mengikat tali ke siling rumahnya, kemudian ikat lehernya dengan tali untuk menggantung diri. Ini bermakna dia harus mencuba sedaya upaya untuk menghilangkan kegusaran, kemarahan, dan kebenciannya dengan melakukan apa sahaja. Ini sama sekali bukan bermaksud untuk bunuh diri. Namun, inilah ungkapan yang biasa didengari oleh masyarakat umum "minum air laut saja", bermaksud memberi kefahaman bahawa apa sahaja dilakukan tidak akan berguna.

Seterusnya, teks فَلْيَنْظُرْ هَلْ يُدْهِبَ كَيْدُهُ مَا يَغِيظُ Az-Zuhaili, 2013 menyatakan bahawa teks ini dalam kosa kata linguistiknya bahawa maka dia perlu fikir dan bayangkan, apakah muslihat yang dia lakukan samada dia boleh hilangkan kegusaran, kebencian, dan kemarahannya terhadap kemenangan Rasulullah SAW kerana kemenangan itu tidak dapat dielakkan.


Seterusnya dalam ayat 16 surah al-Hajj seperti berikut:

وَكَذَلِكَ أَنْزَلْنَاهُ آيَاتٍ بَيِّنَاتٍ وَأَنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يُرِيدُ ﴿١٦﴾

penulis telah menganalisis menggunakan kaedah analisis LEXICOLSEM model tahap kedua seperti dalam Rajah 4.17 Analisis “LEXICOLSEM” surah al-Hajj dari ayat Al-Quran. Al-Hajj 22:16 dianalisis seperti dalam jadual di bawah:



Rajah 4.17: Analisis LEXICOLSEM kaedah model kedua ayat QS al-Hajj / 22:16, oleh Asma Abdul Rahman, 2020 - 2023



Rajah 4.17, bersambung

Merujuk kepada rajah 4.17 dalam ayat 16 di atas, 5 bentuk perkataan telah diekstrak dan dibahagikan kepada bentuk kata dan makna yang berbeza bagi setiap perkataan. Sebagai contoh, perkataan يريد yang bermaksud “dia mahu” dikeluarkan kepada 3 huruf asal perkataan ر و د itu sebagai مشتقات الكلمات. Bentuk kata ini seterusnya dipecahkan pula kepada 7 lagi bentuk kata dengan makna yang berbeza seperti yang

ditunjukkan dalam jadual di bawah. Seterusnya pecahan huruf setiap perkataan dianalisis mengikut bilangan huruf asal kerana jika nombor ini tidak diletakkan maka kita tidak ketahui perkataan asalnya (originality).

Bagi bentuk kata seperti kata و dan هو merupakan huruf jar dan kata ganti nama diri, manakala bagi kata مَنْ merupakan kata nama interrogatif yang bermaksud kata nama pertanyaan dan kata كَذَلِكَ pula merupakan kata isyarat. Justeru, kesemua bentuk kata bagi kategori ini dikategorikan dengan simbol Ø bermaksud tiada kedudukan dan dibuang dengan bertanda X.

Jadual 4.35: Analisis “LEXICOLSEM” surah al-Hajj dari ayat QS al-Hajj / 22:16

Ayat	Perkataan	Akar perkataan	Bentuk kata
QS al-Hajj / 22:16	أَنْزَلْنَاهُ	ن ز ل	نزل
			أنزل
			ينزل
			منزلا
			انزال
			نزلت
			نزول
			تنزيل
	آيَات	أ ي ي	آية
			آي
			بينّة
	بَيِّنَات	ب ي ن	بين
			باين
			بينّا
			تبیین
			تباين
	يَهْدِي	ه د ي	هدى
			أهدى
			إهداء
			هديت
			هداية
			اهد

Ayat	Perkataan	Akar perkataan	Bentuk kata
	يريد	ر و د	هدية أراد إرادة مرید رائد رود أرائد راد

Seterusnya dalam ayat 15 surah al-Hajj di atas, menganalisis teks وَكَذَلِكَ, dari sudut kosa kata linguistiknya dan semantik maknanya, dianalisis bahawa sebagaimana Allah SWT turunkan ayat di atas, أَنْزَلْنَاهُ, demikianlah Allah SWT menurunkan al-Quran yang masih berbaki. وَأَنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يُرِيدُ sebagai ayat-ayat yang jelas. Jelas teks ini menerangkan bahawa sesungguhnya Allah SWT memberi petunjuk (hidayah) kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Juga kerana Allah SWT menegaskan sesiapa yang dikehendaki-Nya di atas petunjuk-Nya adalah dengan al-Quran, yang sebab itu Dia menurunkan al-Quran dengan jelas.


Seterusnya dalam ayat 17 surah al-Hajj seperti berikut:

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَالَّذِينَ هَادُوا وَالصَّابِئِينَ وَالْمَجُوسَ وَالنَصْرَانِيَّةَ وَالَّذِينَ أَشْرَكُوا إِنَّ اللَّهَ يَفْصِلُ بَيْنَهُمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ ﴿١٧﴾

penulis telah menganalisis menggunakan kaedah analisis LEXICOLSEM model tahap kedua seperti dalam Rajah 4.18 Analisis “LEXICOLSEM” surah al-Hajj dari ayat Al-Quran. Al-Hajj 22:17 dianalisis seperti dalam jadual di bawah:

وَ (هم)	آمنوا	الَّذِينَ	إِنَّ
↓	↓	↓	↓
X	4	اسم	د/نسخ
↓	4	الموصول	
∅	3		
	5+1Xن	إيمان	
	4	آمنة	
	5+1Xن	أمانة	
	4	يؤمن	
	4	مؤمن	

Rajah 4.18: Analisis LEXICOLSEM kaedah model kedua ayat QS al-Hajj / 22:17, oleh Asma Abdul Rahman, 2020 - 2023



Rajah 4.18, bersambung

Merujuk kepada rajah 4.18 dalam ayat 17 di atas, 7 bentuk perkataan telah diekstrak dan dibahagikan kepada bentuk kata dan makna yang berbeza bagi setiap perkataan. Sebagai contoh, perkataan هَادُوا yang bermaksud “orang-orang Yahudi” dikeluarkan kepada 3 huruf asal perkataan ه و د itu sebagai مشتقات الكلمات. Bentuk kata ini seterusnya dipecahkan pula kepada 8 lagi bentuk kata dengan semantik makna yang berbeza seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah. Seterusnya pecahan huruf setiap perkataan dianalisis mengikut bilangan huruf asal kerana jika nombor ini tidak diletakkan maka kita tidak ketahui perkataan asalnya (originality).

Bagi bentuk kata seperti kata و yang diulang sebanyak 5 kali dalam ayat ini dan هم diulang sebanyak 3 kali adalah merupakan huruf jar dan kata ganti nama diri, manakala kata ال dikeluarkan sebagai tanda al-Ismu. Dalam bahasa Arab dinamakan "ال التعريف" - alif lam al-ta'riif - maknanya ialah alif dan lam yang berfungsi sebagai penentuan. Bagi kata الَّذِينَ yang diulang sebanyak 3 kali dalam ayat ini adalah merupakan kata nama yang bersambung dan kata كَذَلِكَ pula merupakan kata isyarat. Justeru, kesemua bentuk kata bagi kategori ini dikategorikan dengan simbol Θ bermaksud tiada kedudukan dan dibuang dengan bertanda X.

Jadual 4.36: Analisis “LEXICOLSEM” surah al-Hajj dari ayat QS al-Hajj / 22:17

Ayat	Perkataan	Akar perkataan	Bentuk kata
	أَمِنُوا	أ م ن	أمنت
			أؤمن
			آمن
			إيمان
			آمنة
			أمانة
			يؤمن

Ayat	Perkataan	Akar perkataan	Bentuk kata
QS al-Hajj / 22:17	هَادُوا	ه و د	مؤمن
			هادة
			هائد
			هادي
			أهيد
			هدت
			هواد
			مهود
			تهود
	و + ال + صَائِبِينَ	ص ب أ	صائب
			صابقة
			صباً
			صائبون
	و + ال + نَصَارَى	ن ص ر	صائبات
			نصر
			نصرة
			نصراني
			ناصري
			ناصرة
			ناصر
			أنصار
	و + ال + مَجُوسَ	م ج س	ناصرون
			مجوسي
			مجس
	أَشْرَكُوا	ش ر ك	مجوسية
			شرك
			يشرك
			شركة
			شركت
			تشرىك
			شركاء
			مشرك
	يُفْصِلُ	ف ص ل	مشارك
			شراك
			فصل
			أفصل
			فصول
			فصلت
			تفصيل
			افصل

Merujuk kepada jadual di atas, dijelaskan bahawa ayat 17 dan ayat 18 dalam surah al-Hajj adalah mengenai keputusan Allah SWT antara manusia dan menunjukkan segala sesuatu dalam alam kepada keagungan Allah SWT. Teks وَالَّذِينَ


هَادُواً وَالصَّابِقِينَ, 'Umat Yahudi', Satu golongan antara Yahudi dan Nasrani atau kaum yang menyembah malaikat dan membaca kitab Zabur.

Seterusnya وَالْمَجُوسَ, satu kaum Majusi iaitu para pengikut al-Mutannabi yang mana mereka ini menyembah matahari, bulan, dan api. Kaum ini mempercayai adanya dua tuhan, iaitu tuhan kebaikan yang diwakili cahaya dan tuhan keburukan yang diwakili kegelapan.

Teks إِنَّ اللَّهَ يَفْصِلُ وَالَّذِينَ أَشْرَكُوا ini merujuk kepada para penyembah berhala. يَفْصِلُ merujuk teks ini, sesungguhnya Allah SWT yang memutuskan antara mereka (kaum) yang mana yang betul dan pihak mana yang tidak betul. Kemudian Allah SWT memasukkan orang-orang yang beriman ke dalam syurga dan selainnya ke dalam neraka.

Seterusnya teks إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ, sesungguhnya Allah SWT Maha Melihat, Maha Mengetahui akan segala sesuatu termasuk amal-amal perbuatan mereka.


4.3.3 Analisis Model “LEXICOLSEM” Surah Al-Hajj dari ayat 20 – 29 (Kaedah Model Ketiga)



Rajah 4.19: Contoh formula kaedah model ketiga analisis LEXICOLSEM oleh Asma Abdul Rahman, 2020-2023

Seterusnya, dalam kaedah model ketiga ini, analisis formula LEXICOLSEM pelbagai hubungan dalam surah al-Hajj dari ayat 20 hingga 39 ini telah menggunakan kaedah model seperti di Rajah di atas. Gambarajah di atas menerangkan bagaimana perkataan dalam surah al-Hajj dari ayat 20 hingga 39 diekstrak.


1. Al-Quran. Al-Hajj 22:20 dan Al-Quran. Al-Hajj 22:21



Rajah 4.20: Analisis LEXICOLSEM Model Ketiga QS al-Hajj / 22:20 dan QS al-Hajj / 22:21, oleh Asma Abdul Rahman, 2020 - 2023

Berdasarkan kepada Rajah 4.20 di atas, ayat kedua puluh dan dua puluh satu surah al-Hajj diekstrak dengan menggunakan kaedah model ketiga ini yang mana analisis formula LEXICOLSEM pelbagai hubungan oleh penyelidik, Asma Abdul Rahman (2020-2023).

Penulis telah membuat analisis menggunakan perisian Wordsmith8 dan telah mengeluarkan enam (6) bentuk kata dari ayat dua puluh dan empat (4) bentuk kata dari ayat dua puluh satu. Penulis juga telah menganalisis bentuk huruf daripada perkataan dalam ayat dua puluh dan dua puluh satu ini ke dalam kategori isim (اسم) dan dhaamir (ضمير). Kemudian, huruf-huruf ب، هـ، في، هـ، م، و، ال dalam perkataan ayat kedua puluh (20) dan huruf-huruf من، هـ، م، و، ال dari ayat dua puluh satu telah menunjukkan kata hubung dan simbol Ø bermaksud tiada kedudukan untuk setiap huruf *Alif mamdudat wa hurf jaar wal ma'thufat*. Manakala selain huruf-huruf di atas, disebut jumlatul sathiyyah (جملۃ السطحيّة) yang membawa maksud jumlah perkataan yang tiada dalam selainnya. Adapun dari ayat dua puluh satu, terdapat bentuk kata مَقَامِع yang dibaris sebagai *syaddah (sabdu)* boleh dipecahkan kepada huruf-huruf asalnya iaitu م+م+ق+ا+م+ع dengan bilangan huruf asalnya enam huruf.




Rajah 4.21: Analisis LEXICOLSEM Model Ketiga QS al-Hajj / 22:22, oleh Asma Abdul Rahman, 2020 - 2023

Seterusnya, dalam ayat dua puluh dua (22) di atas, penulis telah membuat analisis menggunakan perisian Wordsmith8 dan telah mengeluarkan dua belas (12) bentuk kata. Hasil analisis senarai kata (Wordlist) ayat dua puluh dan dua puluh satu surah al-Hajj boleh dilihat dalam Lampiran 20 dan 21. Penulis juga telah menganalisis bentuk huruf daripada perkataan dalam ayat dua puluh dua ini ke dalam kategori isim (اسم), *fi'il* (فعل), *dhaamir* (ضمير), dan huruf (حرف). Kemudian, huruf-huruf ا, وا, أن, أو, من, ها, من, هم, في, ها, و, وا, dalam perkataan ayat 22 telah menunjukkan kata hubung *dhaamir* dan simbol Ø bermaksud tiada kedudukan untuk setiap huruf *Alif mamdudat wa huruf jaar wal ma'thufat*. Manakala selain huruf-huruf di atas, disebut jumlatul sathiyyah (جملۃ السطحيّة) yang membawa maksud jumlah perkataan yang tiada dalam selainya. Adapun dari ayat 22 ini, terdapat bentuk kata yang dibaris sebagai *syaddah* (sabdu) iaitu كَلَّمَا, dan غَمّ dan boleh dipecahkan kepada huruf-huruf asalnya iaitu

ك+ل+ل+م+ا dengan bilangan huruf asalnya 5 huruf dan غ+م+م dengan bilangan huruf asalnya 3 huruf.

3. Al-Quran. Al-Hajj 22:23



Rajah 4.22: Analisis LEXICOLSEM Model Ketiga QS Al-Hajj / 22:23, oleh Asma Abdul Rahman, 2020 - 2023


Seterusnya, dalam ayat dua puluh tiga (23) di atas, penulis telah membuat analisis menggunakan perisian Wordsmith8 dan telah mengeluarkan dua puluh dua (22) bentuk kata dengan kekerapan bentuk kata berulang sebanyak dua (2) kali iaitu مِنْ dan فِيهَا. Hasil analisis senarai kata (Wordlist) ayat dua puluh tiga surah al-Hajj boleh dilihat dalam Lampiran 23. Penulis juga telah menganalisis bentuk huruf daripada perkataan dalam ayat dua puluh tiga ini dan mendapati ada tiga kategori iaitu isim (اسم), *fi'il* (فعل), *dhaamir* (ضمير), dan huruf (حرف).

“Tidakkah engkau mengetahui bahawa segala yang ada di langit dan di bumi tunduk sujud kepada Allah dan (di antaranya termasuklah) matahari dan bulan, dan bintang-bintang, dan gunung-ganang, dan pokok-pokok kayu, dan binatang-binatang, serta sebahagian besar dari manusia?”

“Sesungguhnya (amatlah zalim) orang-orang yang kafir serta menghalangi manusia dari jalan Allah (agama Islam), dan dari memasuki Masjid al-Haram (Makkah) yang Kami jadikan dia tempat beribadat untuk seluruh umat manusia (yang beriman) - sama ada yang tinggal menetap di situ atau yang datang berziarah; dan sesiapa yang berazam melakukan di situ sebarang perbuatan yang di larang dengan cara yang zalim, Kami akan merasakannya azab yang tidak terperi sakitnya.”

“Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan ibadat Haji, nescaya mereka akan datang ke (rumah Tuhan) mu dengan berjalan kaki, dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus yang datangnya dari berbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh.”

“Supaya mereka menyaksikan berbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu, kerana pengurniaanNya kepada mereka dengan binatang-binatang ternak (untuk dijadikan korban); dengan yang demikian makanlah kamu dari (daging) binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir miskin.”

“Itulah yang wajib dipatuhi; dan sesiapa yang menghormati hukum-hukum Allah maka yang demikian menjadi kebaikan baginya di sisi Tuhannya. Dan dihalalkan bagi kamu binatang-binatang ternak, kecuali yang dibacakan kepada kamu (tentang haramnya), maka jauhilah kekotoran syirik yang disebabkan oleh penyembahan berhala, serta jauhilah perkataan yang dusta.”

“Kamu beroleh berbagai-bagai faedah dan kegunaan pada binatang ternak itu hingga ke suatu masa yang tertentu (bagi menyembelihnya); kemudian waktu menyembelihnya ketika sampai di tanah haram Baitullah yang tua sejarahnya itu.”

“Dan bagi tiap-tiap umat, Kami syariatkan ibadat menyembelih korban (atau lain-lainnya) supaya mereka menyebut nama Allah sebagai bersyukur akan pengurniaanNya kepada mereka; binatang-binatang ternak yang disembelih itu. Kerana Tuhan kamu semua ialah Tuhan Yang Maha Esa, maka hendaklah kamu tunduk taat kepadaNya; dan sampaikanlah berita gembira (wahai Muhammad) kepada orang-orang yang tunduk taat.”

“Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepadaNya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan taqwa dari kamu. Demikianlah Ia memudahkan binatang-binatang itu bagi kamu supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat nikmat petunjukNya. Dan sampaikanlah berita gembira (dengan balasan yang sebaik-baiknya) kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amalnya.”

Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan ‘Manusia’ ditakrifkan sebagai "makhluk yang mempunyai akal budi, insan, orang, seseorang yang mempunyai sifat-sifat manusia yg mulia". Manakala, perkataan ‘Binatang’ ialah “makhluk bernyawa tetapi tidak berakal fikiran (seperti lembu, unta), haiwan: kebinatangan kelakuan seperti kelakuan binatang, dan sifat-sifat binatang”.

Bentuk kata di atas menunjukkan dua perkataan yang dikeluarkan dari surah al-Hajj ini sebagai antonim. Perkataan Manusia dan Binatang ini merupakan perkataan yang berlawanan makna yang berkait dengan pembuktian bahawa Allah itu wujud dan sesungguhnya Allah jualah Tuhan Yang Sebenar-benarnya yang berhak disembah dan sesungguhnya Dia lah yang menghidupkan makhluk-makhluk yang mati. Kedua-dua kalimah ini terletak dalam ayat yang berbeza tetapi dalam surah al-Hajj yang sama. Walaupun terdapat dalam ayat yang berbeza, makna perkataan mempunyai hubungan antara satu sama lain di mana kedua-duanya merupakan makhluk ciptaan Allah SWT.

3. Dunia (kata nama) x Akhirat (kata nama)

Bagi bentuk kata ‘Dunia’ yang terdapat dalam surah al-Hajj ialah ayat 9, 11, dan 15, dan perkataan ‘Akhirat’ pula terletak pada ayat 11, dan 15.

“Ia membantah sambil memalingkan sebelah badannya dengan sombong angkuh sehingga menghalang dirinya dan orang lain dari jalan ugama Allah; ia akan beroleh kehinaan di dunia, dan Kami akan merasakannya azab yang membakar pada hari kiamat kelak.”

“Dan ada di antara manusia yang menyembah Allah dengan sikap dan pendirian yang tidak tetap, iaitu kalau ia beroleh kebaikan, senanglah hatinya dengan keadaan itu; dan kalau pula ia ditimpa fitnah kesusahan, berbaliklah ia semula (kepada kekufurannya). (Dengan sikapnya itu) rugilah ia akan dunia dan akhirat, itulah kerugian yang terang nyata.”

“Sesiapa yang menyangka bahawa Allah tidak sekali-kali akan menolong Nabi Muhammad dalam dunia ini dan di akhirat kelak, maka hendaklah ia menghulurkan tali (serta mengikatnya) di bumbung rumahnya, kemudian hendaklah ia menjerut lehernya (supaya ia mati tercekik); dalam pada itu hendaklah ia memikirkan lebih dahulu, adakah tipu dayanya itu dapat menghapuskan sebab-sebab yang menimbulkan kemarahannya?”

Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan ‘Dunia’ ditakrifkan sebagai "bumi dan segala yang terdapat di permukaannya, alam (tempat kita duduki); perihal hidup, kehidupan; segala manusia yang hidup di bumi; bahagian dunia (negara dll)". Manakala perkataan ‘Akhirat’ pula ditafsirkan dalam Dewan Bahasa Edisi Keempat

sebagai maksud alam tempat semua manusia berada sesudah kita mati; alam yang kekal abadi (sesudah hari kiamat); alam yang baqa'; dan dunia untuk selamanya.

Bentuk kata 'Dunia' dan 'Akhirat' di atas menunjukkan dua perkataan yang dikeluarkan dari surah al-Hajj ini sebagai antonim. Perkataan 'Manusia dan Binatang' ini merupakan perkataan yang berlawanan makna yang berkait dengan pembuktian bahawa Allah itu wujud dan sesungguhnya Allah jualah Tuhan Yang Sebenar-benarnya yang berhak disembah dan sesungguhnya Dia lah yang menghidupkan makhluk-makhluk yang mati. Kedua-dua kalimah ini terletak dalam ayat yang berbeza tetapi dalam surah al-Hajj yang sama. Walaupun terdapat dalam ayat yang berbeza, makna perkataan mempunyai hubungan antara satu sama lain di mana kedua-duanya merupakan makhluk ciptaan Allah SWT.

4. Syurga (kata nama) x Neraka (kata nama)

Seterusnya perkataan 'Syurga' yang terdapat dalam surah al-Hajj boleh dijumpai dalam ayat 14, dan 23, dan perkataan 'Neraka' pula terletak pada ayat 4, 19, dan 22. Bentuk kata 'Neraka' ada dibincangkan di bawah hubungan perkataan yang sinonim dengan bentuk kata seperti 'azab, *As-Sae'er*, Seksa, Ngeri'.

"Sesungguhnya Allah akan memasukkan orang-orang yang beriman dan beramal soleh ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; sesungguhnya Allah melakukan apa yang ditentukanNya."

"Sesungguhnya Allah akan memasukkan orang-orang yang beriman dan beramal soleh ke dalam Syurga yang mengalir padanya beberapa sungai; mereka dihiaskan di situ dengan gelang-gelang emas dan mutiara, dan pakaian mereka di situ dari sutera."

“Yang telah ditetapkan kepada (tiap-tiap) syaitan itu, bahawa sesiapa yang berketuakan dia, maka sesungguhnya ia akan menyesatkannya dan memimpinya kepada azab neraka.”

“Inilah dua golongan (mukmin dan kafir) yang berbantah-bantahan tentang Tuhan mereka. Maka orang-orang yang kafir akan disediakan untuk mereka pakaian dari api neraka, serta dicurahkan atas kepala mereka air panas yang menggelegak.”

“Tiap-tiap kali mereka hendak keluar dari neraka itu, disebabkan mereka menderita azabnya, mereka dikembalikan padanya, serta dikatakan: "Rasalah kamu azab seksa yang membakar!"

Berdasarkan dalam Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan ‘Syurga’ boleh disebut sebagai ‘Jannah’ yang bermaksud "jannat alam akhirat (tempat roh manusia yg baik-baik dan banyak membuat pahala ketika di dunia), tempat balasan pahala dan tempat mengecap nikmat Tuhan yg kekal". Manakala perkataan ‘Neraka’ pula ditafsirkan dalam Dewan Bahasa Edisi Keempat sebagai a. alam akhirat tempat orang yang berdosa diseksa, jahanam neraka yang paling besar; b. segala macam seksaan (bencana, kesusahan); c. celaka, sial; d. tempat yang penuh dengan seksaan, kesusahan, dan bencana; kenerakaan perihal neraka, kecelakaan.

Bentuk kata ‘Syurga dan Neraka’ ini menunjukkan dua perkataan yang dikeluarkan dari surah al-Hajj sebagai antonim. Perkataan ‘Syurga dan Neraka’ ini merupakan perkataan yang berlawanan makna yang berkait dengan pembuktian bahawa Allah itu wujud, syurga dan neraka itu juga wujud. Kedua-dua kalimah ini terletak dalam ayat yang berbeza tetapi dalam surah al-Hajj yang sama. Walaupun terdapat dalam ayat yang berbeza, makna perkataan mempunyai hubungan antara satu sama lain di mana kedua-duanya merupakan bukti kewujudan Allah SWT.

5. Iman/ Mukmin (kata nama) x Kafir (kata nama)

Seterusnya perkataan ‘Iman atau Mukmin’ yang terdapat dalam surah al-Hajj boleh dijumpai dalam ayat 14, 17, 19, 23, 25, 32, dan 38, dan perkataan ‘Kafir’ pula boleh dijumpai pada ayat 19, dan 25. Bentuk kata ‘Iman atau Mukmin’ merupakan kata yang berbeza namun mempunyai maksud yang sama. Kedua-dua bentuk kata nama ini memberikan maksud yang sama dalam surah al-Hajj ini seperti dalam tafsiran ayat-ayat di bawah:

“Sesungguhnya Allah akan memasukkan orang-orang yang beriman dan beramal soleh ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; sesungguhnya Allah melakukan apa yang ditentukanNya.” (Al-Quran. Al-Hajj 22:14)

“Bahawasanya orang-orang yang beriman, dan orang-orang Yahudi, dan orang-orang Saabiein, dan orang-orang Nasrani, dan orang-orang Majusi, serta orang-orang Musyrik, sesungguhnya Allah akan memutuskan hukumNya di antara mereka pada hari kiamat, kerana sesungguhnya Allah sentiasa Memerhati dan Menyaksikan tiap-tiap sesuatu.” (Al-Quran. Al-Hajj 22:17)

“Inilah dua golongan (mukmin dan kafir) yang berbantah-bantahan tentang Tuhan mereka. Maka orang-orang yang kafir akan disediakan untuk mereka pakaian dari api neraka, serta dicurahkan atas kepala mereka air panas yang menggelegak,” (Al-Quran. Al-Hajj 22:19)

“Sesungguhnya Allah akan memasukkan orang-orang yang beriman dan beramal soleh ke dalam Syurga yang mengalir padanya beberapa sungai; mereka dihiaskan di situ dengan gelang-gelang emas dan mutiara, dan pakaian mereka di situ dari sutera.” (Al-Quran. Al-Hajj 22:23)

“Sesungguhnya (amatlah zalim) orang-orang yang kafir serta menghalangi manusia dari jalan Allah (agama Islam), dan dari memasuki Masjid al-Haram (Makkah) yang Kami jadikan dia tempat beribadat untuk seluruh umat manusia (yang beriman) - sama ada yang tinggal menetap di situ atau yang datang berziarah; dan sesiapa yang berazam melakukan di situ sebarang perbuatan yang di larang dengan cara yang zalim, Kami akan merasakannya azab yang tidak terperi sakitnya.” (Al-Quran. Al-Hajj 22:25)

“Demikianlah (ajaran Allah); dan sesiapa yang menghormati Syiar-syiar agama Allah maka (dia lah orang yang bertaqwa) kerana sesungguhnya perbuatan itu satu kesan dari sifat-sifat taqwa hati orang mukmin.” (Al-Quran. Al-Hajj 22:32)

“Sesungguhnya Allah membela orang-orang yang beriman; sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap seorang yang khianat, lagi tidak bersyukur.” (Al-Quran. Al-Hajj 22:38)

Ayat 17, 19, dan 25 dalam surah al-hajj ini, memberi gambaran terhadap orang-orang ‘Mukmin’ dan ‘Kafir’ di akhirat. Bagi orang-orang ‘Kafir’ dari kelima-lima golongan yang disebut dalam surah al-Hajj ini, mereka diberi pakaian yang diperbuat dari api neraka jahanam dan kepada mereka pula disiram dengan air panas mendidih dengan api neraka jahanam lalu air itu dilelehkan ke isi perut dan mereka serta memanggang kulit mereka. Adapun orang-orang mukmin, mereka mendapat ganjaran kenikmatan yang indah seperti perhiasan gelang yang diperbuat dari emas dan batu mutiara yang digunakan untuk menghias mahkota mereka. Orang-orang mukmin diberi ganjaran pakaian yang diperbuat dari sutera yang tidak terbanding di dunia.

Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan ‘Iman’ ditakrifkan sebagai "a. keyakinan terhadap wujudnya Allah dengan hati, yang dilafazkan dengan kata-kata,

dan dilaksanakan dengan amalan: di mukanya, kelihatan sinar takwa, b. ketetapan hati, kekuatan batin; c. beriman mempunyai iman, patuh kepada larangan dan suruhan Allah, berpegang kuat kepada ajaran agama; mengimani yakin dan percaya; keimanan keteguhan iman, keyakinan, dan ketetapan hati". Adapaun perkataan 'Iman' antonimnya adalah 'Kafir', maka perkataan 'Kafir' ditafsirkan dalam Dewan Bahasa Edisi Keempat sebagai maksud 'tidak percaya kepada Allah dan Rasul-Nya, orang yg bukan Islam dan kekafiran sifat-sifat kafir yakni tidak beriman, tidak percaya kepada Allah'.

Bentuk kata 'Iman dan Kafir' di atas menunjukkan dua perkataan yang dikeluarkan dari surah al-Hajj ini sebagai antonim. Perkataan 'Iman dan Kafir' ini merupakan perkataan yang berlawanan makna yang berkait dengan ganjaran dan balasan Allah terhadap golongan 'Mukmin dan Kafir'. Kedua-dua kalimah ini ada juga terletak dalam ayat yang sama dan berbeza dalam surah al-Hajj dan makna perkataan mempunyai hubungan antara satu sama lain di mana kedua-duanya merupakan gambaran dari Allah SWT tentang kenikmatan beriman kepada Allah Yang Maha Esa dan balasan golongan yang kafir dan menyekutukan Allah SWT di akhirat kelak.

3. Hipernim dan Hiponim

Hipernim atau hiperonim adalah perkataan asal daripada bahasa Yunani “nama” iaitu keterbalikan daripada hiponim.

Jadual 4.42: Data Hipernim dalam Surah Al-Hajj

Data	Bentuk kata	Jenis hubungan	Maksud berkaitan
1.	Makhluk hipernim kepada syaitan, manusia, tumbuhan, binatang	Hipernim	keterbalikan
2.	Binatang hipernim kepada unta, burung	Hipernim	keterbalikan

Adapun hiponim pula merangkumi makna perkataan umum. Maksudnya, perkataan itu boleh diklasifikasikan daripada khusus kepada umum (Saeed, 2016).

Jadual 4.43: Data Hiponim Surah Al-Hajj

Data	Bentuk kata	Jenis hubungan	Maksud berkaitan
1.	Unta, burung (Binatang)	Hiponim	Inklusif
2.	Manusia, syaitan, tumbuhan, binatang (Makhluk)	Hiponim	Inklusif

1. ‘Makhluk’ hipernim kepada *Syaitan, Manusia, Tumbuhan, Binatang*, manakala manakala *Syaitan, Manusia, Tumbuhan, Binatang* subordinat kepada ‘Makhluk’

Perkataan ‘Makhluk’ terdapat dalam surah al-Hajj pada ayat 5, 6, 12, dan 13, perkataan ‘Syaitan’ pada ayat 3, dan 4, perkataan ‘Manusia’ pada ayat 1, 2, 3, 5, 8, 11, 18, 25, dan 27, perkataan ‘Binatang’ yang ada pada ayat 18, 28, 30, 33, 34, dan 37, manakala perkataan ‘Tumbuhan’ pula hanya ada pada ayat 5 sahaja.

“Wahai umat manusia, bertaqwalah kepada Tuhan kamu! Sesungguhnya gempa hari kiamat itu suatu perkara yang amat besar.” (Al-Quran. Al-Hajj 22:1)

“Pada hari kamu melihat (peristiwa-peristiwa yang mengerikan) itu, tiap-tiap ibu penyusu akan melupakan anak yang disusukannya, dan tiap-tiap perempuan yang mengandung akan gugurkan anak yang dikandungnya; dan engkau akan melihat manusia mabuk, padahal mereka sebenarnya tidak mabuk, tetapi azab Allah amatlah berat, mengerikan.” (Al-Quran. Al-Hajj 22:2)

“Dan ada di antara manusia yang membantah perkara-perkara yang berhubung dengan Allah dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan, dan ia menurut tiap-tiap syaitan yang telah sebatikan dengan kejahatan.” (Al-Quran. Al-Hajj 22:3)

“Yang telah ditetapkan kepada (tiap-tiap) syaitan itu, bahawa sesiapa yang berketuakan dia, maka sesungguhnya ia akan menyesatkannya dan memimpinkannya kepada azab neraka.” (Al-Quran. Al-Hajj 22:4)

“Wahai umat manusia, sekiranya kamu menaruh syak (ragu-ragu) tentang kebangkitan makhluk (hidup semula pada hari kiamat), maka (perhatikanlah kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging yang disempurnakan kejadiannya dan yang tidak disempurnakan; (Kami jadikan secara yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu (kekuasaan Kami); dan Kami pula menetapkan dalam kandungan rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang Kami rancangkan hingga ke suatu masa yang ditentukan lahirnya; kemudian Kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian (kamu dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan (semasa kecil atau semasa dewasa) dan ada pula yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua nyanyuk sehingga ia tidak mengetahui lagi akan sesuatu yang telah diketahuinya dahulu. Dan (ingatlah satu bukti lagi); Engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menyimpannya,

bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan yang merecup tumbuh), dan gembur membusutlah ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah permai.” (Al-Quran. Al-Hajj 22: 5)

“(Kedua-dua kenyataan) yang tersebut membuktikan bahawa sesungguhnya Allah jualah Tuhan Yang Sebenar-benarnya (yang berhak disembah), dan sesungguhnya Dia lah yang menghidupkan makhluk-makhluk yang mati, dan Dia lah jua Yang Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.” (Al-Quran. Al-Hajj 22:6)

“Dan ada di antara manusia yang membantah dalam perkara-perkara yang berhubung dengan Allah dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan, dan tidak berdasarkan sebarang keterangan, dan tidak juga berdasarkan mana-mana Kitab Allah yang menerangi kebenaran;” (Al-Quran. Al-Hajj 22:8)

“Dan ada di antara manusia yang menyembah Allah dengan sikap dan pendirian yang tidak tetap, iaitu kalau ia beroleh kebaikan, senanglah hatinya dengan keadaan itu; dan kalau pula ia ditimpa fitnah kesusahan, berbaliklah ia semula (kepada kekufurannya). (Dengan sikapnya itu) rugilah ia akan dunia dan akhirat, itulah kerugian yang terang nyata.” (Al-Quran. Al-Hajj 22:11)

“Ia menyeru dan menyembah makhluk-makhluk yang lain dari Allah, yang tidak dapat membahayakannya dan tidak dapat mendatangkan kebaikan kepadanya; itulah kesesatan yang jauh terpesong.” (Al-Quran. Al-Hajj 22:12)

“Ia menyeru dan menyembah makhluk yang - dengan perbuatan demikian - mudaratnya lebih dekat dari manfaat yang diharapkannya; demi sesungguhnya seburuk-buruk penolong dan seburuk-buruk sahabat karib ialah makhluk yang diseru dan disembahnya itu.” (Al-Quran. Al-Hajj 22:13)

“Tidakkah engkau mengetahui bahawa segala yang ada di langit dan di bumi tunduk sujud kepada Allah dan (di antaranya termasuklah) matahari dan bulan, dan

bintang-bintang, dan gunung-ganang, dan pokok-pokok kayu, dan binatang-binatang, serta sebahagian besar dari manusia? Dan banyak pula (di antara manusia) yang berhak ditimpa azab (disebabkan kekufurannya dan maksiatnya); dan (ingatlah) sesiapa yang dihinakan oleh Allah maka ia tidak akan beroleh sesiapaupun yang dapat memuliakannya. Sesungguhnya Allah tetap melakukan apa yang dirancangkanNya.” (Al-Quran. Al-Hajj 22:18)

“Sesungguhnya (amatlah zalim) orang-orang yang kafir serta menghalangi manusia dari jalan Allah (agama Islam), dan dari memasuki Masjid al-Haraam (Makkah) yang Kami jadikan dia tempat beribadat untuk seluruh umat manusia (yang beriman) - sama ada yang tinggal menetap di situ atau yang datang berziarah; dan sesiapa yang berazam melakukan di situ sebarang perbuatan yang di larang dengan cara yang zalim, Kami akan merasakannya azab yang tidak terperi sakitnya.” (Al-Quran. Al-Hajj 22:25)

“Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan ibadat Haji, nescaya mereka akan datang ke (rumah Tuhan) mu dengan berjalan kaki, dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus yang datangnya dari berbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh.” (Al-Quran. Al-Hajj 22:27)

“Supaya mereka menyaksikan berbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu, kerana pengurniaanNya kepada mereka dengan binatang-binatang ternak (untuk dijadikan korban); dengan yang demikian makanlah kamu dari (daging) binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir miskin.” (Al-Quran. Al-Hajj 22:28)

“Itulah yang wajib dipatuhi; dan sesiapa yang menghormati hukum-hukum Allah maka yang demikian menjadi kebaikan baginya di sisi Tuhannya. Dan

dihalalkan bagi kamu binatang-binatang ternak, kecuali yang dibacakan kepada kamu (tentang haramnya), maka jauhilah kekotoran syirik yang disebabkan oleh penyembahan berhala, serta jauhilah perkataan yang dusta,” (Al-Quran. Al-Hajj 22:30)

“Kamu beroleh berbagai-bagai faedah dan kegunaan pada binatang ternak itu hingga ke suatu masa yang tertentu (bagi menyembelihnya); kemudian waktu menyembelihnya ketika sampai di tanah haram Baitullah yang tua sejarahnya itu.” (Al-Quran. Al-Hajj 22:33)

“Dan bagi tiap-tiap umat, Kami syariatkan ibadat menyembelih korban (atau lain-lainnya) supaya mereka menyebut nama Allah sebagai bersyukur akan pengurniaanNya kepada mereka; binatang-binatang ternak yang disembelih itu. Kerana Tuhan kamu semua ialah Tuhan Yang Maha Esa, maka hendaklah kamu tunduk taat kepadaNya; dan sampaikanlah berita gembira (wahai Muhammad) kepada orang-orang yang tunduk taat” (Al-Quran. Al-Hajj 22:34)

“Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepadaNya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan taqwa dari kamu. Demikianlah Ia memudahkan binatang-binatang itu bagi kamu supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat nikmat petunjukNya. Dan sampaikanlah berita gembira (dengan balasan yang sebaik-baiknya) kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amalnya.” (Al-Quran. Al-Hajj 22:37)

Berdasarkan kepada Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, maksud perkataan Makhluk, Syaitan, Manusia, Tumbuhan, dan Binatang adalah seperti :

Makhluk adalah "segala yang dijadikan Tuhan seperti manusia, binatang, dll., dan makhluk seperti jin, syaitan yang hidup dalam alam ghaib". Sedangkan perkataan Syaitan ialah “makhluk halus yang jahat (menggalakkan orang membuat kejahatan ia

bersifat menghina manusia yang korup dan bersifat syaitan”, maksud perkataan Manusia ialah “makhluk yang mempunyai akal budi, insan, orang, seseorang yang mempunyai sifat-sifat manusia yang mulia”, manakala Tumbuhan pula bermaksud “sesuatu yang tumbuh bercambah hidup, tumbuh-tumbuhan segala yang hidup dan berbatang (berakar, berdahan, berdaun, dan pokok yang mempunyai sifat yang sama dengan tumbuh-tumbuhan berbunga”.

Perkataan Makhluk, dikategorikan sebagai hipernim kepada Syaitan, Manusia, Tumbuhan, dan Binatang kerana ia berkaitan antara satu sama lain dari khusus kepada umum (Saeed: 2016). Hubungan antara setiap perkataan mempunyai ciri-ciri yang hampir sama di mana semua perkataan dimasukkan dalam label umum. Dalam data di atas, perkataan Syaitan, Manusia, Binatang dan Tumbuhan adalah hiponim kepada Makhluk. Perkataan Makhluk adalah label kepada perkataan Syaitan, Manusia, Binatang dan Tumbuhan. Dalam agama Islam, Syaitan, Manusia, Binatang dan Tumbuhan adalah empat jenis makhluk yang diciptakan oleh Allah untuk taat kepada-Nya. Perkataan Manusia dan Binatang dalam Surah Al-Hajj ini sentiasa bersama dalam setiap ayat di mana Allah SWT mencipta dan menggambarkan binatang ternakan sebagai salah satu ibadah. Semua yang disebut ini adalah makhluk Allah. Dalam surah ini, Allah memberitahu mereka tentang perhatian dan nasihat yang akan berlaku berdasarkan perbuatan mereka. Lelaki atau manusia adalah makhluk yang sebenar tetapi Jin adalah abstrak atau tidak masuk akal tetapi mereka adalah makhluk Allah.

Prinsip makna yang berkaitan dengan perkataan Makhluk, Syaitan, Manusia, Tumbuhan dan Binatang adalah inklusi. Ia adalah kerana makna satu atau lebih unit leksikal termasuk dalam makna yang lain (Nida: 1975).

2. ‘Binatang’ hipernim *kepada unta, burung*, manakala *Unta, Burung* subordinat kepada ‘Binatang’

Perkataan ‘Binatang’ terdapat dalam surah al-Hajj pada ayat 18, 28, 30, 33, 34 dan 37, perkataan ‘Unta’ pada ayat 27, dan 36, manakala perkataan ‘Burung’ pula hanya pada ayat 31 sahaja.

“Tidakkah engkau mengetahui bahawa segala yang ada di langit dan di bumi tunduk sujud kepada Allah dan (di antaranya termasuklah) matahari dan bulan, dan bintang-bintang, dan gunung-ganang, dan pokok-pokok kayu, dan binatang-binatang, serta sebahagian besar dari manusia? Dan banyak pula (di antara manusia) yang berhak ditimpa azab (disebabkan kekufurannya dan maksiatnya); dan (ingatlah) sesiapa yang dihinakan oleh Allah maka ia tidak akan beroleh sesiapaupun yang dapat memuliakannya. Sesungguhnya Allah tetap melakukan apa yang dirancangkanNya.” (Al-Quran. Al-Hajj 22:18)

“Supaya mereka menyaksikan berbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu, kerana pengurniaanNya kepada mereka dengan binatang-binatang ternak (untuk dijadikan korban); dengan yang demikian makanlah kamu dari (daging) binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir miskin.” (Al-Quran. Al-Hajj 22:28)

“Itulah yang wajib dipatuhi, dan sesiapa yang menghormati hukum-hukum Allah maka yang demikian menjadi kebaikan baginya di sisi Tuhannya. Dan dihalalkan bagi kamu binatang-binatang ternak, kecuali yang dibacakan kepada kamu (tentang haramnya), maka jauhilah kekotoran syirik yang disebabkan oleh penyembahan berhala, serta jauhilah perkataan yang dusta,” (Al-Quran. Al-Hajj 22:30)

“Kamu beroleh berbagai-bagai faedah dan kegunaan pada binatang ternak itu hingga ke suatu masa yang tertentu (bagi menyembelihnya); kemudian waktu menyembelihnya ketika sampai di tanah haram Baitullah yang tua sejarahnya itu.” (Al-Quran. Al-Hajj 22:33)

“Dan bagi tiap-tiap umat, Kami syariatkan ibadat menyembelih korban (atau lain-lainnya) supaya mereka menyebut nama Allah sebagai bersyukur akan pengurniaanNya kepada mereka; binatang-binatang ternak yang disembelih itu. Kerana Tuhan kamu semua ialah Tuhan Yang Maha Esa, maka hendaklah kamu tunduk taat kepadaNya; dan sampaikanlah berita gembira (wahai Muhammad) kepada orang-orang yang tunduk taat-” (Al-Quran. Al-Hajj 22:34)

“Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepadaNya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan taqwa dari kamu. Demikianlah Ia memudahkan binatang-binatang itu bagi kamu supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat nikmat petunjukNya. Dan sampaikanlah berita gembira (dengan balasan yang sebaik-baiknya) kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amalnya.” (Al-Quran. Al-Hajj 22:37)

Adapun, bentuk kata ‘Unta’ ada disebut dalam ayat kedua puluh tujuh (27) dan ayat ketiga puluh enam (36), surah al-Hajj seperti tafsiran berikut:

“Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan ibadat Haji, nescaya mereka akan datang ke (rumah Tuhan) mu dengan berjalan kaki, dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus yang datangnya dari berbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh.” (Al-Quran. Al-Hajj 22:27); dan

“Dan Kami jadikan unta (yang dihadiahkan kepada fakir miskin Makkah itu) sebahagian dari syiar ugama Allah untuk kamu; pada menyembelih unta yang tersebut ada kebaikan bagi kamu; oleh itu sebutlah nama Allah (semasa menyembelihnya)

ketika ia berdiri di atas tiga kakinya maka apabila ia tumbang (serta putus nyawanya), makanlah sebahagian daripadanya, dan berilah (bahagian yang lain) kepada orang-orang yang tidak meminta dan yang meminta. Demikianlah Kami mudahkan dia untuk kamu (menguasainya dan menyembelihnya) supaya kamu bersyukur.” (Al-Quran. Al-Hajj 22:36)

Manakala, bentuk kata ‘Burung’ pula hanya sekali disebut dalam ayat ketiga puluh satu (31), surah al-Hajj seperti tafsiran berikut: “(Amalkanlah perkara-perkara itu) dengan tulus ikhlas kepada Allah, serta tidak mempersekutukan sesuatu pun denganNya; dan sesiapa yang mempersekutukan sesuatu yang lain dengan Allah maka seolah-olah dia jatuh dari langit lalu disambar oleh burung, atau dihumbankan oleh angin ke tempat yang jauh (yang membinasakan).” (Al-Quran. Al-Hajj 22:31)

Berdasarkan kepada Kamus Dewan Edisi Keempat, maksud perkataan Binatang, Unta, dan Burung adalah seperti :

Binatang adalah "makhluk bernyawa tetapi tidak berakal fikiran (seperti lembu); haiwan; kebinatangan kelakuan seperti kelakuan binatang; dan sifat-sifat binatang”. Adapun perkataan Unta ialah “sejenis binatang besar yang lehernya panjang (kuku berbelah dan belakangnya berbonggol satu atau dua), Camelus seperti.; burung ~ sejenis burung besar yang boleh berlari dengan tangkas, *Struthio camelus*”. Manakala bentuk kata ‘Burung’ pula ditakrifkan sebagai “binatang yang mempunyai paruh, dua kaki, dua kepak dan umumnya dapat terbang: belatuk dan merak”.

Perkataan Binatang, dikategorikan sebagai hipernim kepada Unta, dan Burung kerana ia berkaitan antara satu sama lain dari khusus kepada umum (Saeed: 2016). Hubungan antara setiap perkataan mempunyai ciri-ciri yang hampir sama di mana semua perkataan dimasukkan dalam label umum. Dalam data di atas, perkataan Unta

dan Burung adalah hiponim kepada Binatang. Perkataan Binatang adalah label kepada perkataan Unta dan Burung.

Prinsip makna yang berkaitan dengan perkataan Binatang, Unta dan Burung adalah inklusi. Ia adalah kerana makna satu atau lebih unit leksikal termasuk dalam makna yang lain (Nida, E. A. A, 1975).

4. Holonim dan Meronim

Holonim yang maksudnya adalah ‘keseluruhan’ iaitu kebalikan daripada meronim. Konsep yang berkait rapat yang secara khususnya memperkatakan hubungan sebahagian- keseluruhan dan digunakan dalam logik. Sementara meronim adalah sebahagian dengan holonimnya.

Jadual 4.44: Data Holonim dan Meronim dalam surah al-Hajj

Data	Bentuk kata	Jenis hubungan	Maksud berkaitan
1.	Bumi holonim untuk hujan, langit, tanah, gunung-ganang, pokok-pokok, tumbuh-tumbuhan, binatang dan manusia	Holonim	Keseluruhan
2.	Sungai, mutiara, sutera dan gelang emas kepada Syurga	Meronim	Sebahagian
3.	Tanah, air benih, darah beku, dan seketul daging kepada Manusia	Meronim	Sebahagian

Berdasarkan jadual di atas, penulis mengenalpasti dan mengekstrak menggunakan hubungan perkataan holonim iaitu lapan (8) bentuk kata atau perkataan yang menunjukkan perkataan yang menggambarkan sebahagian daripada bumi, iaitu hujan – langit – tanah – gunung-ganang – pokok-pokok – tumbuh-tumbuhan – binatang – manusia. Untuk hubungan perkataan meronim, terdapat enam (6) bentuk kata atau perkataan yang mempunyai kaitan secara tidak langsung kepada Bumi iaitu, matahari – bulan – bintang – manusia – tumbuh-tumbuhan – binatang.

Perkataan ‘Bumi’ terdapat dalam surah al-Hajj pada ayat 5, dan 18, perkataan ‘Hujan’ pada ayat 5, perkataan ‘langit’ pada ayat 18, dan 31, perkataan ‘Tanah’ pada ayat 5, dan 33, perkataan ‘gunung-ganang’ dan ‘pokok-pokok’ pada ayat 18, perkataan ‘tumbuh-tumbuhan’ pada ayat 5, dan perkataan ‘binatang’ pada ayat 18, 28, 30, 33, 34, dan 37.

Bagi bentuk kata kedua iaitu ‘Syurga’, penulis menggunakan hubungan perkataan meronim, iaitu empat (4) bentuk kata atau perkataan yang mempunyai kaitan secara tidak langsung kepada ‘Syurga’ ialah ‘sungai – mutiara – sutera – gelang emas’. Perkataan ‘Syurga’ terdapat dalam surah al-Hajj dalam ayat 14, dan 23, perkataan ‘Sungai’ pada ayat 14, dan 23, sementara perkataan ‘Mutiara, Sutera dan Gelang Emas’ ketiga-tiganya ada pada ayat 23 sahaja.

Bagi bentuk kata ketiga iaitu ‘Manusia’, juga penulis menggunakan hubungan perkataan meronim, iaitu empat (4) bentuk kata atau perkataan yang mempunyai kaitan secara tidak langsung kepada ‘Manusia’ ialah ‘tanah – air benih – darah beku – seketul daging’. Perkataan ‘Manusia’ terdapat dalam surah al-Hajj dalam ayat 1, 2, 3, 5, 8, 11, 18, 25, dan 27, sementara perkataan ‘Tanah, Air Benih, Darah Beku dan Seketul Daging’ ada pada ayat 5 sahaja.

4.4 Temu bual

Dalam kajian ini, penulis menggunakan instrumen temu bual untuk mendapatkan sendiri maklumbalas dari hasil pembinaan model LEXICOLSEM dalam surah al-Hajj. Temu bual ini dilakukan ke atas dua orang di kalangan pakar bahasa Arab dan pakar al-Quran untuk menyelidik hubungan semantik antara perkataan dalam surah al-Hajj, dan untuk mengesahkan model LEXICOLSEM yang diusulkan oleh penulis.

4.4.2 Protokol Temu bual

Temu bual soalan disusun berdasarkan objektif kajian. Soalan temu bual terdiri daripada tiga (3) komponen utama iaitu (1) Bahagian A yang mengandungi pakar maklumat demografi termasuk umur, tahap pendidikan dan latar belakang, (2) Bahagian B memfokuskan pengalaman pakar atau penglibatan dalam pengajaran linguistik Arab, dan (3) Bahagian C memfokuskan kepada pendapat pakar dalam model LEXICOLSEM yang berkait dengan persoalan kajian ini.

4.4.3 Senarai Soalan Temu bual Kajian

Enam (6) soalan berdasarkan antonim, sinonim, kehomogenan linguistik, dan verbal lazim (التضاد، الترادف، التجانس اللغوي، المشترك اللفظي) dan model LEXICOLSEM akan dijelaskan di bawah.

Bagi soalan 1 hingga soalan 3 itu merujuk kepada Objektif 2 : Menganalisis perkataan dalam surah al-Hajj (الحج) mengikut corak Leksikologi Semantik Arab, dan menyelidik hubungan Leksikologi Semantik perkataan dalam surah al-Hajj (الحج). Soalan-soalannya seperti berikut:

1. Mengikut pemahaman anda, apakah yang dimaksudkan dengan hubungan antara kata-kata yang sinonim, antonim, hipernim, hiponim, holonim dan meronim?
2. Menurut pendapat anda, adakah terdapat perkaitan di antara ayat-ayat dalam surah al-Hajj dengan hubungan antara kata-kata yang sinonim, antonim, hipernim, hiponim, holonim dan meronim dalam bahasa Arab?

3. Adakah anda setuju bahawa hubungan antara kata-kata penting untuk dipelajari dan difahami? Apakah cadangan tuan/puan untuk sentiasa mengaplikasikan hubungan antara kata-kata dalam pembelajaran bahasa Arab?

Adapun bagi soalan 4 hingga soalan 6 pula merujuk kepada Objektif 3 : Mengesahkan model yang diusulkan dengan ahli bahasa Arab, dan ahli al-Quran. Soalan-soalannya seperti berikut:

4. Apakah pandangan anda tentang keberkesanan penyelidik membangunkan model LEXICOLSEM ini?
5. Adakah Model LEXICOLSEM ini akan memberi kesan kepada pelajar-pelajar universiti tempatan (IPT) khususnya dalam bidang pengajian bahasa Arab di Malaysia?
6. Apakah cadangan penambahbaikan model LEXICOLSEM untuk terus diaplikasikan oleh pelajar-pelajar khususnya pelajar Pengajian bahasa Arab dan al-Quran di Malaysia?

Jadual di Lampiran 49 memaparkan soalan-soalan dan jawapan temu bual bersama dua (2) panel pakar di kalangan Ahli bahasa Arab dan Ahli al-Quran bagi mencapai objektif kajian 2 dan 3 seterusnya dapat mengesahkan model LEXICOLSEM ini dengan baik.

4.4.4 Analisis Temu bual

Seterusnya, penulis melakukan analisis temu bual bersama dua orang pakar di kalangan pakar bahasa Arab dan pakar al-Quran dalam menyatakan objektif kajian yang kedua iaitu Menganalisis perkataan dalam surah al-Hajj (الحج) mengikut corak Leksikologi Semantik Arab, dan menyelidik hubungan Leksikologi Semantik

perkataan dalam surah al-Hajj, dan objektif kajian ketiga iaitu Mengesahkan model yang diusulkan dengan ahli bahasa Arab, dan ahli al-Quran. Justeru, hasil dapatan perbincangan dalam temu bual ini menjurus kepada penjelasan terhadap enam faktor utama yang menyumbang signifikan kepada pengesahan model LEXISOLSEM oleh ahli-ahli bahasa Arab dan al-Quran dalam penggunaannya dalam surah al-Hajj iaitu pemahaman terhadap hubungan semantik perkataan yang sinonim, antonim, hipernim, hiponim, holonim dan meronim, perkaitan antara surah al-Hajj dengan hubungan perkataan yang sinonim, antonim, hipernim, hiponim, holonim dan meronim, cadangan penggunaan hubungan antara perkataan dalam pembelajaran bahasa Arab dan Pengajian Islam, keberkesanan pengkaji dalam membangunkan model LEXICOLSEM, keberkesanan aplikasi terhadap pelajar-pelajar dalam bidang bahasa Arab dan Pengajian Islam di IPT, dan penambahbaikan model LEXICOLSEM supaya pelajar-pelajar dapat mengaplikasikannya secara berterusan.

Aspek pemahaman terhadap hubungan semantik antara perkataan yang sinonim, antonim, hipernim, hiponim, holonim dan meronim mengikut corak Leksikologi Semantik Arab merupakan faktor yang mempengaruhi hubungan Leksikologi Semantik perkataan surah al-hajj secara signifikan.

Berdasarkan analisis kandungan yang dilakukan terhadap hasil temu bual yang diperolehi, kedua-dua pakar bahasa Arab dan al-Quran menyatakan persetujuan mereka terhadap pentingnya pemahaman terhadap hubungan perkataan yang sinonim, antonim, hipernim, hiponim, holonim dan meronim mengikut corak Leksikologi Semantik Arab. Oleh itu, sebelum membaca al-Quran sebolehnya pelajar-pelajar memahami terhadap hubungan perkataan dan Leksikologi Semantik Arab antara perkataan dalam surah al-Hajj.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh pakar bahasa Arab, beliau menyatakan “...perkataan dalam surah al-Hajj yang dibaca mesti memahami dari segi leksikalnya dan kemudian barulah memahami secara semantik bahasa kerana memberikan makna yang betul, maka kita boleh aplikasikan dalam hidup...”. Beliau kemudian menjelaskan lagi bahawa “Setiap perkataan ada pengajaran dalam surah al-Hajj ini...” (2022, temu bual). Selain itu, menurut pakar al-Quran “...keputusan dalam ujian hipotesis menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang kuat antara pembelajaran bahasa Arab dengan penguasaan pelajar dalam membaca al-Quran...”. Beliau kemudian menambah bahawa “...bahawa pembelajaran bahasa Arab semantik mempunyai peranan yang tersendiri dalam meningkatkan tahap pembelajaran al-Quran pelajar...” (2022, temu bual). Kenyataan kedua-dua pakar ini menunjukkan bahawa pemahaman yang mendalam dalam pembelajaran bahasa Arab semantik dapat meningkatkan tahap pembelajaran al-Quran pelajar-pelajar.

Selain itu, aspek perkaitan antara surah al-Hajj dengan hubungan perkataan yang sinonim, antonim, hipernim, hiponim, holonim dan meronim dalam bahasa Arab juga ditekankan sebagaimana yang dinyatakan oleh pakar bahasa Arab “...enam hubungan antara kata-kata yang sinonim, antonim, hipernim, hiponim, holonim dan meronim ini berada dalam Leksikal Semantik Arab (LEXICOLSEM) itu sendiri...” tambah beliau lagi “...Maka, ianya semestinya berkait antara satu perkataan dengan perkataan dalam al-Quran...”. Oleh itu beliau menegaskan “...beliau percaya bahawa pembelajaran tatabahasa Arab melalui teks al-Quran dapat meningkatkan motivasi pelajar juga dalam menghafaz al-Quran...” (2022, temu bual). Berdasarkan kenyataan ini, menunjukkan bahawa hubungan perkataan dalam bahasa Arab jelas sekali dapat memudahkan para pelajar, para pendidik khususnya bahasa Arab dan Pengajian Islam

mempelajari dan memahami bahasa Arab al-Quran dengan baik secara Leksikal Semantik Arab.

Faktor seterusnya yang menyumbang signifikan kepada pengesahan model LEXICOLSEM dalam penggunaannya dalam surah al-Hajj ini adalah dari sudut keberkesanan pengkaji membangunkan dan penggunaan model LEXICOLSEM ini dalam surah al-Hajj. Secara ilmiahnya, kriteria utama yang mendorong pengkaji atau penyelidik dalam membangunkan model ini adalah kerana pengkaji melihat kepada kurangnya keberkesanan pelajar-pelajar di IPT dalam menguasai pemahaman bahasa Arab. Adapun pengkaji memahami bahawa bahasa Arab bukanlah merupakan medium utama dalam pembelajaran, namun pengkaji yakin bahasa Arab ini boleh dijadikan sebagai medium pembelajaran kedua di IPT, dan sekolah-sekolah di Malaysia. Berdasarkan hasil temu bual bersama pakar bahasa Arab, beliau berpandangan “...pembinaan model dapat membantu penyelidik untuk membangunkan model dengan berkesan dan menarik...”. Tambahan beliau “...peringkat-peringkat yang terdapat dalam model ini yang sistematik dan fleksibel sangat membantu penyelidik untuk menyesuaikan model tersebut dengan konteks kajian...”. Selain itu, beliau menegaskan “...beliau percaya bahawa pembelajaran tatabahasa Leksikologi Semantik Arab melalui teks al-Quran dapat meningkatkan motivasi pelajar dan memudahkan para pelajar untuk memahami setiap ayat dalam al-Quran khususnya dalam surah al-Hajj...” (2022, temu bual). Kenyataan ini ditunjukkan dalam kajian yang dijalankan oleh Harizt Azfar (2021); Sorni Suleiman (2021); Mohammed Jawad (2020); Zahariah Hussin et al (2016). Namun sebaliknya, Abdul Hamid (2018) mengatakan bahawa “...menggunakan kisah al-Quran sebagai kandungan utama dalam pendidikan juga boleh menggalakkan mereka mempelajarinya dengan baik...” (2022, temu bual). Sementara pakar al-Quran turut menyatakan pandangan beliau “...pendekatan

kualitatif dan kuantitatif dalam mereka bentuk model LEXICOLSEM yang dikehendaki dengan menggunakan Analisis Teks dan Statistical Package for Social Sciences (SPSS) dalam analisis data..”. Tambahan beliau “...hasilnya, penyelidik boleh mereka bentuk model pengajaran bahasa Arab dan surah al-Hajj berdasarkan teori Model LEXICOLSEM yang bersesuaian dengan keperluan pelajar...” (2022, temu bual). Maka, pandangan pakar merumuskan daripada ini bahawa pembangunan model pengajian yang disimpulkan daripada teks al-Quran dan apa yang berkaitan dengannya adalah sesuai untuk meningkatkan tahap akademik pelajar.

Hal ini menunjukkan model LEXICOLSEM ini boleh berjaya dan berkesan dalam pembinaannya, bukan sahaja terhadap penyelidik dalam membangunkan model ini. Sebaliknya, target pengguna iaitu pelajar-pelajar juga perlu mengaplikasikan model ini dengan berkesan dalam bidang pengajian bahasa Arab dan Pengajian Islam di IPT. Maka, penulis telah menemubual pakar-pakar bahasa Arab dan al-Quran dalam menentukan tahap keberkesanan model LEXICOLSEM ini terhadap pelajar-pelajar IPT khususnya dalam bidang bahasa Arab di Malaysia. Pakar bahasa Arab yang berpandangan dalam kenyataan beliau “...model ini semestinya akan memberi kesan positif kepada pelajar...”, tambahan beliau dalam pandangannya bahawa “...pelajar-pelajar akan mengaplikasikan secara tepat, cepat mudah dan senang diaplikasikan dalam al-Quran kerana ianya metod yang kreatif dan otak mereka lebih berkembang ke arah metafizik...” (2022, temu bual). Adapun pakar al-Quran pula memberi pandangan “...model ini berkesan dan sesuai untuk pelajar-pelajar universiti atas kebergantungan kepada kandungan kaedah LEXICOLSEM...”. Hasilnya “...beliau percaya bahawa kajian ini berjaya dalam mereka bentuk model pengajaran yang sesuai untuk pelajar yang mempelajari bahasa Arab dan al-Quran...”. Tambahan beliau dengan mencadangkan agar model LEXICOLSEM ini diperkayakan lagi

dengan reka bentuk model pembelajaran bahasa Arab al-Quran bagi mengembangkan minat pelajar untuk mendalami bahasa Arab dan al-Quran.

Dalam temu bual yang dijalankan terhadap dua pakar-pakar ini, faktor terakhir yang dibincangkan adalah penambahbaikan model LEXICOLSEM supaya pelajar-pelajar dapat mengaplikasikannya secara berterusan bagi menyumbang signifikan kepada pengesahan model LEXICOLSEM dan penggunaannya dalam surah al-Hajj. Pakar bahasa Arab telah menyatakan cadangan penambahbaikan:

“...beliau mencadangkan model LEXICOLSEM ini akan terus berkembang sehingga ke tahap 18 dan dapat diaplikasikan kepada pelajar-pelajar khususnya dalam pengajian bahasa Arab dan al-Quran di Malaysia supaya mereka lebih kreatif. Malah sehingga tahap ketiga ini mereka telahpun faham dan boleh aplikasikannya dengan baik...”

Sementara itu, pakar al-Quran pula memberikan cadangan penambahbaikan dengan menyatakan “...agar pengkaji boleh menggunakan Model Sharifah Alawiyah Alsagoff (1981) dalam membangunkan model. Model bahasa Arab al-Quran daripada beberapa penulis turut menjadi rujukan. Daripada kajian ini, pengkaji dapat mengetahui aktiviti-aktiviti pembelajaran bahasa Arab menerusi al-Quran melalui program tahfiz ulul albab...”. Tambahan beliau “...pengkaji boleh juga mengenal pasti keperluan pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab menerusi al-Quran disamping membina model yang bersesuaian dengan para pelajar pengajian bahasa Arab dan al-Quran di Malaysia...”.

4.5 Kesimpulan

Secara kesimpulannya dapat dirumuskan terdapat enam faktor yang menyumbang secara signifikan kepada pengesahan model LEXICOLSEM dalam surah al-Hajj ini oleh dua orang pakar bahasa Arab dan al-Quran iaitu pemahaman terhadap enam hubungan perkataan, perkaitan antara surah al-Hajj dengan enam hubungan perkataan, cadangan penggunaan hubungan perkataan dalam pembelajaran bahasa Arab dan al-Quran, keberkesanan pengkaji dalam membangunkan model LEXICOLSEM, keberkesanan aplikasi penggunaan model LEXICOLSEM, dan penambahbaikan model LEXICOLSEM secara aplikasinya secara berterusan. Oleh yang demikian, penilaian kebolegunaan model LEXICOLSEM yang telah dinilai oleh panel-panel pakar dari aspek-aspek kebolegunaan model, mudah digunakan, dan kepuasan pengguna.